| Jumlah | 6,127 | 1,476 | 3,522 | 171 | 11,296 |

Enrolmen Pelajar Mengikut Peringkat Pengajian

| Peringkat Pengajian | Kampus | | | Jumlah |
|----------------------------------|--------|-----------|--------------|--------|
| | Induk | Kesihatan | Kejuruteraan | |
| Enrolmen Pelajar | | | | |
| Ijazah Kedoktoran | 3,368 | 249 | 650 | 4,267 |
| Sarjana | 4,791 | 1,645 | 593 | 7,029 |
| Ijazah Sarjana Muda (Penuh Masa) | 10,198 | 2,737 | 2,294 | 15,229 |
| Ijazah Sarjana Muda (Jarak Jauh) | 6,941 | 0 | 0 | 6,941 |
| Diploma | 0 | 223 | 0 | 223 |
| Jumlah | 25,298 | 4,854 | 3,537 | 33,689 |

Graduan Mengikut Peringkat Pengajian

| Peringkat Pengajian | Kampus | | | Jumlah |
|---|--------|-----------|--------------|--------|
| | Induk | Kesihatan | Kejuruteraan | |
| Graduan | | | | |
| Ijazah Kedoktoran | 455 | 45 | 87 | 587 |
| Sarjana | 1,227 | 259 | 154 | 1,640 |
| Ijazah Sarjana Muda | 3,398 | 552 | 527 | 4,477 |
| Ijazah Sarjana Muda (Program Ijazah Luaran) | 18 | 0 | 0 | 18 |
| Diploma | 0 | 74 | 0 | 74 |
| Jumlah | 5,098 | 930 | 768 | 6,796 |

Nota:

Statistik kemasukan dan enrolmen pelajar Ijazah Pertama pada sem 1, sidang akademik 2015/2016 (31 Okt. 2015)

Statistik kemasukan dan enrolmen pelajar Ijazah Tinggi dalam tempoh Januari - Disember 2015

Statistik graduan pada konvokesyen April & November 2015

Pelajar Antarabangsa

| Peringkat Pengajian | Kampus | | | Jumlah |
|---|--------|-----------|--------------|--------|
| | Induk | Kesihatan | Kejuruteraan | |
| Enrolmen Pelajar Antarabangsa | | | | |
| Ijazah Kedoktoran | 1,277 | 81 | 177 | 1,535 |
| Sarjana | 328 | 84 | 38 | 450 |
| Ijazah Sarjana Muda (Penuh Masa) | 150 | 5 | 7 | 162 |
| Pengajian Tanpa Ijazah (termasuk Skim Pertukaran Pelajar) | 727 | 0 | 0 | 727 |
| Jumlah | 2,482 | 170 | 222 | 2,874 |

Nota:

Pelajar Antarabangsa bagi Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Tinggi merangkumi 63 buah negara





**LAPORAN PENERUSI,
LEMBAGA GABENOR UNIVERSITI**

Senario Pendidikan Tinggi

Universiti Sains Malaysia (USM) menunjukkan prestasi cemerlang sepanjang 2015. Fokus utamanya ialah turut menjayakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia – Pendidikan Tinggi (PPPM-PT) yang menekankan Transformasi Pengajian Tinggi untuk Kecemerlangan yang disokong dengan tindakan-tindakan berstrategik untuk terus “soaring upwards” – usaha Kementerian Pendidikan Tinggi untuk meletakkan pendidikan tinggi negara di mercu dunia.

USM berusaha untuk menjajarkan Program Pemacuan Untuk Kecemerlangan (Accelerated Programme for Excellence - APEX) yang kini memasuki fasa kedua mengikut hala tuju perancangan senario dan jangkauan 2020 dengan melakukan pengukuhan proses transformasi untuk mengubahkan landskap pendidikan tinggi bagi menyokong pelaksanaan semua lonjakan PPPM-PT.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11), USM akan memberikan tumpuan terhadap usaha untuk menjadi sebuah universiti penyelidikan terkemuka dalam bidang-bidang tujahan (*niche*) termaju, menjadi sebuah universiti pilihan pelajar dari dalam mahupun dari luar negara, merancang dan melaksanakan APEX Fasa 2 dan menjadi universiti rujukan dalam kelestarian seiring dengan PPPM-PT.

Perancangan dan pelaksanaan semua aktiviti ini bertujuan menyokong perancangan negara bagi mengukuhkan pembangunan inklusif, meningkatkan kesejahteraan rakyat, membangunkan modal insan, menuju ke arah pertumbuhan hijau, memperkasakan aras pertumbuhan dan merekayasa ekonomi negara yang didokong oleh projek-projek berimpak tinggi melalui tindakan segera dan kos yang efektif.

Usaha ini diharapkan dapat dicapai melalui pelbagai kerjasama yang dijalinkan dengan pelbagai pihak dan institusi di dalam negara dan pada peringkat antarabangsa. USM berusaha untuk menzahirkan penyelidikan

global tersohor dalam bidang-bidang tujahan dengan menjadi sebahagian daripada pemain utama pembinaan negara melalui penghasilan siswazah pada aras tinggi melalui program pasca-siswazah untuk meningkatkan kebolehpasaran graduannya.

Sasaran USM ialah menghasilkan bakat yang relevan dengan keperluan negara dan senario global masa hadapan, menyediakan program akademik yang menumpukan perhatian pada Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Perubatan (STEM) dan rentas bidang khususnya kelestarian sebagai pilihan pelajar, memperkasakan program penyelidikan yang bertanda aras tinggi di samping melebarkan penawaran program-program akademik pesisir pada peringkat antarabangsa seperti di India, Indonesia serta beberapa buah negara lain. Usaha yang dilakukan termasuklah menawarkan program sarjana berkembar pada peringkat ijazah tinggi dengan universiti di Perancis, Jerman dan Jepun.

USM memperkasakan laluan kerjaya pelajar mahupun pensyarah melalui model TeRamPiL yang diperkenalkan sebagai asas pembangunan berterusan yang menekankan peningkatan kualiti kerjaya (pengajaran dan pendidikan) sebagai pendidik, penyelidik, pengamal dan pemimpin untuk memenuhi keperluan PPPM-PT agar ahli-ahli akademik mempunyai dan menguasai keempat-empat kemahiran tersebut yang bersesuaian dengan makna keterampilan atau kompetensi dalam bentuk latihan, penilaian tahunan malah digunakan untuk proses kenaikan pangkat sebagai atribut kompetensi kalbu, kompetensi fungsian dan kompetensi generik.

USM turut memperkukuh kompetensi pelajar, melalui Program *APEX Scholar* yang mula mengambil kumpulan pertama pelajar untuk menjalani program yang bersifat holistik dengan menyasarkan usaha memenuhi keperluan kerjaya pada peringkat global melalui program latihan dan *hands-on* yang terancang dengan kerjasama dengan institusi di seluruh dunia yang berada dalam pelbagai jaringan yang telah dibangunkan oleh USM.

Laporan Pencapaian

USM menempa pelbagai kejayaan sepanjang 2015. Data yang ada menunjukkan bahawa para penyelidik dan ahli akademik USM telah menghasilkan sebanyak 20,814 penerbitan termasuk penerbitan bersama ahli akademik dari 127 buah negara dunia seperti dari India, Arab Saudi, United Kingdom, Jepun, Amerika Syarikat, Australia, Iran, Indonesia, Iraq, Bangladesh, Pakistan, Thailand, Republik Rakyat China, Mesir, Perancis, Singapura, Jerman, Palestin, Jordan, Kanada, Korea Selatan, New Zealand, Sudan, Taiwan, Sepanyol, Qatar, Italy, Yemen, Libya, Republik Ireland, Turki, Belanda, Peru, Vietnam, Denmark, Switzerland, Ghana, Mexico dan banyak lagi negara lain.

Data terkini juga menunjukkan bahawa sebanyak 51 hasil produk penyelidikan USM dipatenkan di lebih 15 buah negara termasuk Singapura, Thailand, Jerman, Indonesia, Turki, United Kingdom, Australia, Jepun, Rusia, Switzerland, Amerika Syarikat, Republik Rakyat China, Korea Selatan dan Malaysia serta beberapa buah negara Afrika.

Sehingga 31 Disember 2015, seramai 309 orang ahli akademik USM menghasilkan penerbitan dengan indeks sitasi yang tinggi dengan lebih 50% daripadanya mencapai lebih daripada 500 sitasi dengan yang paling tinggi lebih daripada 11, 182 sitasi daripada 222 penerbitan dalam SCOPUS. Penulisan mereka dirujuk oleh ahli-ahli akademik lain dari seluruh dunia merentasi pelbagai bidang dalam Kejuruteraan, Teknologi Industri, Sains Farmasi, Sains Perubatan dan Pendidikan Jarak Jauh.

USM sentiasa memberikan tumpuan terhadap kecemerlangan secara menyeluruh. Pada masa ini, masyarakat begitu peka akan pencapaian institusi

dalam *ranking* sedangkan mereka tidak mempunyai pengetahuan menyeluruh terhadap asas yang digunakan dalam instrumen penilaian oleh agensi penarafan *ranking*.

Walaupun tidak terlibat secara khusus dalam penilaian *ranking*, penarafan yang diberikan terhadap pencapaian USM dalam *ranking* mencerminkan kecemerlangan institusi. Momentum kecemerlangan USM sentiasa berkembang; *QS World University Ranking (QS-WUR)* memberikan penarafan *ranking* ke-289 pada tahun 2015 dengan peningkatan sebanyak 20 kedudukan *ranking* berbanding *ranking* ke-309 pada 2014 oleh badan penarafan yang sama.

Pada tahun 2015 juga, USM diiktiraf sebagai *QS-WUR Top 50 Under 50* pada kedudukan ke-26 terbaik dunia. *QS-WUR Top 50 Under 50* merupakan instrumen yang digunakan untuk menilai 50 Universiti Terbaik Dunia yang berusia kurang daripada 50 tahun penubuhannya. Selain itu, *QS-WUR* juga memberikan penarafan USM dalam beberapa kategori seperti berikut:

- *QS-WUR by Field : World's Top 100 Best Universities by Fields* dalam bidang Kejuruteraan dan Teknologi (*ranking* ke-85 dunia) dan Pengurusan & Sains Sosial (*ranking* ke-89 dunia)
- *QS-WUR by Subjects* : 16 subjek pengajian USM telah tersenarai dalam 200 Universiti Terbaik Dunia mengikut subjek.

Penarafan lain yang diterima oleh USM pada tahun 2015 adalah seperti yang berikut :



USM juga menerima pengiktirafan tinggi yang menunjukkan pencapaian cemerlang di pentas dunia di dalam negara. Misalnya, dua daripada empat orang ahli akademik Malaysia tersenarai sebagai *The world's most influential Scientific Awards 2015* (yang dianalisis berdasarkan data sitasi lebih 11 tahun dalam penerbitan berimpak tinggi) paling berpengaruh dunia adalah daripada USM. Seramai tujuh daripada 14 orang yang diiktiraf sebagai *Top Rising Stars Malaysia* kerana berjaya menghasilkan artikel yang menerima sitasi penerbitan 1% tertinggi dunia, dengan merujuk pangkalan data *Web of Science (WoS)*, *Thomas Reuters* dan *Incites* adalah dari USM.

Tambahan pula, seramai 26 orang penyelidik USM diiktiraf sebagai *Top Research Scientist Malaysia (TRSM)* daripada Akademi Sains Malaysia yang melibatkan 110 orang saintis di negara ini manakala tiga orang ahli akademik USM menerima Anugerah Akademik Negara yang diadakan pada tahun 2015.

USM memberikan komitmen tinggi terhadap isu kelestarian melalui sembilan inisiatif *Sustainable Development Policy* – USM mempunyai polisi pembangunan lestari yang menjadi garis panduan kepada masyarakat kampus dengan menyediakan *Sustainability Road Map* dan fokus terhadap perkara-perkara yang perlu ditumpukan oleh masyarakat kampus dengan membangunkan hala tuju lima tahun Kelestarian USM (2015-2020).

Metodologi Penilaian Kelestarian (*Sustainability Assessment Methodology – SAM*) kini didaftarkan sebagai cap dagangan di bawah Perbadanan Harta Intelek Malaysia pada 24 Jun 2015.

Tumpuan juga diberikan terhadap kerangka kerja *Water Energy Health Agriculture Biodiversity (WEHAB)*; Sarjana dalam Amalan Pembangunan Lestari, program minor dalam Kelestarian yang ditawarkan sebagai satu program akademik dan pemerksaan Pusat Kepakaran Serantau Pulau Pinang dan Pusat Kajian Kelestarian Global.

Program Pemindahan Ilmu yang dipelopori oleh USM bagi pihak Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Pendidikan sejak lima tahun lalu telah menunjukkan hasil yang memberangsangkan melalui Pusat Pemindahan Ilmu Toray-USM yang mempamerkan komitmen tinggi USM untuk keluar daripada lingkungan universiti dengan memindahkan ilmu yang dihasilkan melalui usaha penyelidikan kepada industri dan masyarakat.

USM kini menerajui beberapa jaringan yang membawanya terkehadapan di pentas global iaitu *Asia-Pacific University-Community Engagement Network* (APUCEN), *South East Asian Sustainability Network* (SEASN), *Global Higher Education Network* (GHEN), *Regional Sejahtera Education for Sustainable Development Network* (RSEN) dan *Asian Local Knowledge Network* (ALKN).

Dalam libat sama akademia-industri, seramai kira-kira 3,000 orang ahli akademik terlibat secara langsung dalam pelbagai projek kolaborasi yang sebahagian besarnya melalui pihak swasta tempatan, agensi kerajaan, syarikat multinasional, syarikat GLC, pertubuhan bukan kerajaan dan pelbagai pihak lain.

Penerbit USM menunjukkan prestasi cemerlang dan memberangsangkan dengan menjadi peneraju untuk penerbitan elektronik dalam kalangan penerbit ilmiah di Malaysia yang berjaya mengedarkan e-buku ilmiah ke seluruh pelosok dunia. Perkara ini dilakukan melalui kolaborasi dengan pengedar ternama antarabangsa untuk pasaran antarabangsa seperti *Trajectory*, *Kobo*, *OverDrive*, *Google*, *Barnes and Noble*, *EBSCO Publishing*, *ProQuest*, dan *Ingram* sebagai rakan strategik yang melibatkan kedai buku elektronik seperti *Amazon*, *Google Play Books*, *App Store*, *3M*, *Scribd*, *Hoopla*, *24 Symbols*, *Bookmate*, *Humble Bundle* dan sebagainya yang berpangkalan di Amerika Syarikat, Sepanyol, Sweden dan Guatemala sebagai outlet jualan e-buku Penerbit USM.

Sementara itu, sebanyak 11 jurnal daripada 15 jurnal terbitan Penerbit USM tersenarai dalam pangkalan data Scopus termasuk satu jurnal dalam pangkalan data *Thomson Reuters Web of Science* dan empat lagi dalam pangkalan data baharu *Emerging Sources Citation Index* (*Thomson Reuters*). Kandungan jurnal secara digital dapat dilanggan melalui *EbscoHost* dan *ProQuest* manakala terdapat juga jurnal yang diindeks dalam *Index Islamicus*, *Chemistry Abstract Services* (CAS) dan *WorldCat*. Koleksi digital dan bercetak juga terdapat di perpustakaan ilmiah luar negara seperti di Oxford University, Cambridge University, Stanford University dan Université de Lyon.

USM juga menjalankan projek pesisir Pendidikan Jarak Jauh bersama:

- Universitas Pembangunan Pancabudi, Medan, Indonesia,
- Projek luar pesisir USM-KPT (Politeknik Port Dickson),
- KLE International Medical Programme,
- *Dual Masters* bersama Eastern Bavarian, University of Technology, Regensburg, Jerman
- *Dual PhD* dengan universiti Perancis iaitu Universite de Lorraine Nancy, Universite de Grenoble, The University of La Rochelle bersama-sama Newcastle University, United Kingdom dan Nagaoka University of Technology, Jepun.

USM mendapat pengiktirafan melalui akreditasi antarabangsa dalam program-program akademik misalnya daripada *Royal Society Chemistry*, *The Association to Advance Collegiate Schools of Business* (AACSB) *International* untuk Program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan dan Penyelarasan Program antara Pusat Pengajian Pengurusan dengan Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh.

Pusat Serantau Pengajian Pengurusan Pembangunan Islam dilaksanakan melalui konsep Pengajaran-Pembelajaran Dari Hati Ke Hati yang selari dengan konsep TeRAMPIL dengan menjadikan Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan

Islam sebagai Pusat Rujukan Serantau melibatkan Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Brunei Darussalam, Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara, Indonesia, Universitas Jember, Indonesia, Universitas Islam Bandung, Indonesia, *Lahore College for Women University, Pakistan, Islamic Relief Academy, United Kingdom* dan *Bergen University College, Norway*.

USM turut memperkukuh libat sama industri sebagai asas untuk masa hadapan dalam pelbagai bidang dan disiplin dalam sains tulen mahupun sains gunaan yang membolehkan program *Industry-Community in the Classroom*, program sandaran ahli akademik serta program internship di 23 buah pusat pengajian yang melibatkan kira-kira 2,000 orang pelajar serta program *Industry/Community Advisory Panel* dan *CEO-Initiatives* dilaksanakan.

Dari segi khidmat kepada masyarakat tempatan, Hospital USM menjadi satu-satunya hospital yang beroperasi penuh dalam membantu mangsa banjir di Pantai Timur terutama di Kelantan.

USM juga menghakupaya sukarelawan USM dalam menggembelngkan tenaga membantu penduduk menghadapi bencana banjir besar di Pantai Timur termasuk memperkukuh Kor Sukarelawan USM dalam Briged Bencana yang mengumpulkan 17 entiti sukarelawan yang dianggotai kira-kira 1,500 orang pelajar. Sebanyak 165 program dilaksanakan dengan penyertaan/penglibatan 5,000 orang pelajar.

USM turut berjaya mewujudkan kerangka Pembangunan Bakat Staf dan Pelajar melalui tiga objektif strategik termasuk pembangunan bakat, membangunkan kerangka pembangunan sumber manusia dan HEBAT (Holistic, Entrepreneurial, Balanced, Articulate, Thinker) sebagai tonggak utama usaha pembangunan bakat. Hal ini dilakukan melalui sembilan mekanisme *MyTalent; International Outreach Programme; APEX Scholar; My Continuous Student Development;*

TeRAMPIL; Pimpin Siswa II; My Continuous Professional Development; Pusat Transformasi Insan dan Pusat Inovasi dan Produktiviti Pentadbiran Awam.

Sepanjang tahun 2015, seramai lebih 3,000 orang pelajar mendapat pendedahan kemahiran baharu dalam akademik, sahsiah dan kemahiran pembelajaran melalui program khas *Lunch & Learn*.

USM turut melaksanakan pembangunan pelbagai strategi dalam pengajaran dan pembelajaran – *e-Learning, Blended learning* dan *Open Educational Resources/ Open CourseWare/Massive Open Online Course*.

USM juga mengukuhkan kolaborasi pada peringkat dunia sebagai rakan strategik aktif misalnya melalui:

- *MRUN-TRU Research Consortium (Malaysian Research Universities-Thailand Research Universities)*,
- Penawaran program bersama *Ostbayerische Technische Hochschule Regensburg (OTH)*, Jerman dengan menawarkan *International Dual Degree Programme (Master of Engineering in Electrical and Microsystems Engineering dan Master of Science in Solid State Physics)*. Melalui penawaran ijazah berkembar ini, calon mendapat ijazah sarjana daripada USM dengan gabungan serentak ijazah sarjana yang mempunyai akreditasi Eropah – *European Master Degree (M. Eng in Electrical and Microsystems Engineering)* dari OTH.

USM turut menawarkan program *Master's in Sustainable Development Practice* bersama *The Earth Institute, Columbia University, Amerika Syarikat* yang menyediakan siswazah terhadap keupayaan untuk mengenal pasti dan menghadapi pelbagai cabaran dalam pembangunan lestari. Program ini melibatkan 25 buah universiti di enam buah benua menggabungkan latihan merentasi sektor. USM ialah satu-satunya universiti di Asia Tenggara yang menawarkan program ini.

Ahli akademik dan penyelidik USM

turut bekerjasama dengan pakar-pakar terkemuka dari *King's College London, United Kingdom; University of Oxford, United Kingdom, Harvard University, Amerika Syarikat, Universidad San Francisco de Quito, Ecuador; University of Zimbabwe, Harare, Zimbabwe; Tomsk State University, Rusia; Toyohashi University of Technology, Jepun* serta beberapa buah universiti Czech Republik. USM turut melaksanakan pogram komuniti dengan Yale University, Amerika Syarikat untuk penyelidikan dalam bidang penyalahgunaan dadah di Malaysia yang diiktiraf oleh National Institute of Drug Abuse, Amerika Syarikat. Hasilnya penyelidik USM-Yale telah memenangi Anugerah Cemerlang dalam kategori Penyelidikan Kolaborasi Antarabangsa.

USM memperkasakan usaha penyelidikan dan inovasi melalui 10 mekanisma iaitu melalui *Collaborative Research in Engineering Science & Technology Centre, Sains@USM, Institut Perubatan dan Pergigian Termaju, USAINS Holding Sdn, Bhd, Incubator Innovation University, CRIS & Nexus for Cross Discipline and Transdisciplinary Research; Sustainability Flagship Research, empat Pusat Kecemerlangan, Higher Institution Centre of Excellence dan Global Prominence & Research Internationalization in Archaeology.*

USM turut memperkukuh kerjasama dengan institut penyelidikan terkemuka dunia iaitu RIKEN Institute, Jepun untuk membangunkan Pusat Penyelidikan Sains Penuaan Antarabangsa USM-RIKEN atau lebih mudah dengan istilah URICAS (USM-RIKEN International Centre for Ageing Science).

Di samping itu, ahli-ahli akademik USM berpeluang menjalankan penyelidikan bersama pakar-pakar daripada IBM Research – Almaden, San Jose, Amerika Syarikat berkaitan Star Polymer nano materials in antimicrobial and drug delivery applications untuk memindahkan teknologi nano ke Malaysia. USM juga mempunyai hubungan rapat dengan University of California Santa Barbara, Amerika Syarikat untuk *LED Technology*

Research Cluster for Development of Next Generation Solid State Lighting Based on GaN-on-GaN and OLED yang juga melibatkan kerjasama penyelidikan yang melibatkan *Collaborative Research in Engineering Science & Technology Centre, Northern Corridor Implementation Authority* dan beberapa universiti dan industri lain termasuk Universiti Malaya, ItraMAS, Osram dan Penchem.

Pusat Inovasi dan Produktiviti Pentadbiran Awam (PIPPA) pula menjalankan kerjasama antarabangsa di negara-negara Timur Tengah seperti Qatar dan Emiriah Arab Bersatu, Australia, Turki dan yang terbaharu di Eropah. Antara rakan strategik PIPPA ialah *Educational Competencies Consortium Ltd., United Kingdom; Saudi Aramco, Arab Saudi; Central Official of Training Institute, Korea Selatan; City of Mandurah, Australia; Qatar University, Qatar; Murdoch University, Australia; Indiana University, Amerika Syarikat; University of Palermo, Itali; The University of Hong Kong, Hong Kong; Workplace DNA, Australia; Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia dan Institut Tadbiran Awam Negara* dengan mengadakan lebih 21 kursus yang disertai oleh hampir 500 peserta dari seluruh dunia.

Sepanjang 2015, USM memperkukuh kerjasama dengan:

- Newcastle University (NU), United Kingdom dengan menjalankan penyeliaan bersama Ph.D (Joint PhD supervision) dan pelantikan felo penyelidikan dari NU yang turut menghasilkan penerbitan bersama.
- Lorraine University Perancis untuk projek *Research Collaboration of Materials Science* dan mengadakan program berkembar.
- University of Bath United Kingdom untuk kerjasama penyelidikan Program Doktor Perniagaan dalam Pengurusan Pengajian Tinggi, Penyelidikan Polisi dan Resolusi Politik, Pengurusan dan Pemasaran serta penempatan sabatikal bagi staf akademik dan juga penempatan penyelidikan pelajar siswazah.

Pada 2015, USM juga memperkukuh kedudukannya melalui penemuan-penemuan dalam bidang arkeologi sebagai hasil Penyelidikan Arkeologi Sungai Batu, Kedah yang menemukan bukti peleburan besi di tapak Sungai Batu bertarikh 535 SM, hasil penemuan ini menjadikan tamadun Kedah Tua sebagai tamadun tertua Asia Tenggara; Penyelidikan Arkeologi Gua Pelangi, Negeri Sembilan yang menemukan bukti prasejarah kebudayaan Paleolitik bermula 14,000 tahun dahulu.

Penyelidikan Arkeologi Bukit Bunuh menemukan buat pertama kalinya mineral zirkon yang mendedahkan komposisi hasil impak – satu penemuan saintifik dan USM dijemput oleh Korea Selatan untuk mempamerkan kebudayaan Paleolitik Malaysia di Festival Prasejarah Jeongok. Bukit Bunuh telah dipilih dalam program bengkel UISPP 2015 (United International Science for Prehistory and Protohistory) serta pelantikan penyelidik sebagai *Scientific Committee Editor* untuk jurnal *Lithic Studies*.

Kerajaan Negeri Perak menghadiahkan tambahan 3.3 ekar tanah kepada Pusat Arkeologi USM- Lenggong untuk menaiktarafkan Pusat Lapangan Arkeologi

Pusat Penyelidikan Arkeologi Global juga mencipta sejarah dalam Penyelidikan Arkeologi Rangka Kapal Terbang Dakota C-47 di Beruas, Perak yang dipilih dan dilantik oleh *United States Department of Defense* melalui *Defense POW/MIA Accounting Agency (DPAA)* dan Kementerian Pertahanan Malaysia untuk mengetuai projek ini. USM akan terus mengetuai 18 lagi projek arkeologi ketenteraan di seluruh negara dalam program menyelamatkan warisan ketenteraan.

USM turut terlibat dalam Penyelidikan Arkeologi Islam dengan penemuan dan jaringan kerjasama penyelidikan dengan penemuan evolusi jenis batu nisan Aceh sebelum dan selepas 1,007 Masihi serta

mendapatkan persetujuan Aceh untuk membangunkan tapak Lamuri sebagai satu produk pelancongan Islam.

Penyelidikan Arkeologi Gandhara Pakistan dengan penemuan tapak Buddha di Pashto Academy 201 mengesahkan kewujudan bukti tapak Buddha di dalam kampus University of Peshawar dan melengkapkan data tamadun Gandhara.

USM juga mengadakan libat sama pelajar melalui aktiviti kelestarian melalui Sekretariat Kampus Sejahtera yang berfokus pada program ekosfera di dalam kampus melibatkan elemen yang menyeluruh seperti udara, air, tanah, tenaga, manusia, perilaku kemanusiaan, hati dan qalbu yang melibatkan hampir 12,000 pelajar.

Program Keusahawanan USM pula meraih pelbagai kejayaan, antaranya Anugerah Kelab Myagrosis Jaya, Johan The Best Idea bagi program 1MET; Anugerah Khas dalam Anugerah Sanggar Sanjung, Anugerah khas dalam Karnival Keusahawanan dan memenangi tempat kedua projek 3 shaw dalam pertandingan My Uni rocks 2015 anjuran IM4U membawa pulang hadiah bernilai RM15,000.

APEX 2020

Perancangan Strategik USM APEX2020 jangka pertengahan untuk tempoh lima tahun bermula 2015 hingga 2020 berfokus kepada empat tonggak utama iaitu bakat, akademik, penyelidikan dan pembangunan institusi dengan menyediakan garis terperinci dan pelan komprehensif dalam tiga Objektif Strategik (OS), lapan bidang fokus utama (*Key Focus Areas- KFA*), 35 Matlamat Strategik dan 281 inisiatif yang realistik dengan cabaran pada masa hadapan.

Untuk setiap tonggak, objektif-objektif strategik dibangunkan dan dibentuk manakala untuk setiap objektif strategik ditetapkan bidang fokus utama untuk

dilaksanakan.

Tiga objektif strategik dikenal pasti ialah membangunkan bakat, memperkasakan ekosistem Penyelidikan USM dan memperkasakan institusi. Setiap OS pula dikenal pasti beberapa KFA, misalnya untuk pembangunan bakat adalah melalui pelajar holistik, akademik dan Staf yang Berprestasi Tinggi. Manakala dalam OS Penyelidikan pula, KFANYA ialah Global Research Prominence dan National Development dan melalui OS Pembangunan Institusi pula KFANYA ialah Nilai (Rukun Nilai USM), Kewangan dan Tadbir Urus.

Dalam usaha menghasilkan Pelajar Holistik usaha dibuat untuk memupuk, membangunkan dan meningkatkan siswazah melalui atribut HEBAT dengan mengenal pasti bakat pada peringkat awal, meningkatkan mekanisme pengambilan dan enrolmen pelajar, penambahbaikan dasar pembangunan pelajar, pemantauan alumni, meningkatkan jaringan pelajar antarabangsa dan program mobiliti pelajar serta menanamkan nilai-nilai dan prinsip etika yang kukuh menggunakan nilai teras APEX.

Dalam bidang akademik pula, usaha difokuskan pada mempromosi kecemerlangan dengan meningkatkan program akademik yang mempunyai *competitive edge* yang menggunakan kurikulum dan program flagship, mencapai kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran serta meningkatkan kenampakan global.

USM juga menumpukan perhatian terhadap usaha menghasilkan staf berprestasi tinggi dengan memupuk bakat berdaya saing global yang relevan dengan keperluan negara dan mampu bersaing pada peringkat antarabangsa, menyediakan dasar yang jelas dan komprehensif, memastikan latihan staf yang selari dengan Misi dan Visi USM serta memberikan motivasi dan penghargaan

berterusan.

Dalam bidang penyelidikan, tumpuan diberikan terhadap usaha meningkatkan ekosistem untuk menjadi global research prominence, melestari kewangan/dana, mengoptimumkan sumber, memperkukuh dan memastikan bakat mampu menyediakan penyelesaian pada pembangunan negara melalui penyelidikan yang bersesuaian/relevan, meningkatkan pengetahuan dan pemindahan teknologi, menyediakan ekosistem keusahawanan yang kompetitif dan inovatif, menjadi tempat rujukan dan pusat repositori NKRA serta meningkatkan pembangunan modal insan untuk memenuhi permintaan pasaran tempatan dan global.

Dalam usaha pembangunan institusi, usaha tertumpu pada Institusi Berpandu Nilai dengan mempromosikan Rukun Nilai USM untuk menghasilkan bakat yang berprestasi tinggi dan cemerlang, menyediakan tadbir urus yang baik, menerapkan Rukun Nilai USM pada kecemerlangan pelajar dan mengupayakan alumni.

APEX 2020 turut melihat usaha mentransformasikan Sistem Kewangan melalui pengoptimuman, penjimatan dan pendapatan untuk diberikan autonomi kewangan, penstrukturan semula perniagaan universiti, inisiatif rasionalisasi kos pada semua peringkat dan penjanaan pendapatan melalui pelbagai aktiviti perniagaan.

Sebagai sebuah universiti yang memberikan fokus terhadap kelestarian, USM berusaha untuk membina hari esok dengan menyemaikan set minda lestari, membangunkan kerangka institusi untuk pembangunan lestari dan melaksanakan agenda kelestarian.

Kesimpulan

Dengan mengambil kira cabaran-cabaran pada masa hadapan, perancangan strategik yang dibuat berupaya membawa USM mencapai usaha menjadi terkemuka di dunia, relevan di dalam negara dan menjadi sebuah institusi pendidikan tinggi yang berfokus pada nilai menjelang 2020. Malah, USM berupaya memantapkan kedudukan sebagai sebuah Universiti Global melalui kolaborasi dan pelbagai mekanisme lain yang ada.

Perubahan-perubahan yang berlaku terutamanya dalam Komunikasi Teknologi Maklumat dan ledakan teknologi dalam pelbagai disiplin ilmu pengetahuan merentasi bidang yang mengubahkan seluruh senario pendidikan tinggi dunia menimbulkan persaingan dan keperluan pelbagai pengiktirafan, penarafan dan *ranking* terhadap universiti.

USM berupaya memacu kecemerlangan dan meneruskan usaha dalam konteks Kami Memimpin dengan meletakkan tanda aras sebagai sebuah Universiti Global yang dirujuk dan antara yang tersohor pada masa hadapan.

Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan

Pengerusi
Lembaga Gabenor
Universiti Sains Malaysia





**AKADEMIK &
ANTARABANGSA**

Pengenalan

Tahun 2015 telah mempamerkan kejayaan kepada USM dengan kelahiran graduan perubatan sulung seramai 48 orang daripada Program Antarabangsa USM-KLE di India. Dengan semangat kerjasama yang telah berkembang sejak lima tahun yang lalu, USM terus mempergiat kerjasama akademik dengan beberapa buah universiti lain pada peringkat antarabangsa.

Pada tahun 2015 juga, seramai 587 graduan menerima ijazah kedoktoran. Bilangan ini merupakan bilangan graduan yang tertinggi pernah dihasilkan dalam sesuatu tahun sebelum ini.

USM terus melalui proses penilaian semula semua program akademik yang ditawarkan. Pusat Kualiti USM bersama penilai yang dilantik memainkan peranan dalam pengauditan program secara dalaman.

Selain itu, Pusat Pembangunan Kecemerlangan Akademik dan Penasihat dan Pembangunan Pelajar telah memberikan tumpuan terhadap kecemerlangan penyampaian program akademik melalui peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran dan pelaksanaan penilaian pengajaran pada setiap akhir kursus oleh pelajar secara dalam talian.

Semua program akademik USM telah melalui proses Semakan Kurikulum dengan menepati keperluan *Malaysian Qualifications Framework* (MQF) serta badan profesional berkaitan.

Laporan Pencapaian

Pengajaran dan pembelajaran ialah elemen asas bagi sebuah institusi pengajian tinggi. Kualiti akademik dan pelajar sentiasa menjadi fokus USM dan dalam konteks ini USM bukan sahaja memastikan kualiti akademik merangkumi pengajaran dan pembelajaran berada pada tahap yang tinggi dan memenuhi standard global, malah pelajar USM juga diberi pendedahan pada peringkat antarabangsa bagi melahirkan pelajar yang mampu berdaya saing dan berdaya maju. Laporan pencapaian USM bagi akademik dan antarabangsa adalah seperti yang berikut:

● Akademik

USM menumpukan usaha untuk memastikan kualiti program akademik yang ditawarkan sentiasa relevan dan berdaya maju. Antara pencapaian USM adalah:

- Audit Pengekalan Swaakreditasi USM oleh Agensi Kelayakan Malaysia
- Pihak Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) telah melaksanakan audit institusi secara komprehensif ke atas USM14 hingga 17 Disember 2015 untuk menimbangkan pengekalan status Swaakreditasi USM.
- Pusat Kualiti Universiti, dengan bantuan Bahagian Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa telah menjadi penyelaras/sekretariat semasa lawatan audit ini bagi memastikan kelancaran proses audit terutama kehadiran staf untuk temu duga dan lawatan ke lokasi terpilih.
- Lawatan audit ini melibatkan sesi dialog/temu bual dengan Pegawai-pegawai Utama Universiti, Dekan Pusat Pengajian, Ketua Jabatan dan staf universiti daripada pelbagai kumpulan dan peringkat.

- Universiti dijangka menerima laporan penuh Audit Pengekalan Swaakreditasi USM oleh MQA pada tahun 2016.

• Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran

- Pusat Pembangunan Kecemerlangan Akademik dan Penasihatannya dan Pembangunan Pelajar telah menjalankan beberapa siri kursus untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Antara kursus yang telah dilaksanakan adalah Kaedah Pengajaran, Pembelajaran Berpusatkan Pelajar, Pembinaan Ujian dan Skema Pemarkahan, Pengenalan kepada E-Learn@USM, Plagiarisme dan lain-lain. Kursus ini perlu dihadiri oleh staf akademik baharu bagi melayakkan mereka mendapat sijil Pengajaran dan Pembelajaran. Pada tahun 2015, seramai 79 orang staf akademik baharu telah mengikuti kursus ini.

• Kualiti Graduan

- Pada tahun 2015, seramai 6,796 graduan telah menerima ijazah masing-masing dengan perincian seperti yang berikut:

| Ijazah | Bilangan Graduan |
|---|------------------|
| Ijazah Kedoktoran | 587 |
| Ijazah Sarjana | 1,640 |
| Ijazah Sarjana Muda | 4,477 |
| Ijazah Sarjana Muda (Program Ijazah Luaran) | 18 |
| Diploma | 74 |
| Jumlah | 6,796 |

Daripada bilangan 587 graduan yang menerima ijazah kedoktoran, seramai 553 orang ialah graduan Doktor Falsafah. Prestasi graduan Doktor Falsafah mengikut tempoh masa berijazah adalah seperti yang berikut:

| Tempoh | < 30 bulan | 30-35 bulan | 36-42 bulan | 43-48 bulan | > 48 bulan | Jumlah Keseluruhan |
|--------------|------------|-------------|-------------|-------------|------------|--------------------|
| Bil. Pelajar | 2 | 19 | 66 | 73 | 393 | 553 |

Daripada jumlah tersebut, seramai 269 orang merupakan pelajar tempatan, manakala 284 orang lagi ialah pelajar antarabangsa. Berikut ialah statistik pelajar PhD yang mendapat GOT (*Graduate on Time*) bagi Mod Penyelidikan:

| Tahun | Jumlah |
|--------------------|--------------|
| 2013 | 76 |
| 2014 | 87 |
| 2015 | 87 |
| Jumlah Keseluruhan | 250 |
| Diploma | 74 |
| Jumlah | 6,796 |

Prestasi graduan Ijazah Pertama penuh masa juga kian meningkat dari Tahun 2010 hingga 2015 seperti yang digambarkan dalam jadual berikut.

| PNGK | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 |
|-----------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|
| 2.00-2.99 | 42.00 % | 34.00 % | 33.00 % | 30.00 % | 29.00 % | 28.16 % |
| 3.00-3.66 | 55.00 % | 63.00 % | 63.00 % | 65.00 % | 65.32 % | 65.61 % |
| 3.67-4.00 | 3.00 % | 3.00 % | 4.00 % | 5.00 % | 5.68 % | 6.23 % |

● **Massive Open Online Courses (MOOC)**


Tiga program MOOC USM yang telah diluluskan pembangunannya oleh Jawatankuasa Teknikal MOOC ialah:

- *History of New Media* (Pusat Pengajian Seni)
- *Winning Corporate Strategy for Business Sustainability* (Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan)
- *Introduction to Women and Gender Studies in the context of ASEAN* (Pusat Penyelidikan Wanita dan Gender)


Ketiga-tiga MOOC ini diletakkan di platform antarabangsa 'Open Learning' dan boleh diakses melalui url : <https://www.openlearning.com/malysiamoocs>

USM offers courses ranging from Natural Sciences, Applied Sciences, Medical and Health Sciences, Pharmaceutical Sciences to Building Science and Technology, Social Sciences, Humanities, and Education. These are available at undergraduate and postgraduate levels to approximately 30,000 students at its 17 Academic Schools on the main campus in the island of Penang; 6 Schools at the Engineering Campus in Nibong Tebal (approximately 50km from the main campus); and 3 at the Health Campus in Kubang Kerian, Kelantan (approximately 300km from the main campus).


... COURSES



History of New Media



INTRODUCTION TO WOMEN'S AND GENDER STUDIES IN THE



WINNING CORPORATE STRATEGY FOR BUSINESS SUSTAINABILITY

Universiti Sains Malaysia (USM) MOOC

Established as the second university in the country in 1969, Universiti Sains Malaysia (USM) was first known

- **E-Learning**

Bagi meningkatkan kesedaran tentang penggunaan *E-Learning*, Pusat Pembangunan Kecemerlangan Akademik dan Penasihatannya dan Pembangunan Pelajar terus menjalankan bengkel *E-Learning* dan *Student-Centred Learning* yang bertujuan memberikan latihan pengajaran dan pembelajaran kepada staf akademik USM. Matlamat bengkel ialah meningkatkan kemahiran ICT dalam pengajaran dan pembelajaran dan juga untuk menambahkan kemahiran serta pengetahuan pedagogi dalam kalangan pensyarah.

Di kampus Induk, sebanyak 36 tajuk ditawarkan kepada staf akademik di bawah Latihan untuk Kemahiran Pembelajaran (*e-Learning*) dan daripada itu sebanyak 31 tajuk telah dilaksanakan dengan jumlah kehadiran peserta seramai 680 orang manakala untuk bengkel *Student-Centred Learning (SCL)*, 27 tajuk telah dilaksanakan dengan jayanya dengan jumlah penglibatan seramai 282 orang.

- **Program Akademik Baharu dan Semakan Kurikulum**

Pada 2015, USM telah menawarkan program akademik baharu dan juga telah membuat semakan kurikulum bagi memastikan program yang ditawarkan relevan dan berdaya saing. Perincian program akademik baharu dan program yang telah menjalani semakan kurikulum adalah seperti yang berikut:

- Program Akademik Baharu

| BIL. | PROGRAM | PUSAT TANGGUNGJAWAB |
|------|--|---|
| 1. | Sarjana Sastera (Terjemahan untuk Profesional) Secara Mod Kerja Kursus | Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan |
| 2. | Sarjana Sains (Sains Forensik) Secara Mod Campuran | Pusat Pengajian Sains Kesihatan |

- Program Dual Ijazah Luar Negara

| BIL. | PROGRAM | PUSAT TANGGUNGJAWAB |
|------|---|--|
| 1. | Program Sarjana Sains (Fizik Keadaan Pepejal) melalui Mod Campuran bagi Program Dual Ijazah Universiti Sains Malaysia dan <i>Eastern Bavarian University of Technology</i> , Jerman | Pusat Pengajian Sains Fizik |
| 2. | Program Dual PhD antara Institut Perubatan dan Pergigian Termaju dan <i>Newcastle University, United Kingdom</i> | Institut Perubatan dan Pergigian Termaju |

- Program Secara Pesisir

| BIL. | PROGRAM | PUSAT TANGGUNGJAWAB |
|------|--|--|
| 1. | Sarjana Muda (Sains Perumahan, Bangunan dan Perancangan) (Kepujian) (Senibina) di Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan | Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan |
| 2. | Rancangan Pengajian Jarak Jauh bagi program Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Kepujian) Sarjana Muda Sastera (Kepujian) Sarjana Muda Sains (Kepujian) Sarjana Muda Pengurusan (Kepujian) dengan Kerjasama Universitas Pembangunan Pancabudi (UNPAB) di Medan, Indonesia | Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh |
| 3. | Sarjana Pendidikan Mod Kerja Kursus di Kolej Matrikulasi Pongsu Seribu, Thailand dan Male, Republik Maldives | Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan (Nota: Dalam proses kelulusan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi) |
| 4. | Sarjana Sains (Sains Sinaran) Mod Campuran di Agensi Nuklear Malaysia, Bangi, Selangor | Pusat Pengajian Sains Fizik (Nota: Dalam proses kelulusan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi) |
| 5. | Sarjana Pentadbiran Perniagaan (e-MBA [online] dan MBA) | Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan |
| 6. | Sarjana Muda Sains (Kepujian) (Biologi) | Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh |
| 7. | Sarjana Muda Sains (Kepujian) (Kimia) | |
| 8. | Sarjana Muda Sains (Kepujian) (Matematik) | |
| 9. | Sarjana Muda Sains (Kepujian) (Fizik) | |
| 10. | Sarjana Muda Pengurusan (Kepujian) | |

- **Pembelajaran Sepanjang Hayat**


Permintaan dan pasaran untuk pengajian tinggi di dalam dan luar negara semakin meningkat. Di samping itu, lonjakan ketiga Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) ialah untuk membudayakan dan memperkasakan pembelajaran sepanjang hayat.

Oleh itu, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ) sedang menuju ke arah International Institute of Lifelong Learning (IILL) untuk menjadikan USM sebagai hub pembelajaran sepanjang hayat pada peringkat antarabangsa. Sebagai sebuah institut bertaraf antarabangsa, IILL akan mengembangkan sayap untuk beroperasi di lokasi baru dan menawarkan program pengajian yang lebih menarik dengan menggunakan kepakaran serta pengalaman selama 43 tahun menjalankan program berbentuk pendidikan jarak jauh di Malaysia.

- **Syarahan Umum**

Siri Syarahan Umum USM ialah satu program yang terancang bertujuan menyalurkan dan menyebarkan ilmu kepada masyarakat. Ia merupakan sumbangan universiti secara terus kepada masyarakat dalam usaha mempererat hubungan dua hala antara universiti dengan masyarakat.

Melalui program ini, Universiti Sains Malaysia berusaha mengetengahkan dan menyalurkan pengetahuan serta penemuan tokoh-tokoh terkemuka dari dalam dan luar negara kepada masyarakat. Siri Syarahan Umum ini juga merupakan satu forum yang mengupas dan membincangkan masalah-masalah serta isu-isu masyarakat agar penyelesaian dapat dipertimbangkan bersama. Yang berikut ialah perincian syarahan umum yang telah dijalankan sepanjang tahun 2015:



USM UNIVERSITI SAINS MALAYSIA APEX TOYOHASHI UNIVERSITY OF TECHNOLOGY

NOBEL LAUREATE

Lecture Series *by*
Honourable Prof. Makoto Kobayashi
 Physics (2008)

Matter and Antimatter
 -Violation of CP Symmetry-

▶ **30 November 2015** ▶ 3.00pm - 5.00pm
 ▶ **Dewan Budaya, USM Penang**

www.usm.my • www.tut.ac.jp

ALL ARE INVITED

• Syarahan Umum Peringkat Antarabangsa

Seramai empat orang tokoh antarabangsa dalam pelbagai bidang telah menyampaikan Syarahan Umum Peringkat Antarabangsa dan perinciannya adalah seperti yang berikut:

| BIL. | PROGRAM | PUSAT TANGGUNGJAWAB |
|------|---|--|
| 1. | Mr. Surin Pitsuwan <i>(Former Secretary General of The Association of Southeast Asian Nations (ASEAN))</i> | Fostering Cross-Cultural Dialogue in Achieving ASEAN Integration |
| 2. | Prof. Makoto Kobayashi <i>(Nobel Laureate in Physics 2008, Japan)</i> | Matter and Antimatter: Violation of CP Symmetry |
| 3. | Prof. Russel Cowburn FRS <i>(Cambridge University)</i> | Perpendicular Magnetic Anisotropy: From Ultralow Power Spintronics to Cancer Therapy |
| 4. | Karin Rottman <i>(Cologne Museum Service, Germany)</i> | Bringing Museums to Life |

• Syarahan Umum Peringkat Kebangsaan

Pada 2015, USM telah menganjurkan 10 siri Syarahan Umum Peringkat Kebangsaan dengan menjemput tokoh-tokoh dalam pelbagai bidang dan perinciannya adalah seperti yang berikut:

| BIL. | PROGRAM | PUSAT TANGGUNGJAWAB |
|------|---|--|
| 1. | Tan Sri Datuk Dr. Kamal Salih & Dr. Muhammed Abdul Khalid | Pembangunan dan Ketidaksamaan: Bolehkan Malaysia Mencapai Pembangunan Inklusif Sebagai Ekonomi Berpendapatan Tinggi Menjelang 2020 |
| 2. | Tan Sri Hasmy Agam | <i>Relationship Between Human Rights and Nation Building</i> |
| 3. | Prof. Azrini Wahidin | <i>Feminity in Dissent: Experiences of Former Female Members of the Irish Republican Army</i> |
| 4. | Nor Hayati Yahaya | <i>Importance of Sustainability Ecosystems</i> |


| BIL. | PROGRAM | PUSAT TANGGUNGJAWAB |
|------|---|---|
| 5. | Chew Eng Seng | <i>Kitchen Waste Composting Demonstration</i> |
| 6. | Dr. Kamarulzaman Ahmad | <i>Habitualizing Decision Making & Problem Solving Skills</i> |
| 7. | Prof. Madya Dr. Khairudin Al-Junied | Perpaduan Nadi Transformasi Universiti |
| 8. | Dato' Mohd Fadzilah Kamsah | Transformasi Qalbu: Teras Kecemerlangan Diri |
| 9. | Haji Azman Abdul Samat & Shamril Mohd Salleh | Semarakkan Zakat di IPT |
| 10. | Dato' Ustazah Siti Nor Bahyah Mahmood & Ustaz Wan Akashah Wan Abdul Hamid | Kerjaya atau Keluarga: Mana Lebih Penting? |

• Syarahan Umum Peringkat Antarabangsa

USM adalah antara universiti awam yang menganjurkan Syarahan Umum Pelantikan Profesor sebagai sebahagian daripada agenda perkongsian ilmu. Pada 2015, seramai 16 orang Profesor baharu yang telah dinaikkan pangkat telah menyampaikan syarahan umum masing-masing berdasarkan:

| BIL. | PROGRAM | PUSAT TANGGUNGJAWAB |
|------|-----------------------------------|---|
| 1 | Prof. Dr. Wan Ahmad Kamil Mahmood | "Kimia Bahan: Pelantar Penyelidikan Rentas Bidang dan Inovasi |
| 2 | Prof. Dr. Narazah Mohd. Yusoff | Sel Darah Merah - Bukan Hanya Merah |
| 3 | Prof. Dr. Kamaruddin Jaalam | Dari Kelantan ke Afghanistan: Menyingkap Perjalanan Perubatan Kecemasan |
| 4 | Prof. Dr. Hasnan Jaafar | Memahami Penyakit Kanser dan Usaha Mengatasinya: Peranan Kita |

| BIL. | PROGRAM | PUSAT TANGGUNGJAWAB |
|------|------------------------------------|---|
| 5 | Prof. Dr. Rosline Hassan | Leukemia Akut: Kepincangan Genetik dan Evolusi Sel Darah |
| 6 | Prof. Dr. Siti Azizah Mohd. Nor | Merungkai Peristiwa Zaman Silam dan Masa Kini Melalui Kajian Genetik |
| 7 | Prof. Dr. Abdul Malek Abdul Rahman | Ke Arah Melestarikan Alam Bina untuk Generasi Masa Hadapan |
| 8 | Prof. Dr. Mohamad Suhaimi Jaafar | Radon Berupaya beri Petunjuk Bencana Alam |
| 9 | Prof. Dr. Mohd Nawawi Mohd Nordin | Pasukan Geofizik USM Mampu Buat Pemetaan Subpermukaan Tanpa Rosakkan Alam |
| 10 | Prof. Dr. Zalina Ismail | Antara Otak dan Minda |
| 11 | Prof. Dr. Ishak Mat | Imunologi Kanser dan Antibodi Monoklon |
| 12 | Prof. Dr. Noriah Mohamed | Pelestarian Turunan, Penelusuran Moyang: Pengadunan Sociolinguistik dan Linguistik Sejarah Dalam Pendokumentasian Bahasa Peribumi |
| 13 | Prof. Dr. Mohd Rizal Arshad | Robot Penakluk Lautan: Kepentingan Teknologi Bawah-Air Bagi Memelihara Kedaulatan Perairan Malaysia |
| 14 | Prof. Dr. Mohd Fadzil Ain | Antena Seramik: Antena Masa Hadapan |
| 15 | Prof. Ir. Dr. Cheong Kuan Yew | Saput Nipis: Sains, Teknologi dan Kejuruteraan untuk Menagatasi Krisis Tenaga |
| 16 | Prof. Ir. Dr. Hazizan Md Akil | Bahan Komposit Polimer: Gentian Kenaf Sebagai Pemangkin Kelestarian Teknologi Komposit Mesra Alam |



• Antarabangsa

USM mengambil pelbagai inisiatif bagi memantapkan kedudukannya pada peringkat global sama ada melalui pemantapan program akademik, penyelidikan dan pembangunan pelajar. Antara kejayaan USM pada 2015 adalah seperti yang berikut:

- Akreditasi Program Akademik Peringkat Antarabangsa

Beberapa Pusat Pengajian telah mendapat pengiktirafan antarabangsa untuk program-program akademik dan perinciannya seperti berikut:

- ◇ Panel Penilai dari *The Royal Society of Chemistry UK* telah menjalankan aktiviti kreditasi pada 2 November 2015 di Pusat Pengajian Sains Kimia dan program Sarjana Muda Sains Kimia telah berjaya mendapat pengiktirafan antarabangsa dari *The Royal Society of Chemistry UK*.
- ◇ Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan (GSB) telah menjemput *The Association to Advance Collegiate Schools of Business (AACSB)* untuk menilai Program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan. GSB telah menjadi ahli AACSB.
- ◇ Program Sarjana Muda Seni Bina USM telah menerima pengiktirafan peringkat antarabangsa daripada *Chartered Association of Building Engineers (CABE)*.
- ◇ Pusat Pengajian Teknologi Industri telah menerima kunjungan *Institute of Food Technology (IFT) USA* untuk penilaian oleh *IFT-Higher Education Review Board*. Hasil penilaian tersebut, program Sarjana Muda Teknologi Makanan berjaya mendapat pengiktirafan daripada IFT USA.

Founded 1841 Incorporated by Royal Charter in 1848 Patron Her Majesty the Queen



This is to certify that

the

Universiti Sains Malaysia

offers degree courses that are accredited by

THE ROYAL SOCIETY OF CHEMISTRY

for partially satisfying the academic requirements for the award of

CHARTERED CHEMIST (CCHEM)

President

This certificate applies to student enrolments between 2015–2020 inclusive and is dependent upon the RSC being notified by the University of any substantial changes in course structure and content.

A list of accredited courses is available at <http://www.rsc.org/Education/courses-and-careers/accredited-courses/>

Registered Charity Number 207890

• Program Mobiliti Pelajar Antarabangsa

Pada 2015, Universiti Sains Malaysia giat menjalankan aktiviti mobiliti pelajar yang melibatkan lebih 28 buah negara seperti Finland, Indonesia, Jepun Jerman dan Austria. Program mobiliti dijalankan secara berkredit dan tidak berkredit. Terdapat empat kategori program mobiliti yang dijalankan iaitu:

- ◇ Program Jangka Panjang: Program yang melibatkan pertukaran pelajar selama sekurang-kurangnya satu semester.
- ◇ Program Jangka Pendek: Program khas selama 3 hingga 14 hari mengikut kehendak dan keperluan rakan jaringan universiti.
- ◇ Program Research Attachment: Pelajar pada peringkat Ijazah Sarjana boleh menjalankan kajian di institusi pengajian tinggi terpilih selama 5 hingga 12 bulan.
- ◇ Program Internship: Program ini menyasarkan pelajar tahun 2 dalam usaha memberikan peluang kepada mereka untuk mengalami suasana kerja pada peringkat global.

Seramai 250 orang pelajar antarabangsa telah mengikuti Program Jangka Panjang secara berkredit di USM yang melibatkan 25 buah negara. Kelompok terbesar pelajar ialah dari Indonesia iaitu seramai 51 orang, diikuti Jerman 40, Jepun 38, Thailand 25 dan Finland 24 orang pelajar.

Selain itu, terdapat 46 pelajar USM

yang ke luar negara melalui Program Skim Belajar Luar Negara (SBLN). Antara negara yang menerima bilangan pelajar tertinggi dari USM adalah Korea Selatan (lapan orang), Taiwan (enam orang), Jepun dan Jerman masing-masing 5 orang pelajar.

Antara program lain yang melibatkan mobiliti pelajar yang dianjurkan pada 2015 adalah yang berikut:

- ◇ *Malaysia Study Programme with Retsumeikan University* (12 pelajar),
- ◇ *Nihon Fukushi University Malaysia Study Programme* (12 orang pelajar)
- ◇ *International Postgraduate Course on Current Research in Physics* (20 pelajar)
- ◇ *Tzu Chi University Taiwan English Language Programme* (30 pelajar)
- ◇ *Tohoku University PBL Fieldwork Programme* melibatkan (27 pelajar)
- ◇ *Humboldt University Summer programme* (21 pelajar)
- ◇ *USM-Toyohashi University language Programme* (10 pelajar)

• Asean Future Leaders Summit (AFLES)

Pada 2015, USM telah menganjurkan *Asean Future Leaders Summit* (AFLES) yang melibatkan 160 orang pelajar antarabangsa. AFLES merupakan program tahunan yang mengumpulkan pelajar antarabangsa dari negara-negara ASEAN untuk bersama-sama dalam program Jangka Pendek selama dua minggu.

Program ini dianjurkan secara bersama oleh USM dan Prince of Songkhla University, Thailand. Terdapat pelbagai aktiviti dijalankan seperti seminar, lawatan sambil belajar ke syarikat terkemuka, pendedahan kebudayaan, dan program interaksi pelajar. Sesuai dengan moto USM 'Kami Memimpin', USM menjadikan program ini sebagai platform untuk dalam usaha untuk melatih dan melahirkan pemimpin yang berkualiti.

- **ASEAN UNIVERSITY NETWORK (AUN)**

Asean University Network yang dianggotai oleh 24 universiti sekitar Asean telah mengadakan mesyuarat pada 29 hingga 31 Oktober 2015 di Chulalongkorn University, Bangkok, Thailand.

Mesyuarat tersebut telah bersetuju menukar nama AUN-SAM (Asean University Network – Student Affair Meeting) kepada AUN-SAN (Asean University Network – Student Affair Network) bagi tujuan menampakkan dengan jelas AUN-SAN sebagai satu jaringan utama yang bernaung di bawah rangkaian AUN.

- **THE 13TH ASEAN AND 3RD ASEAN+3 YOUTH CULTURAL FORUM (AYCF+3 2015)**

Pada 6 hingga 11 September 2015, Universiti Sains Malaysia telah menyertai program The 13th ASEAN and 3rd ASEAN+3 Youth Cultural

Forum (AYCF+3 2015) yang diadakan di De La Salle University, Filipina. Program anjuran *Asean University Network* (AUN) ini merupakan aktiviti tahunan yang menghimpunkan pelajar universiti dari negara-negara ASEAN bersama-sama pelajar universiti dari Jepun, Korea Selatan dan China.

Sepanjang program berlangsung, para peserta telah mempelajari seni dan budaya tempatan melalui program seminar dan bengkel yang dianjurkan oleh tokoh-tokoh kebudayaan di sana. Para pelajar USM juga berpeluang mengadakan pertukaran budaya dengan para peserta dari negara lain.

Forum ini telah berjaya menyatupadukan kepelbagaian budaya di ASEAN serta usaha sama antara universiti di bawah AUN dalam pertukaran budaya bagi meningkatkan kefahaman dan kesedaran pelajar terhadap kepelbagaian budaya.

Kesimpulan

USM sentiasa memberikan penekanan dan memastikan program akademik yang ditawarkan sentiasa relevan dan menepati keperluan negara. Tidak ada kompromi terhadap kualiti program akademik yang ditawarkan sama ada dari segi kandungan kursus dan kaedah pengajaran dan pembelajaran. Program akademik USM terbuka untuk dinilai oleh penilai luar dan badan profesional serta pihak-pihak berkepentingan yang lain.



**PENYELIDIKAN &
INOVASI**

Pengenalan

Penyelidikan & Inovasi terus menjadi nadi utama dalam memacu pencapaian dan kecemerlangan USM sebagai sebuah universiti penyelidikan. Pelbagai usaha dan program yang berpusat dirancang dan dilaksanakan untuk menjana pencapaian cemerlang dalam penyelidikan dan inovasi pada tahun 2015. Proses transformasi turut diterapkan dengan mengadunikan pengalaman dan kepakaran penyelidik senior-junior, perkongsian kepakaran tempatan dan antarabangsa, pelaksanaan penyelidikan rentas bidang, penerokaan niche area baharu menjadi fokus USM untuk melahirkan ikon penyelidik yang berupaya mencetuskan budaya dan impak penyelidikan dalam kalangan semua penyelidik di USM.

Laporan Pencapaian

▪ Geran Penyelidikan

Pada 2015, Geran penyelidikan yang diterima oleh USM terdiri dari sumber luaran dan dalaman adalah seperti berikut:

▪ Sumber Luaran

Jumlah projek baharu dari sumber luaran yang diterima pada tahun 2015 berbanding tahun 2014 adalah seperti berikut:-

| Jenis Geran Sumber Luaran | 2015 | | | 2014 | | |
|---------------------------|---------------------------|-------------------|-----------------------------|---------------------------|-------------------|-----------------------------|
| | Projek Aktif Dalam Tempoh | Projek Baharu | | Projek Aktif Dalam Tempoh | Projek Baharu | |
| | | Bil. Projek | Peruntukan Keseluruhan (RM) | | Bil. Projek | Peruntukan Keseluruhan (RM) |
| Agensi Luar | 272 | 71 | 9,080,943.82 | 271 | 68 | 8,645,351.49 |
| Kerajaan | 106 | 40 | 7,239,982.68 | 74 | 20 | 5,394,655.99 |
| Swasta | 76 | 16 | 1,030,867.59 | 89 | 27 | 1,837,797.81 |
| Antarabangsa | 90 | 15 | 810,093.55 | 108 | 21 | 1,412,897.69 |
| FRGS | 397 | 100 | 10,632,464.00 | 380 | 147 | 16,238,467.00 |
| ERGS | 71 | Telah dijumlahkan | | 122 | Telah dijumlahkan | |
| PRGS-KPT | 30 | 15 | 2,026,223.00 | 20 | 4 | 562,860.00 |
| LRGS | 7 | - | - | 8 | - | - |
| TRGS | 7 | 6 | 3,412,296.00 | 1 | 1 | 704,626.00 |
| ScienceFund | 44 | 20 | 4,487,384.00 | 50 | 12 | 2,104,908.00 |
| JUMLAH | 828 | 212 | 29,639,310.82 | 852 | 232 | 28,256,212.49 |

Nota:

Data 2014: Statistik diatas adalah berdasarkan data Pangkalan Data Penyelidikan pada 29 Januari 2015.

Data 2015: Statistik diatas adalah berdasarkan data Pangkalan Data Penyelidikan pada 1 Disember 2015.

Geran agensi luar bagi sektor kerajaan meningkat pada tahun 2015 kerana para penyelidik kini banyak menumpukan perhatian pada geran-geran tajaan daripada peringkat kementerian. Geran agensi luar yang diterima daripada sektor kerajaan adalah daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Jabatan Taman Laut Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Agensi Inovasi Malaysia. Terdapat juga tajaan geran daripada peringkat universiti iaitu daripada Universiti Kebangsaan Malaysia dan International Council of Islamic Finance Education, International Islamic University Malaysia (IIUM). Geran pihak swasta berlaku sedikit pengurangan. Geran agensi luar tajaan pihak swasta adalah daripada DOW Agrosiences (Malaysia) Sdn. Bhd., RIVO PRECAST SDN. BHD., HUMID Tropic Centre Kuala Lumpur (HTC-UNESCO), Felda Global Ventures Research & Development S.B., Penang Green Council, MAKNA, SCHMIDT BIOMEDTECH S.B., Georgetown World Heritage Incorporated dan Malaysian AIDS Council (MAC).

Terdapat 15 projek baharu geran PRGS-KPT dengan jumlah peruntukan sebanyak RM 2,026,223.00 bagi tahun 2015 berbanding hanya 4 projek baharu pada tahun 2014. Terdapat trend pertambahan projek baharu yang agak memberangsangkan pada tahun

2015. Hal ini disebabkan oleh pembukaan geran khas Pengurusan Bencana Banjir 2015 di samping pembukaan geran PRGS-KPT Fasa 1/2015. Daripada 15 projek baharu tersebut, lima projek merupakan geran khas PRGS Pengurusan Bencana Banjir. Terdapat empat lagi projek baharu geran PRGS-KPT diluluskan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM 558,770 bagi permohonan geran PRGS-KPT.

Sebanyak dua permohonan baharu geran LRGS telah dihantarkan kepada pihak kementerian pada tahun 2015. Satu permohonan tidak berjaya, manakala satu permohonan lagi masih berada dalam proses penilaian pada peringkat kementerian. Bagi geran TRGS pula, terdapat enam projek baharu dengan jumlah peruntukan sebanyak RM 3,412,296.00 bagi tahun 2015. Peningkatan ini disokong oleh pembukaan permohonan geran TRGS Pengurusan Bencana Banjir yang telah berjaya menyumbangkan pertambahan empat geran baharu. Pada 2015 USM merekodkan sebanyak 11 permohonan baharu geran ScienceFund telah dihantarkan kepada pihak MOSTI dan daripada jumlah tersebut, 5 - berjaya, 1-ditolak dan 5 - lagi masih dalam penilaian jawatankuasa MOSTI. Sebanyak 20 projek geran Science-fund MOSTI telah diluluskan sepanjang tahun 2015.

▪ Sumber Dalam

Projek baharu daripada sumber dalaman yang diterima pada tahun 2015 berbanding tahun 2014 adalah seperti yang berikut:-

| Jenis Geran Sumber Dalaman | 2015 | | | 2014 | | |
|----------------------------|---------------------------|---------------|-----------------------------|---------------------------|---------------|-----------------------------|
| | Projek Aktif Dalam Tempoh | PROJEK BAHARU | | Projek Aktif Dalam Tempoh | PROJEK BAHARU | |
| | | Bil. Projek | Peruntukan Keseluruhan (RM) | | Bil. Projek | Peruntukan Keseluruhan (RM) |
| IReC | 11 | - | - | 12 | - | - |
| USM Jangka Pendek | 599 | 120 | 4,558,419.49 | 716 | 318 | 11,622,125.60 |
| RUI | 518 | 89 | 12,681,175.07 | 554 | 120 | 17,138,830.08 |
| RUT | 19 | - | - | 21 | - | - |
| RUC | 6 | - | - | 6 | - | - |
| RU TOP-DOWN | 33 | 13 | 5,650,000.00 | 23 | 17 | 7,723,200.00 |
| DE | 30 | - | - | 42 | - | - |
| Dana Inovasi Awal | 25 | - | - | 38 | 24 | 1,158,823.84 |
| JUMLAH | 1241 | 222 | 22,889,594.56 | 1412 | 479 | 37,642,979.52 |

Data 2014: Statistik di atas berdasarkan data Pangkalan Data Penyelidikan pada 29 Januari 2015.

Data 2015: Statistik di atas berdasarkan data Pangkalan Data Penyelidikan pada 1 Disember 2015.

Nota

Projek Sambungan Tahun 2015 (yang menerima peruntukan sahaja)

Sumber Luaran : 225 projek (RM12,163,679.58).

Sumber Dalam : 199 projek (RM12,163,640.64).

Sejumlah 89 projek baharu Geran Universiti Penyelidikan Individu (RUI) telah ditawarkan bagi tahun 2015 berbanding sebanyak 120 projek sebelumnya. Projek ini merupakan inisiatif universiti bagi membantu penyelidik yang tidak berjaya mendapatkan geran luar. Permohonan baru Geran RUI tahun 2015 ialah sebanyak 374 telah diterima dan kini masih dalam proses penilaian pada peringkat universiti. 120 projek Geran Jangka Pendek baharu telah diluluskan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM4,558,419.49 sepanjang tahun 2015. Berbanding tahun sebelumnya sebanyak 318 projek baharu dengan jumlah peruntukan sebanyak RM11,622,125.60.

- **Memperkasakan Penyelidikan**

USM sentiasa mengambil tindakan bagi memperkasakan penyelidikan sesuai dengan taraf Universiti Penyelidikan. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan pada 2015 dalam konteks memperkasakan penyelidikan adalah yang berikut:

- **Program Penyelidikan Ketagihan Dadah USM-YALE**

Kolaborasi penyelidikan antara Universiti Sains Malaysia (USM) dengan Pusat Pengajian Perubatan Yale (YSM) dalam bidang penyalahgunaan dadah di Malaysia telah bermula sejak tahun 2008. Sehingga kini, kumpulan penyelidikan ini telah menerima dana penyelidikan antarabangsa daripada National Institute of Drug Abuse (USA), United Nations Office on Drug and Crime (UNODC), Reckitt Benckiser Pharmaceuticals, United Kingdom and Open Society Institute, Switzerland. Kumpulan penyelidik ini sedang menjalankan kajian rintis rawatan farmakologi bagi penyalahgunaan "opioid and co-occurring amphetamine type stimulant (ATS)" dan juga mengkaji trend tempatan bagi penyalahgunaan dadah dan perlakuan

risiko HIV. Kolaborasi ini telah diiktiraf oleh "National Institute of Drug Abuse, USA". Penyelidik Yale-USM telah memenangi Anugerah Cemerlang dalam kategori Penyelidikan Kolaborasi Antarabangsa. Perancangan masa hadapan bagi kolaborasi ini adalah untuk membangunkan Program Pensijilan USM/Yale dalam bidang ubat-ubatan untuk penyalahgunaan dadah bagi penyelidik dan pegawai perubatan dari negara ASEAN.

- **Syarahan Nobel Laureate Prof. Makoto Kobayashi**

Universiti Sains Malaysia dengan kerjasama Toyohashi University of Technology, Jepun telah berjaya mendekati warga kampus dengan Pemenang Nobel Prize dalam bidang Fizik (CP-Violation), 2008- Prof. Dr. Makoto Kobayashi melalui sesi syarahan umum bertajuk 'Matter and Antimatter - Violation of CP Symmetry'. Prof. Kobayashi telah berkongsi pengalaman penyelidikan beliau yang telah membolehkan beliau memenangi Hadiah Nobel bersama seorang lagi saintis terkemuka Jepun, Para jemputan telah mendapat banyak manfaat termasuk keperluan untuk menjalankan kajian yang lebih mendalam khususnya dalam bidang "particle physics".

- **Program Penyelidikan Biopolimer USM-TSU**

Pembangunan dalam bidang Biosains merentasi bidang Biopolimer dan Bioteknologi menjadi fokus utama kolaborasi Universiti Sains Malaysia dengan Tomsk State University (TSU). TSU adalah antara universiti yang tertua di Rusia dan juga merupakan satu daripada lima universiti di bawah program "Russian programme for Competitiveness Enhancement of Leading Russian Universities (Project 5-100)".

Di bawah program ini, kerajaan pusat Rusia memberikan sokongan dan dana tambahan kepada universiti terpilih untuk mencapai kecemerlangan pada peringkat dunia. Jaringan kolaborasi di antara kedua-dua universiti ini bermula pada Mac 2015, apabila USM menerima kunjungan Prof. Dr Artem Rykun, Timbalan Rektor bagi Jaringan Antarabangsa, TSU. Satu perjanjian persefahaman telah ditandatangani oleh USM dan TSU bagi memulakan kolaborasi penyelidikan dalam bidang biosains terutamanya pembangunan biopolymer untuk aplikasi perubatan.

Perjanjian persefahaman yang kedua telah ditandatangani oleh USM dan TSU bagi melanjutkan bidang kerjasama penyelidikan termasuk bio-kepelbagaian dan pengetahuan asli, termasuk arkeologi dan kajian etnografi dan menawarkan ijazah bersama di peringkat lepasan ijazah. Kolaborasi penyelidikan ini mencapai satu tahap yang lebih tinggi lagi apabila Pensyarah TSU, Dr. Anna Nemoykina yang juga Ketua Makmal (Unit Penyelidikan Biopolimer dan Bioteknologi) TSU menjalani sandaran penyelidikan selama tiga bulan di USM.

▪ Program Penyelidikan Sains Penuaan USM-RIKEN

Universiti Sains Malaysia melalui kerjasama erat yang dijalinan dengan institut penyelidikan terkemuka dunia, RIKEN Institute, Jepun sedang membangunkan sebuah institut bersama yang dikenali sebagai Pusat Penyelidikan Sains Penuaan Antarabangsa USM-RIKEN atau lebih mudah dengan istilah URICAS (USM-RIKEN International Centre for Ageing Science).

Penuaan merupakan satu bidang penyelidikan yang semakin

berkembang dan menjadi salah satu disiplin ilmu pengetahuan moden yang menjanjikan masa hadapan yang cukup baik untuk dunia sains dan penyelidikan.

Satu memorandum persefahaman berhubung dengan penubuhan URICAS, yang turut menjadi pusat yang pertama seumpamanya di rantau ini telah ditandatangani dengan pemenang hadiah Nobel Laureatte tahun 2001 dalam bidang Kimia merangkap Presiden RIKEN, Prof. Dr. Ryoji Noyori. Upacara bersejarah tersebut berlangsung di Kampus RIKEN Wako, Tokyo, Jepun, bersempena lawatan kerja rasmi delegasi USM ke institusi berprestij dan menjadi kebanggaan negara Jepun yang berusia hampir 100 tahun itu. Kolaborasi ini akan diterajui oleh Prof. Dr. Mohd. Nazalan Mohd. Najimudin.

▪ Program Penyelidikan Mitigasi Logam Berat USM-TUT

Penubuhan TUT-USM Technology Collaborative Centre (TUT-Toyohashi University of Technology, Jepun) pada 4 Disember 2013 di Jalan Cantonment, Pulau Pinang telah mengorak langkah bagi kolaborasi dalam pelbagai bidang antara kedua-dua universiti. Satu program penyelidikan kolaborasi transdisiplinari yang bertemakan "Mitigasi logam berat (merkuri, kadmium, chromium, plumbum, arsenic dan lain-lain) daripada alam sekitar terutama persekitaran akuatik: pengesanan, pembuangan dan kawalan" diwujudkan. Langkah yang diambil oleh Prof. Madya Dr. Zainovia Lockman daripada Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral iaitu mengetuai sekumpulan penyelidik ke TUT, Jepun dari 24-25 November 2015 bagi membincangkan komponen teknikal projek kolaborasi ini merupakan langkah permulaan

▪ Kolaborasi dengan Republik Czech

USM telah menerima kunjungan delegasi yang terdiri daripada pegawai tertinggi universiti dari Republik Czech pada 21 Mei 2015. Senarai delegasi yang hadir adalah seperti yang berikut:-

- ◇ Prof. Petr STEPANEK, Rector, Brno University of Technology, Brno
- ◇ Prof. Miroslav LUDWIG, Rector, University of Pardubice, Pardubice 2
- ◇ Prof. Josef HYNEK, Rector, University of Hradec Kralove, Hradec
- ◇ Prof. Petr NOSKIEVIC, Rector, VSB-Technical University of Ostrava, Ostrava
- ◇ Prof. Jan SKRHA, Vice-Rector for International Affairs and Mobility, Charles University, Prague
- ◇ Prof. Jitka ULRICHOVA, Vice-Rector for Sciences and Research, Palacky University, Olomouc
- ◇ Assoc. Prof. Petr TUMA, Director of the Institute for Nanomaterials, Advanced Technology and Innovation, Technical University of Liberec, Liberec

USM turut menjalinkan kerjasama penyelidikan dengan Universiti Czech dalam bidang berikut:

- ◇ Bahan termaju termasuk bahan nano (University of Pardubice)
- ◇ Teknologi kimia/biokimia termasuk biodisel (University of Pardubice)
- ◇ Bahan binaan (ADMAS Centre - Advanced Materials, Structures and Technologies)

▪ Kerjasama dengan University of Bath, United Kingdom

Pada 1- 4 September 2015, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) telah menghadiri satu kursus pendek di University of Bath yang bertajuk "IPR Transformational Policy Research" dan menjalinkan kerjasama penyelidikan dengan universiti tersebut. Selanjutnya, USM telah menerima lawatan dari University of Bath, UK pada 20 Oktober 2015 yang terdiri daripada:-

- ◇ Dr. Peter Nuttall, Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Pemasaran
- ◇ Dr. Micheal J.Proulx, Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Psikologi
- ◇ Puan Katja Nieminen, Pegawai, Unit Penyelidikan

USM dan University of Bath telah bersetuju untuk membuat kolaborasi dalam bidang berikut:-

- ◇ Menawarkan Program Doktor Pentadbiran Perniagaan bersama bagi Pengurusan Pengajian Tinggi, Penyelidikan Polisi dan Resolusi Politik
- ◇ Pengurusan dan pemasaran melalui penempatan sabatikal bagi staf akademik dan juga penempatan penyelidikan bagi pelajar siswazah
- ◇ Sains perubatan dan psikologi melalui permohonan geran antarabangsa
- ◇ Keselamatan Sumber Air
- ◇ Bahan Binaan Mapan

▪ Pencapaian Cemerlang

Sebagai sebuah Universiti Awam, USM sentiasa mengambil tindakan supaya terus relevan dan berdaya maju. Pada 2015, USM telah berjaya melonjakkan pencapaian pada peringkat kebangsaan dan negara. Antara pencapaian USM yang cemerlang adalah:

- ◇ Kedudukan USM dalam *QS World University Rankings By Subject 2015*
- ◇ USM sentiasa peka dengan perubahan semasa untuk memastikan aktiviti penyelidikan dan inovasi yang dijalankan oleh para penyelidik adalah relevan dengan keadaan semasa dan kualiti yang setaraf dengan piawaian dunia. Salah satu kaedah yang boleh menunjukkan ciri-ciri ini adalah melalui QS World University Rankings by Subject yang secara rata-rata diterima oleh banyak universiti di dunia. USM sentiasa prihatin dengan penarafan QS World University Rankings yang berasaskan bidang. Bagi penarafan tahun 2015, USM mempunyai satu bidang dalam kategori 50 terbaik dunia, lima bidang dalam kategori 100 terbaik dunia, tujuh bidang dalam kategori 150 terbaik dunia dan satu bidang dalam kategori 200 terbaik dunia. Perinciannya adalah seperti yang berikut:

| Kedudukan | Bidang |
|-----------|---|
| 31 | <i>Environmental Sciences</i> |
| 51-100 | <i>Architecture/Built Environment; Chemical Engineering; Electrical & Electronic Engineering; Mechanical, Aeronautical & Manufacturing Engineering; and Development Studies</i> |
| 101-150 | <i>English Language and Literature; Linguistic; Education and Training; Computer Science & Information Systems; Civil & Structural Engineering; Business & Management Studies; and Pharmacy and Pharmacology.</i> |
| 151-200 | <i>Materials Science.</i> |

▪ Anugerah Akademik Negara Ke-9

Tahun 2015 menyaksikan empat penyelidik dari Universiti Sains Malaysia telah berjaya menerima Anugerah Akademik Negara (AAN) ke 9, termasuk anugerah utama iaitu Anugerah Tokoh Akademik Negara yang dianugerahkan kepada mantan Dekan Pusat Pengajian Sains Kimia, YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Datuk Dr. Augustine Ong Soon Hock. Tiga penerima AAN yang lain ialah:-

- ◇ Anugerah Inovasi dan Pengkomersilan Produk
- ◇ Prof. Dr. Rahmah Noordin
- ◇ Anugerah Penerbitan Makalah Jurnal (Bidang Sains Sosial dan Sastera)
- ◇ Prof. Madya Dr. Lean Hooi Hooi
- ◇ Anugerah Ahli Akademik Harapan
- ◇ Prof. Madya Dr. Lim Jit Kang

▪ Top Research Scientists Malaysia

Lima saintis USM telah diiktiraf sebagai Saintis Terbaik Negara atau *Top Research Scientists Malaysia* (TRSM) 2015 oleh Akademi Sains Malaysia terhadap sumbangan yang sangat signifikan dalam bidang penyelidikan masing-masing. TRSM adalah antara inisiatif yang dijalankan ke arah menyokong teras strategik dalam *National Science, Technology and Innovation Policy* (NSTIP) 2013-2020. Saintis USM tersebut ialah:

- ◇ Prof. Dr. Othman Sulaiman dari Pusat Pengajian Teknologi Industri
- ◇ Prof. Dr. Rokiah Hasyhim dari Pusat Pengajian Teknologi Industri
- ◇ Prof. Dr. Mohd. Omar Ab Kadir dari Pusat Pengajian Teknologi Industri
- ◇ Prof. Dr. Mohamed Azmi Ahmad Hassali dari Pusat Pengajian Sains Farmasi
- ◇ Prof. Dr. Srimala Sreekantan dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral

▪ Malaysia's Rising Star Award 2015

Tujuh saintis USM turut menerima Malaysia's Rising Star Award atas kejayaan mereka menerbitkan artikel dalam jurnal penyelidikan dunia yang paling banyak dirujuk oleh penyelidik lain.

Pengiktirafan ini diberikan terhadap usaha penyelidik yang berjaya menghasilkan artikel yang menerima sitasi penerbitan 1% tertinggi dunia, dengan merujuk pangkalan data Web of Science (WoS) Thomas Reuters dan Incites. Saintis USM yang telah menerima pengiktirafan ini ialah:

- ◇ Prof. Datuk Dr. Abdul Khalil H P Shawkataly dari Pusat Pengajian Teknologi Industri)
- ◇ Prof. Dr. Abdul Latif Ahmad dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia
- ◇ Prof. Dr. Abdul Rahman Mohamed dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia
- ◇ Prof. Dr. Abd Karim Alias dari Pusat Pengajian Teknologi Industri
- ◇ Prof. Dr. Hazizan Md Akil dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan & Sumber Mineral
- ◇ Prof. Madya Dr. Mohd Roslee Othman dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia
- ◇ Prof. Dr. Wan Saime Wan Ngah dari Pusat Pengajian Sains Kimia

▪ Jurnal Terbitan Penerbit USM

Penerbit USM menerbitkan sejumlah 15 jurnal yang sebahagian besarnya diindeks dalam pangkalan data utama. Satu jurnal diindeks dalam pangkalan data Thomson Reuters Web of Science manakala sepuluh lagi jurnal dalam pangkalan data Scopus. Senarai jurnal tersebut adalah seperti yang berikut:

- ◇ Jurnal Dalam Pangkalan Data Thomson Reuters Web Of Science
 - i. *Bulletin of the Malaysian Mathematical Society*
Ketua Sidang Pengarang: Prof. Dato' Dr Rosihan M. Ali
- ◇ Jurnal Dalam Pangkalan Data Scopus
 - i. *Asian Academy of Management Journal*
Ketua Sidang Pengarang: Prof. Madya Dr. Zamri Ahmad.
 - ii. *Asian Academy of Management Journal of Accounting and Finance*
Ketua Sidang Pengarang: Prof. Datin Dr Ruhani Hj. Ali
 - iii. *International Journal of Asia Pacific Studies*
Ketua Sidang Pengarang: Prof. Dr Ooi Keat Gin
 - iv. *Wacana Seni: Journal of Arts Discourse*.
Ketua Sidang Pengarang: Prof. Dr. Tan Sooi Beng.
 - v. *Journal of Physical Science*
Ketua Sidang Pengarang: Prof. Dr. Ismail Ab. Rahman
 - vi. *Tropical Life Sciences Research*
Ketua Sidang Pengarang: Prof. Dr. Alexander Chong
 - vii. *Journal of Construction in Developing Countries*.
Ketua Sidang Pengarang: Prof. Dr Abd. Rashid Abd. Aziz
 - viii. *Kemanusiaan: The Asian Journal of Humanities*
Ketua Sidang Pengarang: Prof. Madya Dr. Hajar Abdul Rahim
 - ix. *Kajian Malaysia*
Ketua Sidang Pengarang: Prof. Dr Shakila Abdul Manan
 - x. *Malaysian Journal of Medical Sciences*
Ketua Sidang Pengarang: Prof. Dato' Dr. Jafri Malin Abdullah

- ◇ Jurnal Yang Belum Di Indeks Dalam Pangkalan Data Utama
 - i. *The Asia Pacific Journal of Educators and Education (formerly known as Journal of Educators and Education)*.
Ketua Sidang Pengarang: Prof. Dato' Dr. Abdul Rashid Mohamed
 - ii. *Journal of Engineering Science*
Ketua Sidang Pengarang: Prof. Dr. Hanafi Ismail.
 - iii. *Malaysian Journal of Distance Education*.
Ketua Sidang Pengarang: Prof. Dr. Hanafi Atan.
 - iv. *Malaysian Journal of Pharmaceutical Science*.
Ketua Sidang Pengarang: Dr. Aisyah Saad Abdul Rahim

Di samping itu, empat jurnal yang terdapat dalam pangkalan data Scopus telah disenaraikan dalam pangkalan data baharu *Emerging Sources Citation Index* (Thomson Reuters). Jurnal tersebut ialah:

- i. *International Journal of Asia Pacific Studies (IJAPS)*.
- ii. *Malaysian Journal of Medical Sciences (MJMS)*.
- iii. *Asian Academy of Management Journal (AAMJ)*.
- iv. *Asian Academy of Management Journal of Accounting and Finance (AAMJAF)*.

- ◇ Jurnal Taraf CREAM oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia

Tiga jurnal terbitan Penerbit Universiti Sains Malaysia telah dipilih sebagai penerima Jurnal Taraf CREAM oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia sebagai galakan untuk membantu usaha meningkatkan

kualiti penyelidikan dan penerbitan jurnal ilmiah di Malaysia. Tiga jurnal tersebut ialah:

- i. *Bulletin of the Malaysian Mathematical Sciences Society* (BMMSS)
- ii. *International Journal of Asia Pacific Studies* (IJAPS)
- iii. *Kajian Malaysia* (KM)

BMMSS ialah salah satu jurnal daripada dua penerima di bawah bidang Sains, Teknologi dan Perubatan yang diindeks di dalam Web of Science manakala IJAPS dan *Kajian Malaysia* merupakan dua daripada tiga jurnal yang diterima untuk bidang Sains Sosial dan Kemanusiaan yang diindeks dalam Scopus. Selain itu, tiga (3) penerbitan jurnal USM turut terpilih sebagai penerima Skim Galakan Penerbitan (CREAM) Kementerian Pendidikan Tinggi - satu pengiktirafan yang diberikan kepada jurnal tempatan hasil aktiviti penyelidikan yang telah memperlihatkan prestasi tinggi dalam pangkalan data antarabangsa WoS dan SCOPUS. Daripada tiga jurnal terbitan USM tersebut, sebuah jurnal diindeks dalam kategori WoS dalam bidang Sains, Teknologi dan Perubatan iaitu *Bulletin of The Malaysian Mathematical Sciences Society*, manakala dua lagi *International Journal of Asia-Pacific Studies* dan *Kajian Malaysia (Journal of Malaysian Studies)* yang diterbitkan oleh Penerbit USM di bawah kategori SCOPUS dalam bidang Sains Sosial dan Kemanusiaan. Program pemberian taraf CREAM terhadap jurnal tempatan ini bertujuan memastikan jurnal yang sudah diindeks kekal berada dalam pangkalan data pengindeksan antarabangsa demi meningkatkan impak sitasinya.

▪ Cap Dagangan (Trademark) dan Harta Intelek

Selaras dengan hasrat Kerajaan Malaysia di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) untuk menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020, sasaran pencapaian utama ialah bilangan paten yang dihasilkan oleh negara. Pada tahun ini, sehingga bulan November, USM telah berjaya mendapat sebanyak 11 paten yang memperoleh status penganugerahan (granted). Bagi kategori pemfailan sejumlah 18 pemfailan baharu telah dapat dilakukan. Bagi kategori Cap Dagangan (Trademark), sebanyak 9 permohonan telah mendapat penganugerahan dan 12 lagi dalam senarai pemfailan. Hal Ini diikuti pula oleh Hak Cipta (Copyright) yang telah berjaya didaftarkan melalui MyIPO iaitu sebanyak 79 karya.

Perincian statistik untuk kategori Paten, Cap Dagang (*Trademark*) dan Hak Cipta adalah seperti berikut:

| | |
|------------|------------------|
| Paten | 11 dianugerahkan |
| | 18 difailkan |
| Cap Dagang | 9 dianugerahkan |
| | 12 difailkan |
| Hak Cipta | karya |

▪ Pengkomersilan di bawah Teknologi Industri dan Perlesenan

Dalam usaha menjana kewangan, USM telah mengkomersialkan sembilan produk seperti berikut:

| | SYARIKAT BERMINAT | PRODUK | PENYELIDIK |
|---|-----------------------------|--|--|
| 1 | MADCAT WORLD SDN BHD | <i>Discover Nur</i> | Dr. Maizurah Omar Pusat Racun Negara |
| 2 | MADCAT WORLD SDN BHD | <i>Toxichem</i> | Dr. Maizurah Omar Pusat Racun Negara |
| 3 | CERDIK PUBLICATIONS SDN BHD | <i>Toxicology Series</i> | Dr. Maizurah Omar Pusat Racun Negara |
| 4 | RESZON DIAGNOSTIC SDN BHD | <i>Panlf Rapid</i> | Prof. Dr. Rahmah Noordin Institut Penyelidikan Perubatan Molekul |
| 5 | RESZON DIAGNOSTIC SDN BHD | <i>Brugia Rapid</i> | Prof. Dr. Rahmah Noordin Institut Penyelidikan Perubatan Molekul |
| 6 | ORCHID LIFE SDN BHD(OLSB) | <i>Labeesity</i> | Prof. Zhari Ismail P.P Sains Farmasi |
| 7 | YS BIOTECHNOLOGY | <i>Palm Oil Based Biodegradable Copolymer</i> | Prof. Dr. K. Sudesh Kumar C. Kanapathi Pillai P.P Sains Farmasi |
| 8 | YS BIOTECHNOLOGY | <i>Extraction And Purification Of Polyester Granules</i> | Prof Dr. K. Sudesh Kumar C. Kanapathi Pillai P.P Sains Kajihayat |
| 9 | V-INDUSTRIES SDN BHD | <i>Facebars</i> | Dr. Shahrel Azmin Suandi PP Kejuruteraan Elektrik & Elektronik |

Kesimpulan

Umumnya, walaupun terdapat kekangan dari segi kewangan dan jumlah peruntukan untuk aktiviti penyelidikan dan inovasi, namun aktiviti yang berteraskan penyelidikan dan inovasi tetap menjadi agenda dan keutamaan universiti. Strategi mendapatkan dana luar dan daripada pihak swasta banyak membantu para penyelidik untuk terus giat menjalankan penyelidikan mereka. Pencapaian para penyelidik USM bagi tahun 2015 tetap membanggakan kita dengan kemenangan dan anugerah yang diperoleh dan diiktiraf sama ada pada peringkat kebangsaan mahupun dunia. Antaranya empat orang penyelidik yang berjaya memenangi Anugerah Akademik Negara (AAN) termasuk Anugerah Tokoh Akademik Negara, lima penyelidik tersenarai dalam *Top Research Scientists Malaysia* (TRSM) 2015 dan pelbagai lagi anugerah yang diterima menjadi petunjuk kecemerlangan penyelidikan dan inovasi di USM.




**PEMBANGUNAN PELAJAR &
ALUMNI**

Pengenalan

Universiti telah menyediakan satu ekosistem yang kondusif sesuai untuk pembangunan siswa yang holistik berteraskan pemerksaan bakat, kelestarian kehidupan dan pengupayaan siswa yang berdaya saing.

Laporan Pencapaian

Berdasarkan data *My Continuous Student Development* (MyCSD) sepanjang tahun 2015, didapati bahawa sejumlah 127,019 penyertaan pelajar dari ketiga-tiga kampus dalam 2,123 aktiviti/program telah dijalankan. Penyertaan pelajar berdasarkan 8 teras generik MyCSD adalah seperti yang berikut:



- **Projek Flagship**

Pada tahun 2015, USM telah melaksanakan Projek Flagship iaitu aktiviti-aktiviti signifikan yang mampu menghasilkan impak yang tinggi dan jelas dalam pembangunan sahsiah pelajar. Terdapat tujuh Projek Flagship yang telah dijalankan sepanjang tahun 2015 iaitu:

- **Program Pimpin Siswa Lestari 1**

Program PIMPIN Siswa Lestari merupakan program yang ditransformasikan daripada program PIMPIN Siswa terdahulu untuk menggerakkan pemindahan ilmu dan agenda Inovasi, Keusahawanan dan Kelestarian USM pada tahap antarabangsa.

Program ini telah diadakan sepenuhnya di ketiga-tiga kampus dengan menggunakan kemudahan dan kemudahan sedia ada. Jumlah keseluruhan penglibatan pelajar tahun satu bagi ketiga-tiga kampus ialah seramai 3,781 orang.

Melalui program ini, pelajar mempelajari kaedah *Logframe Analysis* iaitu kaedah asas penyelidikan. Sebagai hasil program ini, 190 kertas kerja yang mengandungi elemen kelestarian, inovasi dan keusahawanan berjaya dihasilkan oleh peserta

- **Dewan Perundingan Pelajar**

Penubuhan Dewan Perundingan Pelajar atau Parlimen Mahasiswa Universiti Sains Malaysia berlandaskan aspirasi menggabungkan suara pelajar pada semua peringkat kepimpinan yang mewakili keseluruhan pelajar USM.

Pada tahun 2015, sebanyak dua sidang telah dijalankan iaitu pada 31 Mei 2015 dan 17 Disember 2015. Jumlah usul yang diterima oleh dewan pada 2015 ialah 29 usul.

- **Novel Research And Innovation Competition**

Pertandingan Penyelidikan dan Inovasi ataupun Novel Research and Innovation Competition (NRIC) merupakan pertandingan projek-projek penyelidikan dan inovasi pelajar ijazah pertama bagi tahun

akhir universiti awam seluruh Malaysia dan negara-negara Asean.

Jumlah penyertaan projek penyelidikan dalam pertandingan NRIC 2015 ialah sebanyak 123 projek. Sebanyak 69 buah IPTA dan 35 IPTS serta 19 buah universiti dari Negara Thailand dan Indonesia turut menyertai pertandingan tersebut. NRIC juga turut menganjurkan 2 program kecil iaitu *Community Research & Innovation Competition 2015* (CoRIC) yang dikhususkan kepada pelajar-pelajar tahun tiga dan juga Innovation Pitch Challenge 2015 (IPC) yang terbuka kepada pelajar sekolah di sekitar zon utara. Jumlah penyertaan bagi CoRIC ialah sebanyak 17 projek, 11 dari universiti awam dan 6 dari institusi pengajian tinggi swasta. Di samping itu, 13 orang pelajar telah menyertai IPC pada tahun 2015.

Peserta-peserta USM telah merangkul sebanyak 4 pingat emas bagi kategori Sains & Perubatan, Kejuruteraan & Teknologi, Teknologi Maklumat & Komunikasi serta Transformasi Sosial dan Seni Kreatif. Manakala pingat perak ialah sebanyak enam iaitu dua pingat bagi kategori Sains Hayat, dua bagi kategori Sains Fundamental, satu pingat bagi Sains Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan 1 bagi kategori Transformasi Sosial & Seni Kreatif. Sebanyak empat pingat gangsa juga diperolehi bagi kategori Kejuruteraan & Teknologi. USM juga menerima anugerah 'Special Award' bagi kategori Sustainable/ Green Technology Award. Jadi, jumlah keseluruhan anugerah yang diterima ialah sebanyak 15.

- **Pesta Konvokesyen USM**

Pada tahun 2015, Pesta Konvokesyen USM 2015 (CONVEX '15) mengekalkan konsep untuk menyetengahkan USM sebagai

tonggak dalam pembangunan masyarakat dengan tema "USM Pencetus Inspirasi Mahasiswa". Program ini telah digerakkan oleh 200 orang sukarelawan pelajar yang dipilih secara sistematik.

CONVEX'15 telah mendapat penajaan berbentuk barangan yang bernilai lebih daripada RM500,000 dan juga penajaan kewangan melalui penjualan lot-lot sewaan tapak gerai yang bernilai sebanyak RM400,000.00.

- **Ekspo Kerjaya dan Pendidikan**

Ekspo Kerjaya Dan Pendidikan 2015 (EKSPEN 2015) yang berlangsung pada 3 hingga 4 April 2015 telah membawa 45 buah syarikat dalam pameran kerjaya, 14 buah syarikat untuk menjalankan temu duga terbuka dan 15 syarikat mengambil bahagian dalam ceramah kerjaya. Keseluruhan pengunjung ialah seramai 3,531 orang. Majoriti pengunjung tertumpu dalam pameran kerjaya manakala 1,564 orang pengunjung tertumpu dalam sesi ceramah kerjaya yang diadakan.

- **Program APEX Scholar**

Program ini merupakan program khas yang dirancang untuk membimbing dan melahirkan sekumpulan pelajar yang hebat bagi tujuan untuk melahirkan pemimpin masa depan yang berpotensi dan berpemikiran global.

Bengkel untuk program ini berjaya menghasilkan enam domain modul iaitu *Leadership, Management & Personal Development, Communication, Language, Writing & Thinking, Global & Intercultural Studies, Arts, Humanity, History, Culture, Society, Science, Technology, Innovation*

& *Entrepreneurship (SITE)* dan *Enculturation of Values*.

Pada tahun 2015, calon yang hadir untuk temu duga seramai 142 orang dan seramai 65 orang calon telah terpilih bagi mengikuti program APEX Scholar.

- **Pembangunan Pelajar**

Selain melaksanakan aktiviti/program Flagship, USM juga melaksanakan pelbagai aktiviti pembangunan pelajar. Yang berikut ialah aktiviti-aktiviti yang dijalankan pada tahun 2015:

- **Pembangunan Keusahawanan Siswa**

Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Sahsiah Pelajar, telah melahirkan seramai 114 orang siswazah lulusan USM yang telah menceburi bidang perniagaan setelah menamatkan pengajian. PPKSP juga telah melibatkan 12,611 orang pelajar ijazah pertama dan diploma sepenuh masa (tidak termasuk pelajar pascasiswazah) dalam aktiviti pendedahan/pembudayaan keusahawanan pada tahun 2015. Bilangan ini menunjukkan satu pencapaian yang tinggi dalam mencapai indeks prestasi yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi iaitu 109 orang bagi siswazah berniaga setelah menamatkan pengajian dan 12,000 orang pelajar ijazah pertama yang terlibat dalam program pembudayaan keusahawanan.

Terdapat tiga anugerah keusahawanan yang dimenangi oleh kelab MyAgrosis dan Enactus USM sepanjang tahun 2015. Kelab MyAgrosis USM telah memenangi dua anugerah iaitu Anugerah Kelab MyAgrosis Jaya sempena Ulang Tahun FAMA ke-50 peringkat Kebangsaan

dan Anugerah Johan The Best Idea Program 1 Malaysia Entrepreneur (1MET) oleh Kementerian Kewangan Malaysia yang diadakan pada peringkat negeri. Manakala Kelab Enactus USM pula telah memenangi tempat kedua projek *3 Shaw* dalam pertandingan My Unirocks 2015 oleh IM4U pada peringkat kebangsaan.

- **Sukarelawan Pelajar**

Sepanjang tahun 2015, sebanyak 165 program sukarelawan dan penyertaan/penglibatan 5,000 orang pelajar. Sebanyak 13 program bagi kategori Kemanusiaan, 15 program bagi kategori Khidmat Masyarakat, lapan program bagi kategori Pendidikan dan kategori lain sebanyak 129 program.

Universiti juga telah menghantarkan seramai enam orang pelajar bagi menyertai empat Misi Sukarelawan peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang dianjurkan Yayasan Sukarelawan Siswa.

- **Kebudayaan**

Program dan aktiviti kebudayaan terbahagi kepada aktiviti tarian, seni lakonan dan teater serta pengantarabangsaan program kebudayaan.

Pada tahun 2015, Kumpulan Kesenian Kebudayaan (Adikarma) di bawah seliaan Unit Kebudayaan berjaya memenangi beberapa award. Antaranya adalah Anugerah "Best Themed Performance" yang dimenangi di Pertandingan Tarian di Program Tahunan Growth Triangle (IMT-GT) kali ke-17, Anugerah "Best Combined Team Performance" di Pertandingan Tarian di Program Tahunan Growth Triangle (IMT-GT) kali ke-17, Anugerah Trofi Noraniza Idris dan Pingat Johan dalam

Pertandingan Empayar Akar Kita Zapin 2015 Peringkat Kebangsaan.

Produksi Teater Nisya Khaleed yang terdiri daripada 30 orang pelajar USM telah mengharumkan nama universiti di Festival Teater MAKUM 2015.

USM berjaya menjadi Naib Johan festival tersebut dan juga telah memenangi anugerah Prop Terbaik, Anugerah Pelakon Harapan, dan Anugerah Pelakon Wanita Terbaik. Teater "Nisya Khaleed" telah ditayangkan oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM) sempena dengan sambutan Maulidur Rasul 2015.

- **Kebolehpasaran Graduan**

Program kebolehpasaran graduan telah dijalankan pada tahun 2015 mengikut kategori program iaitu seminar/ceramah, bengkel, persijilan, temu duga, "*Structured Internship*", Ekspo Kerjaya dan *Bank Resume*.

Bilangan penyertaan pelajar bagi seminar/ceramah seramai 2,209 orang, bengkel seramai 901 orang, Persijilan sebanyak 201 orang, Temuduga 127 orang, "*Structured Internship*" seramai 249 orang, Ekspo Kerjaya 1,709 orang dan *Bank Resume* seramai 1,962 orang.

Penganjuran pelbagai program kebolehpasaran graduan dan penglibatan pelajar adalah sebagai salah satu usaha untuk membantu pelajar meningkatkan kebolehpasaran pelajar. Program ini terbukti berkesan berdasarkan dapatan kajian pengesanan graduan 2014, iaitu 80.2% graduan USM telah mendapat pekerjaan semasa Konvokesyen.

- **Perkhidmatan dan Kebajikan Pelajar**

Universiti sangat menekankan aspek perkhidmatan pelajar seperti hal kebajikan, perkhidmatan pengangkutan, kewangan dan kaunseling pelajar. Antara perkhidmatan pelajar yang telah dilaksanakan pada 2015 adalah yang berikut:

- **Perkhidmatan Kaunseling**

Seramai 164 orang pelajar telah mendapatkan perkhidmatan kaunseling pada tahun 2015 meliputi 83 orang di Kampus Kejuruteraan, 65 orang di Kampus Induk dan 16 orang di Kampus Kesihatan. Daripada jumlah tersebut, seramai 64 orang terdiri daripada pelajar perempuan dan 100 orang pelajar lelaki.

- **Tajaan Dan Biasiswa Pelajar**

Sebanyak tujuh jenis kategori tajaan dan biasiswa utama telah dikenal pasti di peringkat Universiti. Perincian penaja dan bilangan penerima tajaan bagi ketiga-tiga kampus bagi adalah seperti yang berikut:

| Bil | Jenis/ Kategori Penaja | Jumlah Penerima Mengikut Kampus | | |
|------------------------------------|---|---------------------------------|---------------------|--------------------|
| | | Kampus Induk | Kampus Kejuruteraan | Kampus Kesihatan |
| 1 | Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) | 7,913 | 1,318 | 1006 |
| 2 | Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) | 861 | 291 | 812 |
| 3 | Biasiswa Kementerian Pendidikan Tinggi (KPM) | 60 | 0 | 0 |
| 4 | Biasiswa Swasta/Korporat | 107 | 40 | 10 |
| 5 | Biasiswa dan Pinjaman Kerajaan Negeri/ Yayasan Negeri/ Badan Berkanun | 188 | 40 | 6 |
| 6 | Biasiswa Apex-Mara | 39 | 20 | 0 |
| 7 | Biasiswa Daripada Tabung Bakat Yayasan USM | 10 | 0 | 0 |
| JUMLAH PELAJAR BERPENAJA | | 9,178 (92%) | 1,709 (75%) | 1,834 (75%) |
| JUMLAH PELAJAR AKTIF | | 9,981 | 2,286 | 2,426 |
| JUMLAH PELAJAR TANPA PENAJA | | 803 (8%) | 577 (25%) | 592 (25%) |

- **Penginapan Pelajar**

Jumlah keseluruhan pelajar bagi kedua-dua kategori yang menginap di desasiswa ialah sebanyak 21,781 orang bagi ketiga-tiga kampus.

Berdasarkan jumlah tersebut seramai 15,441 (70.89%) orang pelajar ijazah pertama dan 6,340 (29.10%) orang pelajar ijazah tinggi menginap di desasiswa. Sementara itu, seramai 6,460 (29.65%) orang pelajar tidak menginap di desasiswa universiti.

- **Pejabat Perhubungan Alumni**

Pada tahun 2015, sebanyak tujuh aktiviti utama telah dilaksanakan bagi memastikan kelangsungan hubungan antara universiti dengan alumni. Aktiviti-aktiviti tersebut ialah Majlis Makan Malam Bersama Alumni USM Di Medan Bersama Naib Canselor, *Program Back-To-Campus@50's*, Program Balikampus, Perjumpaan Alumni Melaka, Malaysia Global Outreach (MGO) di Thailand, Perjumpaan Alumni USM Di Langkawi dan Leaders' Talk Series.

Bagi memperluas hubungan alumni pada peringkat antarabangsa, Pejabat Perhubungan Alumni telah mengumpulkan alumni USM yang kini berkhidmat di Kementerian Kerajaan dan industri, antaranya di Indonesia, Arab Saudi, Itali, Filipina, Brunei, Nigeria dan Palestin.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya sepanjang tahun 2015, USM telah melaksanakan pelbagai aktiviti dan program yang berimpak tinggi dengan jayanya. Hal ini juga selaras dengan misi dan visi USM untuk melahirkan pelajar H.E.B.A.T iaitu pelajar yang mempunyai nilai *Holistic, Entrepreneurial, Balanced, Articulate* dan *Thinker*.

Diharapkan bahawa graduan cemerlang dan H.E.B.A.T yang dihasilkan oleh USM akan kembali ke universiti sebagai alumni dan dapat menyumbangkan bakti kepada USM dan menjadikan USM sebagai platform perkongsian ilmu, pengalaman yang dapat dikongsi bersama dengan para pelajar dan komuniti kampus.

JARINGAN INDUSTRI & MASYARAKAT



PENGENALAN

Pada tahun 2015, USM memperkuat jaringan serta kerjasama bersama pihak industri dan komuniti. USM menjalankan peranannya dalam usaha memungkinkan hala tuju dengan memberikan komitmen yang lebih jitu terhadap transformasi masyarakat di sekelilingnya. Usaha tersebut dilakukan melalui pepadanan ilmu/kepakaran, kemudahan dan sumber yang terdapat dalam universiti dengan keperluan, aspirasi serta harapan pihak industri dan masyarakat agar lebih bermanfaat dan lestari pada pelbagai peringkat. Hubungan kerjasama dengan pihak luar ini amat signifikan agar USM terus relevan, berimpak dan lestari.

Tumpuan turut diberikan terhadap aktiviti/projek/program bagi memperluas libat sama Komuniti-Universiti-Industri pada peringkat negeri, kebangsaan, serantau dan antarabangsa melalui inisiatif-inisiatif yang lebih proaktif dan inovatif. USM terus membina kolaborasi dan kerjasama yang bermakna dengan masyarakat dan industri dalam menangani isu-isu dan keperluan-keperluan semasa, serta menyediakan penyelesaian bagi mencapai

transformasi yang memanfaatkan rakyat dan negara. Usaha ini sejajar dengan agenda APEX USM untuk mengembangkan nilai-nilai kemanusiaan serta kesejagatan demi kesejahteraan dan kelestarian hidup semua.

LAPORAN PENCAPAIAN

- **Projek Libat Sama Universiti – Komuniti**

Pelaksanaan projek libat sama universiti-komuniti merupakan aktiviti teras dalam usaha USM untuk mendidik dan membimbing staf dan pelajar USM tentang usaha murni bagi memperkasakan masyarakat khususnya golongan terke bawah ke arah pembangunan yang lestari. Bidang tumpuan projek libat sama ini menjurus pada tiga fokus iaitu:

- Pendidikan untuk golongan terke bawah
- Golongan terpinggir
- USM Prihatin

| | Jumlah Projek | Jumlah Pembiayaan | Bilangan Staf Akademik | Bilangan Pelajar | Bilangan Rakan Usahasama | Bilangan Ahli Komuniti/ Industri Terlibat |
|--|---------------|-------------------|------------------------|------------------|--------------------------|---|
| Projek Libat sama Universiti-Komuniti | 50 | 274,126.40 | 119 | 659 | 149 | 8,983 |

Bilangan Projek Libat sama Universiti-Komuniti

| Pendidikan untuk Golongan Terke bawah | Golongan Terpinggir | USM Prihatin | Jumlah |
|---------------------------------------|---------------------|--------------|--------|
| 18 | 3 | 29 | 50 |

Bilangan Projek Berdasarkan Bidang Tumpuan

- **University Community Engagement Conference (UCEC)**

Persidangan UCEC yang keempat telah berjaya dilaksanakan pada 1-3 November 2015 di Gold Coast, Australia. Persidangan yang telah dianjurkan bersama *Australian College of Applied Psychology (ACAP)* ini telah dihadiri oleh 150 delegasi daripada 15 buah negara seperti Malaysia, Australia, Filipina, Thailand, Indonesia, Brunei, Bangladesh, Jepun, Jerman, United Kingdom, Emiriah Arab Bersatu, New Zealand, Nigeria, Afrika Selatan, Ethiopia dan Rwanda. Sebanyak 58 kertas kerja persidangan telah dibentangkan dan 9 poster dipamerkan semasa persidangan. UCEC telah menjadi *platform* bagi perkongsian amalan-amalan terbaik libat sama universiti-komuniti selain dapat mewujudkan dan mengukuhkan jaringan kerjasama secara global antara peserta demi pembangunan dan kesejahteraan masyarakat yang lestari. Sejajar dengan agenda UCEC, persidangan ini telah mendermakan sumbangan sebanyak USD2,500 bagi projek komuniti untuk membina tempat tinggal kekal kepada penduduk Filipina yang dilanda taufan Koppu.

Penganjuran persidangan ini telah mengukuhkan dan melebarkan sayap USM dalam bidang libat sama industri dan jaringan masyarakat sekali gus meletakkan satu tanda aras yang tinggi khususnya dalam meletakkan nama USM di persada antarabangsa melalui program-program yang dilaksanakan.

- **University Community Transformation Centre (UCTC) @ USM**

UCTC@USM ditubuhkan untuk menggembengkan sumber intelektual dan infrastruktur universiti bagi memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat. Pada tahun 2015, USM telah menerima geran UCTC sebanyak RM190,200.00 untuk pembiayaan tiga projek bagi meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat. Selain itu, lapan projek USM telah berjaya memenangi Anugerah UCTC daripada 11

kategori yang dipertandingkan sempena *Malaysian Higher Education Week* pada 14 Ogos 2015. Projek USM bertajuk *From Despair to Hope and Reality: Individual Customized Wheelchair for People with Physical Disabilities (PWD)* telah terpilih sebagai Projek Terbaik Keseluruhan.

- **Innovations for Community (INNO4C)**

Libat sama komuniti kini telah menuju fasa kedua yang lebih banyak memberikan penekanan terhadap impaknya kepada komuniti serta penghasilan produk dan inovasi untuk menambah baik hidup komuniti. Melalui inisiatif ini, sebanyak 11 produk, 10 modul dan 10 khidmat/program hasil inovasi staf USM telah berjaya di kumpulkan dan diterbitkan dalam sebuah katalog. Inisiatif INNO4C ini menonjolkan hasil inovasi yang mempunyai elemen kemanusiaan yang dihasilkan oleh warga USM menerusi pelaksanaan projek-projek libat sama komuniti/industri. INNO4C ini dikatalogkan untuk membolehkan produk, modul dan khidmat tersebut dapat dipromosikan kepada pihak umum bagi keperluan orang ramai yang memerlukan dengan kos yang lebih rendah berbanding nilai komersial di pasaran. Hasil inovasi ini telah dilancarkan pada 29 Jun 2015 dan berjaya memperolehi sumbangan dana sebanyak RM30,000.00 daripada pelbagai industri dan organisasi.

- **Penyerahan Kerusi Roda yang Dimodifikasi Khas USM – RICD**

Kerjasama antara USM–RICD dalam projek kerusi roda modifikasi khas diteruskan melalui penganjuran majlis penyerahan kerusi roda USM-RICD buat kali ketiga yang diadakan pada 6–7 Ogos 2015. Kumpulan sasaran kali ini ialah penerima dari Pahang, Selangor dan Kuala Lumpur. USM juga telah bekerjasama dengan Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan, Bangi, Selangor sebagai penganjur bersama Majlis Penyerahan Kerusi Roda Yang Dimodifikasi Khas ini.

Pada tahun 2015, USM telah menerima sumbangan sebanyak 50 set kerusi roda berserta alatan bantuan berjalan yang lain daripada *Rajanagarindra Institute of Child*

Development (RICD), Chiangmai, Thailand yang bernilai RM 214,630.00.

- **Industry/Community in the Classroom**

Industry/Community in the Classroom ialah amalan yang telah sedia ada di USM dan telah dilaksanakan secara berstruktur sebagai pengajaran bersama antara staf akademik USM dengan pihak industri/komuniti berdasarkan kerelevanan kurikulum akademik serta memberi pendedahan dan perkongsian pengalaman kepada pelajar. Melalui amalan ini, pelajar universiti dapat dilengkapi dengan pengetahuan yang berkaitan, berkemahiran dan pengalaman sebagai graduan yang relevan untuk industri dan komuniti di samping meningkatkan kolaborasi antara universiti dengan pihak industri dan komuniti. Program ini juga menyediakan manfaat yang signifikan kepada staf akademik dan pelajar dalam menghubungkan teori dengan praktikal bagi memenuhi kemahiran yang diperlukan oleh industri. Ia juga menyediakan peluang kerjasama dengan industri melalui pendidikan, projek dan penyelidikan. Beberapa Pusat Pengajian telah mengambil inisiatif untuk menjemput pensyarah jemputan daripada pelbagai latar belakang untuk memberikan


pengajaran serta berkongsi pengalaman kepada pelajar. Sepanjang tahun 2015, seramai 31 pensyarah jemputan telah dijemput daripada pelbagai syarikat/organisasi.

- **Sandaran Staf Akademik ke Industri**

Pada tahun 2015, seramai empat orang staf akademik telah menjalani program sandaran staf di tiga buah syarikat/organisasi seluruh Malaysia. Melalui program ini, staf telah dapat menambahkan kemahiran dan pengetahuan mereka melalui aktiviti pemindahan ilmu antara staf dengan pakar di syarikat/organisasi tersebut. Program ini juga merupakan saluran untuk memaklumkan penyelidikan, inovasi, perundingan, kurikulum di USM dan potensi untuk usaha sama dalam libat sama industri-komuniti kepada industri

- **Program Internship Pelajar**

Seramai 2,549 orang pelajar telah menjalani Program Internship Pelajar di syarikat/ agensi/industri di seluruh Malaysia pada tahun 2015. Manakala seramai 46 orang pelajar pula telah menjalani program internship pelajar luar negara iaitu China, Singapura, Jepun, Taiwan, Kuwait, Indonesia, Iran dan Brunei.



- **Inisiatif CEO-I@USM**

Inisiatif CEO-I@ USM diwujudkan untuk mengukuhkan jaringan dan libat sama antara USM dengan industri. Terdapat lima kategori di bawah inisiatif ini iaitu:

- **Siri Syarahan CEO**

Pada 27 Mei 2015, Y.Bhg. Dato' Sri Haji Syed Zainal Abidin bin Syed Mohamed Tahir dari CMS Consortium Ecotour Sdn. Bhd. telah dijemput menyampaikan syarahan bertajuk *Entrepreneurial Opportunities on EV Development*.

- **Forum CEO**

Forum CEO yang pertama bertemakan *Role of Industry in Strengthening the University of the 21st Century* telah diadakan pada 29 Jun 2015 di Dewan Persidangan Universiti, USM. Tiga penceramah jemputan iaitu Y.Bhg. Dato' Seri Kelvin Kiew, Presiden Mini Circuit Malaysia; Y.Bhg Dato' Haji Abdul Rafique bin Abdul Karim, Konsulat Terhormat Negara Pakistan; dan Y.Bhg, Dato' Syed Mohammad Aidid Syed Murtaza, Pengerusi Eksekutif Kumpulan Masterpack telah dijemput untuk forum ini. Forum ini telah dihadiri oleh 117 orang terdiri daripada ketua pegawai eksekutif daripada industri dan juga staf USM.

- **CEO Melawat Industri**

Platform untuk Pengurusan Tertinggi Universiti, Dekan dan Ketua Pusat Tanggungjawab membuat lawatan ke industri dan berbincang untuk meneroka potensi kolaborasi yang boleh dilaksanakan bersama.

- **CEO Melawat Universiti**

Melalui program ini, Ketua pegawai eksekutif dan ketua perniagaan/pertubuhan perdagangan daripada industri telah melawat USM untuk berkongsi strategi dan cadangan agar USM dapat selaras dengan harapan pihak industri.

- **Felo CEO-I@USM**


Y.Bhg. Dato' T.T Yew bekas pengarah urusan Motorola Solutions Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai Felo CEO-I @USM bagi tahun 2015.

- **Memorandum Persefahaman/Perjanjian dengan Pihak Industri/Komuniti**

Sepanjang tahun 2015, sejumlah 10 memorandum persefahaman dan tiga memorandum perjanjian telah dimeterai antara USM dengan organisasi seperti *Kadambari Memorial College of Science and Management, Nepal; Kyoto College of Graduate Studies of Infomatics; Netpoint Coating Sdn. Bhd.; Agricultural Chemical (M) Sdn. Bhd.; National Hsinchu University of Education, Taiwan; Tzu Chi University, Taiwan; National Formosa University, Taiwan; Mingdao University, Taiwan; National Taiwan University of Business, Taiwan; Kyoto University of Foreign Studies (KUFS), Jepun; Altera Corp;* dan B. Braun Medical Sdn Bhd.

- **Kerjasama USM-TORAY Group (Malaysia)**

Kerjasama antara USM dengan Toray Malaysia telah bermula sejak sekian lama dan dipergiat beberapa tahun yang lalu. Sejak tahun 2012 hingga 2015, Toray telah menyumbangkan sebanyak lebih RM5.3 juta kepada USM. Kerjasama antara USM dengan Toray ini telah digambarkan melalui model di sebelah:



• **Siri Tech Talk**

USM telah menganjurkan siri Tech Talk dengan kerjasama USAINS Infotechnology, Institut Kejuruteraan Malaysia dan Dream Catcher Consultancy Sdn Bhd. Sebanyak enam siri telah dilaksanakan sepanjang tahun 2015 yang melibatkan pakar-pakar daripada industri dalam pelbagai bidang. Seramai 307 peserta telah menyertai siri ceramah ini. Siri *Tech Talk* dianjurkan untuk meningkatkan hubungan jaringan USM dengan pihak industri.


• **Rangkaian Global**

Bagi menyelaraskan rangkaian global, USM telah membentuk empat sekretariat rangkaian global seperti kerangka di sebelah:




Ringkasan Sekretariat Rangkaian Global USM di bawah Jaringan Industri dan masyarakat adalah seperti berikut:

| Rangkaian | Bilangan Keahlian | Bil. Negara Keahlian | Jenis Keahlian | Pencapaian 2015 |
|---|-------------------|----------------------|--|--|
|  | 79 | 15 | Keahlian institusi Keahlian gabungan Keahlian bersekutu | <ul style="list-style-type: none"> • 8 keahlian baru • 2 mesyuarat APUCEN@MALAYSIA • 2 Mesyuarat Majlis Serantau APUCEN • 1 projek libat sama komuniti peringkat nasional dan 1 projek libat sama komuniti peringkat antarabangsa • 2 penerbitan buletin |
|  | 65 | 5 | Keahlian institusi | <ul style="list-style-type: none"> • Pelancaran ALKN • Mesyuarat bersama ahli dan ahli berpotensi semasa ICLK 2015 • Seminar tentang kearifan tempatan • Dialog siri kelima dengan Universiti Asean • Mesyuarat dengan Naib-naib Canselor universiti tempatan dan antarabangsa/Asean • Penerbitan buletin ALKN |
|  | 45 | 2 | Keahlian institusi pendidikan Agensi kerajaan tempatan Agensi bukan kerajaan | <ul style="list-style-type: none"> • Mesyuarat Majlis RSEN • Pembentukan Special Interest Group dan aktiviti (4 SIG's) • Karnival kehidupan lestari pada 28 & 29 November 2015 • Sesi perkongsian online semasa Youth Eco Summit pada 22 Oktober 2015 (bersama University Western Sydney dan Sydney Olympic Park) • Penerbitan risalah RSEN |

| Rangkaian | Bilangan Keahlian | Bil. Negara Keahlian | Jenis Keahlian | Pencapaian 2015 |
|---|-------------------|----------------------|--------------------|---|
|  | 40 | 5 | Keahlian institusi | <ul style="list-style-type: none"> Mesyuarat ahli lembaga SEASN Perjumpaan SEASN SEASN Thematic Working Group (TMG) tentang WEHAB+3 Pameran kelestarian oleh ahli SEASN Kempen kelestarian dengan risalah, laman web dan media massa |

• **Penerbitan**

Pada tahun 2015, USM telah menerbitkan buku bertajuk Kaleidoscope (siri 2) yang memaparkan kisah-kisah kejayaan serta perkongsian amalan terbaik dalam aktiviti/projek libat sama yang telah dilaksanakan oleh warga USM dengan pihak industri dan komuniti.



- **Program Pemindahan Ilmu**

Pada tahun 2015, staf USM telah berjaya mendapat geran sebanyak 12 projek di bawah Skim Geran Program Pemindahan Ilmu dengan jumlah peruntukan sebanyak RM1,583,305.50. Program KTP menyediakan platform untuk pertukaran harta intelek ketara dan tidak ketara, kepakaran, pembelajaran dan kemahiran antara akademik, industri dan masyarakat. Antara projek *flagship* KTP yang berimpak tinggi adalah:

- **KTP Berasaskan Penyelidikan Arkeologi Di Tapak Sungai Batu, Kedah.**
Impak: Pihak komuniti berjaya mendapat lesen pemandu pelancong (*green badge*) dan berkebolehan untuk menghasilkan pakej pelancongan, arkeologi, alam sekitar dan budaya.
- ***3 in 1 Thermochemical Conversion Process System (Torrefecation, Pyrolysis and Gasification) for Biomass with Fully Automated Control and Wireless Process Monitoring.***
Impak: Pihak industri berjaya mengendali sistem pengeluaran dengan biojisim (torrefied biomass material) dan mendapatkan hasil yang terbaik.

- **Geran Luar**

USM telah berjaya membawa masuk lapan geran luar daripada pihak Strategi Lautan Biru Nasional (NBOS), Kementerian Pendidikan Malaysia berjumlah RM429,200.00 bagi pelaksanaan projek libat sama komuniti.

- **Kerjasama Strategik TUT – USM**

Kerjasama strategik antara USM dengan Toyohashi University of Technology

(TUT) telah terjalin sejak 2013 melalui penubuhan Pusat Kolaborasi Teknologi TUT-USM di Pulau Pinang. Beberapa aktiviti telah dijalankan melalui kerjasama ini sepanjang tahun 2015 seperti berikut:

- USM telah membantu pihak TUT mencari dan mengenal pasti industri yang bersesuaian kepada 12 pelajar TUT menjalani latihan industri mereka dari Januari hingga Februari 2015 di pelbagai industri di Pulau Pinang.
- Program USM-TUT Industrial Exposure telah diadakan pada 5–9 Januari 2015 di USM bagi meningkatkan keupayaan berbahasa Inggeris pelajar TUT dan juga mempelajari budaya kerja rakyat Malaysia.
- Seramai 18 pelajar dan tiga staf TUT telah menyertai program TUT-USM *Excellent Student Penang* Program ESPP 2015 yang diadakan pada 15–23 Mac 2015 bagi mempelajari sistem makmal dan peluang penyelidikan bersama. Program ini telah dilaksanakan dengan kerjasama Pusat Pengajian Sains Komputer dan Pusat Pengajian Sains Fizik.
- Program *Global Faculty Development* telah diadakan pada Januari hingga Mac 2015 di Institut Pengajian Siswazah USM yang membolehkan staf akademik TUT memberikan syarahan dalam bahasa Inggeris kepada pelajar USM. Program ini telah melibatkan 10 staf akademik TUT.
- Program Pembangunan Staf TUT telah diadakan buat kali kedua pada 24–25 Mac 2015 bertempat di USM. Dua staf pentadbiran daripada TUT dan National Institute of Technology Ibaraki College terlibat dalam program yang memberikan pendedahan tentang pengurusan dan pentadbiran di USM.

- **Pusat Kebudayaan Jepun KUFS – USM**

Dalam usaha untuk mewujudkan persefahaman antara Malaysia dengan Jepun, USM dan Kyoto University of Foreign Studies (KUFS), Jepun telah menandatangani satu memorandum perjanjian pada 11 Ogos 2015 untuk menubuhkan Pusat Kebudayaan Jepun KUFS-USM. Pusat ini mula beroperasi sejak Ogos 2015. Objektif utama pusat ini adalah untuk menyebarkan budaya dan bahasa Jepun di Malaysia serta memperkenalkan budaya Malaysia di Jepun. Pusat tersebut juga berusaha melatih kumpulan modal insan yang mempunyai pengetahuan tentang budaya Jepun dan Malaysia. Dalam masa empat bulan penubuhannya, Pusat Kebudayaan Jepun KUFS-USM telah berjaya menganjurkan beberapa aktiviti yang melibatkan pelajar-pelajar Jepun di USM. Program-program yang dijalankan termasuklah memperkenalkan budaya, bahasa dan tradisi Malaysia kepada pelajar-pelajar Jepun. Antara aktiviti yang telah dilakukan adalah:

- Seminar luar negara untuk 10 orang pelajar sekolah menengah dari Nagoya.
- Penempatan bakal guru Bahasa Jepun di SMK Raja Chulan, Ipoh.
- Kerja lapangan Asia di Malaysia 2015 oleh pelajar-pelajar Otemon Gakuin University.
- Taklimat berhubung budaya, adat resam dan tradisi Malaysia kepada pelajar-pelajar dari Universiti Saitama, Jepun.
- Pusat Kebudayaan Jepun KUFS-USM telah menjadi perantara dalam perbincangan untuk MoU antara USM dengan Mejiro University, Tokyo serta MoU antara USM dengan Lembaga Pendidikan Nagoya.

- Pemupukan hubungan antara sekolah di Jepun dan Malaysia – Pusat Kebudayaan Jepun KUFS-USM memantau perkembangan dua MoU antara SM Sains Kepala Batas dengan Kyoto Gaidai High School dan Nagoya Commercial High School.

- **Hadiah Dan Endowmen/Sumbangan Pihak Luar**

Pada tahun 2015, USM telah berjaya mendapat hadiah dan endowmen daripada pihak industri/organisasi luar berjumlah RM30,000 untuk sumbangan projek *Innovations for Community* (INNO4C).

Selain itu, terdapat sembilan Pusat Tanggungjawab telah menerima hadiah dan endowmen daripada pelbagai pihak industri dan komuniti berjumlah hampir RM878,000.00 bagi melaksanakan program/aktiviti libat sama industri dan komuniti.

Kesimpulan

Sepanjang tahun 2015, USM telah melaksanakan pelbagai aktiviti, projek dan program dengan lebih proaktif untuk mengukuhkan hubungan dan kerjasama dengan pihak industri dan komuniti. Inisiatif-inisiatif baru juga turut dilaksanakan untuk menjalinkan hubungan baharu dengan pelbagai agensi dan organisasi. Melalui kerjasama semua PTJ di ketiga-tiga kampus, agenda libat sama komuniti dan libat sama industri terus diperkukuh dan usaha-usaha untuk melonjakkan USM ke peringkat global turut dilaksanakan. BJIM yakin, usaha untuk menonjolkan USM sebagai sebuah Universiti prihatin terhadap keperluan masyarakat dan industri dapat direalisasikan.

TADBIR URUS



Pengenalan

Tadbir Urus Universiti merupakan tadbir utama yang bertanggungjawab mengendalikan semua urusan berkaitan dengan pengurusan sumber manusia, pengurusan akademik dan kemudahan berpusat. Sebagai menyahut seruan kerajaan agar universiti bergerak seiring dengan program transformasi yang sedang giat dilaksanakan, tadbir urus Universiti turut berperanan memastikan pentadbiran dan pengurusan universiti dilaksanakan dengan cekap, efektif dan berkesan agar ia selaras dengan Misi dan Visi Universiti serta meletakkan fokus dan memberikan sokongan ke arah pencapaian KPI PTJ. Selain itu, tadbir urus Universiti juga akan memastikan laungan semangat yang diuar-uarkan oleh KPT agar berlaku soaring upwards terhadap semua aktiviti demi peningkatan PTJ, khususnya dan universiti amnya. Justeru, beberapa seksyen dan elemen akan diberikan tumpuan khusus dan dibincangkan selanjutnya dalam dokumen ini.

Laporan Pencapaian

• Governan USM

USM sentiasa berusaha memperkasakan dan membangunkan beberapa pendekatan untuk mencapai tadbir urus terbaik dengan mengambil kira prinsip autonomi berakuntabiliti, berkualiti dan beretika sebagai teras dan tunggak utama. Matlamat strategik USM ialah mencapai tadbir urus yang cemerlang dan mencapai keupayaan yang menyeluruh untuk bertindak dalam ekosistem governan terbaik dalam usaha mencapai misi mentadbir Universiti ke arah kecemerlangan.

Pendekatan USM untuk membina budaya tadbir urus terbaik dan autonomi termasuk inisiatif berikut: -

- Perlembagaan Khas sebagai timbal balas terhadap status autonomi
- Ombudsman - satu-satunya universiti yang mempunyai pegawai aduan dalam menguruskan aduan dalam ekosfera universiti
- Pejabat Perundangan dengan

- pendekatan yang adil dan terbuka serta bersikap proaktif terhadap kerangka undang-undang universiti
- Polisi Pemberi Maklumat dengan penekanan terhadap kerahsiaan
- Unit Integriti yang beroperasi sebagai pusat utama yang mengendalikan perihal ketelusan, kalbu dan kejujuran
- Pek Integriti digunakan dalam pelantikan baharu Ketua Jabatan
- Pek Integriti digunakan dalam semua urusan perolehan dan tender di universiti
- Dasar Konflik Kepentingan dan Polisi Saudara-mara
- Pengakuan dan Ikrar Integriti semasa proses membuat keputusan
- Jawatankuasa Etika Penyelidikan yang mampan
- Polisi Plagiarisme yang komprehensif diguna pakai untuk kedua-dua pelajar dan pekerja
- Jawatankuasa Audit yang aktif
- Prinsip Pengurusan Risiko digunakan dalam membuat keputusan dan digunakan dalam pelantikan jawatankuasa pada peringkat universiti

Tadbir urus terbaik adalah penting untuk USM mencapai tadbir urus institusi yang cemerlang, pembangunan modal insan, inovasi, dan pengantarabangsaan. Tadbir urus baik dalam kewangan dan etika penyelidikan dapat menyumbangkan kecekapan pentadbiran, meningkatkan perkaitan penyelidikan dengan mengambil kira keperluan tempatan dan kebangsaan, dan meningkatkan penjana pendapatan luar untuk menyokong keseluruhan operasi USM.


Dalam universiti, tadbir urus baik Lembaga Gabenor Universiti, Senat dan Jawatankuasa utama peringkat universiti sentiasa menyumbangkan kecekapan membuat keputusan dan pengurusan termasuk kuasa dan autonomi berdasarkan garis panduan, Rukun USM, rangka kerja APEX 2020, Pemikir Muda Strategik, Pemikir Terkemuka dan Pasukan Masa Hadapan Universiti.

• **MyTalent**

MyTalent telah dibangunkan pada suku ke tiga 2015 dengan kerjasama Pusat Inovasi dan Produktiviti Pentadbiran Awam, Pusat Pengetahuan, Teknologi dan Komunikasi dan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia. Pembangunan sistem ini dibuat selepas pembentangan dan kelulusan Pengurusan Tertinggi Universiti. Sistem ini dibangunkan untuk menyokong pelaksanaan pelan penggantian USM untuk staf akademik dan bukan akademik.

MyTalent ialah sistem yang berasaskan laman sesawang yang mempunyai dua bahagian. Bahagian utama iaitu 18 bahagian untuk komponen penilaian kepimpinan sendiri. Bahagian kedua ialah elemen maklum balas 360 darjah yang diasaskan pada 92 soalan yang perlu dilengkapkan oleh calon, ketua jabatan, staf di bawah seliaan dan rakan sejawat.

Sistem ini mempunyai lima analisis penting untuk menyokong pelaksanaan pelan penggantian seperti rajah berikut:



Kerangka iHCMS

Seperti yang ditunjukkan dalam rajah di atas, *MyTalent* berupaya menghasilkan analisis berikut:

- Profil individu
- Profil pasukan
- Analisis Sembilan Kotak (Potensi-Prestasi)
- Gaya kepimpinan
- Analisis jurang

Pada bulan Oktober dan November 2015, proses pemilihan untuk calon Dekan dan Pengarah telah menggunakan sistem ini dengan data profil sebanyak 180 calon. Sistem ini juga digunakan jawatankuasa pencarian semasa proses pemilihan calon ketua jabatan. Sistem ini juga digunakan sebagai satu daripada proses kenaikan pangkat bagi kumpulan pengurusan dan profesional pada bulan November. Sebanyak 444 calon kenaikan pangkat telah mengisi sistem ini. Secara keseluruhannya, pada penghujung Disember 2015, MyTalent mempunyai sebanyak 624 profil staf USM untuk tujuan pembangunan dan pelaksanaan pelan penggantian.

- **TeRamPiL**


Akronim TeRamPiL dijadikan sebagai platform kemajuan kerjaya dan kenaikan pangkat bagi staf akademik dan pengurusan.



TeRamPiL ialah jenama baru latihan Pembangunan Bakat (Akademik & Pengurusan) USM. TeRamPiL berasaskan empat bidang kerjaya iaitu "*Teachers/ Educators, Researchers, Practitioners & Leaders*". Jenama TeRamPiL yang dibina ini adalah selari dengan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia -Pendidikan Tinggi (PPPM-PT) dan juga Hala tuju Masa Depan USM untuk menghasilkan ahli akademik & pengurusan dalam keempat-empat bidang tersebut.

OUTCOME

TeRamPiL PEMBANGUNAN BAKAT USM



Ia juga bersesuaian dengan erti "Keterampilan". Semua ahli akademik & pengurusan USM perlu memiliki sifat keterampilan dalam kerjaya mereka sepanjang berkhidmat di USM. Terampil menurut Dewan Bahasa & Pustaka didefinisikan sebagai "cekap dalam melaksanakan sesuatu dalam menyelesaikan masalah; mampu dan cekap".

Yang berikut ialah Kanvas TeRamPiL yang dibina bagi staf akademik dan pentadbiran yang bakal dilaksanakan pada tahun 2016:



Yang berikut ialah perancangan jumlah jam latihan mengikut kompetensi bagi modul TeRamPiL II, III & IV Staf Akademik :

| JAWATAN / KOMPETENSI | Kalbu | Generic | Functional |
|---|-------|---------|------------|
| PENSYARAH KANAN DS/DU/ DUG/ DUF 51 / 52 | 20% | 40% | 40% |
| | 6 jam | 12 jam | 12 jam |
| PROF. MADYA DS/DU/ DUG/ DUF 53 / 54 | 20% | 30% | 50% |
| | 6 jam | 10 jam | 14jam |
| PROF. VK 7 / 6 / 5 | 20% | 30% | 50% |
| | 6 jam | 10 jam | 15jam |

Nota: Tempoh bagi satu modul TeRamPiL ialah 5 hari = 30 jam latihan

• Jawatankuasa Audit Staf Akademik

Pada 2015, USM telah memberikan fokus terhadap Transformasi Bakat dan Sumber Manusia dengan penekanan terhadap

- Transformasi tadbir urus dan Bakat
- Perancangan Staf Akademik Yang Lebih Berfokus Kepada Pelan Penggantian Dalam Kelompok Subjek dan Bidang.

Sebuah Jawatankuasa Audit Staf Akademik telah ditubuhkan oleh Naib Canselor bagi melihat secara menyeluruh perancangan staf akademik yang lebih fokus pada pelan penggantian dalam kelompok subjek dan bidang yang telah digariskan di bawah program Transformasi tadbir urus dan Bakat dalam BUKU 2015. Objektif penubuhan Jawatankuasa Audit Staf Akademik ini ialah:

- Mengenal pasti keperluan pelantikan staf akademik di Pusat Pengajian
- Mengesahkan kekosongan jawatan staf akademik bagi 5 tahun akan datang
- Meninjau keperluan pelantikan staf akademik di bawah RLKA/pasaran terbuka
- Membantu universiti menyediakan bajet perjawatan staf kontrak
- Menyemak Nisbah Pensyarah dan Pelajar mengikut bidang
- Mencadangkan penyelesaian untuk diambil tindakan oleh setiap PTJ

Hasil audit staf akademik ini telah membantu pihak Universiti membuat perancangan strategik bagi pelan penggantian staf akademik mengikut subjek dan bidang. Hal ini adalah untuk memastikan pengisian kekosongan jawatan yang diperuntukkan serta mengurangkan pergantungan pada staf kontrak yang menggunakan vot belanja mengurus selain memastikan pelan penggantian mengikut subjek dan bidang dilaksanakan mengikut aturan yang sempurna.

• Eksekutif Kenaikan Pangkat Kumpulan Pengurusan & Profesional

Hebahan iklan Kenaikan Pangkat Kumpulan Pengurusan & Profesional telah dibuka bermula pada 6 Ogos 2015 sehingga 31 Ogos 2015. Seramai 458 orang staf yang memohon terdiri daripada pelbagai skim perkhidmatan dan gred jawatan merangkumi Kampus Induk, Kampus Kejuruteraan, Kampus Kesihatan dan Institut Perubatan dan Pergigian Termaju.

Bagi eksekutif kenaikan pangkat ini, calon perlu melalui sesi penilaian kriteria kecemerlangan, penilaian kemahiran dan temu duga. Sebilangan staf daripada pelbagai skim perkhidmatan dan gred jawatan telah dilantik sebagai panel penilai bagi tujuan tersebut. Pada 10 Disember 2015 dan 21 hingga 22 Disember 2015 sesi penilaian kemahiran telah dilaksanakan

serentak di Kampus Induk, Kejuruteraan dan Kesihatan. Susulan daripada itu, pada 28 dan 29 Disember 2015 juga telah diadakan sesi temu duga bagi kenaikan pangkat tersebut. Keputusan Kenaikan Pangkat Kumpulan Pengurusan dijangka akan dikeluarkan pada bulan Mac 2016.

- **Pesuruhjaya Sumpah**

Encik Erman Kamal Bin Mustafa Kamal telah ditauliahkan sebagai Pesuruhjaya Sumpah oleh Ketua Pendaftar, Mahkamah Persekutuan Malaysia mulai 1 Julai 2015. Pelantikan ini merupakan satu sejarah yang memperlihatkan sebuah Universiti Awam yang mempunyai perkhidmatan Pesuruhjaya Sumpah dan Universiti Sains Malaysia satu-satunya Universiti Awam yang mempunyai perkhidmatan Pesuruhjaya Sumpah.

Perkhidmatan yang diberikan ini telah banyak mempermudah urusan dokumentasi Universiti seperti akuan bersumpah, affidavit dan lain-lain di samping dapat memberikan perkhidmatan kepada Komuniti luar yang berdekatan dengan Universiti Sains Malaysia.

Berdasarkan rekod daftar Pesuruhjaya Sumpah dari bulan Julai sehingga Disember 2015, seramai 144 deponen telah menghadirkan diri bagi mendapatkan perkhidmatan ini.

- **Penempatan Silang**

Penempatan Silang Dalam Universiti Sains Malaysia telah dilaksanakan antara Pusat Tanggungjawab (PTJ) bagi memberikan peluang kepada pegawai yang dilantik dan berkhidmat dalam suatu PTJ ditempatkan secara silang dalam tempoh sementara ke PTJ yang lain. Pada peringkat permulaan, program ini hanya melibatkan penempatan silang dalam kalangan ahli akademik, walau bagaimanapun ia telah dipanjangkan juga kepada Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41-54).

Penempatan silang ini merupakan salah satu inisiatif strategik Universiti Sains Malaysia untuk mentransformasikan Universiti Awam terhadap suatu perkhidmatan yang mengutamakan aspek keberhasilan dan budaya prestasi tinggi penyelidikan.

Berdasarkan rekod universiti, pada tahun 2015 sebanyak 15 penempatan silang telah berlaku antara PTJ di USM.

- **Pusat Seni Reka Kreatif (*Creative Design House - CDH*)**

Pusat Seni Reka Kreatif dikenali sebagai CDH ditubuhkan bertujuan menempatkan semua pereka secara berpusat dalam berkongsi kepakaran. CDH ditubuhkan untuk memudahkan semua Pusat Tanggungjawab Jabatan (PTJ) menggunakan kemudahan perkhidmatan dalam tugas reka bentuk. Dengan penubuhan CDH, universiti dapat mengurangkan perbelanjaan yang besar dalam kerja-kerja reka bentuk kreatif.

USM merupakan universiti pertama di Malaysia yang mempunyai pusat reka bentuk kreatif dan penubuhan pusat ini juga menjadi tanda aras kepada institusi pengajian tinggi yang lain. Segala reka bentuk kreatif ialah hak cipta sepenuhnya universiti. Selain itu, peranan CDH juga dapat dikembangkan lagi sebagai perunding reka bentuk kreatif yang dirancang untuk menjana pendapatan universiti.

- **Pusat Media dan Perhubungan Awam (*Media and Public Relations Centre*)**

Media and Public Relations Centre atau dikenali sebagai MPRC ditubuhkan secara rasmi pada 2 Januari 2015. MPRC berfungsi memberikan khidmat nasihat dan kepakaran laporan berita, acara rasmi (protokol dan etika sosial), perhubungan media dan kerja perhubungan awam dalam membekalkan berita rasmi dan terkini USM.

- **Pejabat Aset dan Operasi**

Penubuhan Pejabat Aset dan Operasi secara rasminya pada 3 Ogos 2015 telah diluluskan di Universiti Sains Malaysia. Ia berfungsi sebagai satu pusat perkhidmatan yang mengurus dan memantau pengurusan aset universiti di samping mengatur dan melicinkan proses-proses pentadbiran, koordinasi, operasi dan pengurusan universiti.

- **Penstrukturan Semula Hospital USM dan Kampus Kesihatan**

Lembaga Gabenor Universiti (LGU) Sains Malaysia telah menubuhkan satu Jawatankuasa Lembaga Penstrukturan Semula Governan dan Pengurusan Hospital USM. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk melihat, menilai dan mengenal pasti perkara-perkara yang boleh dicadangkan kepada LGU bagi penambahbaikan dan transformasi penstrukturan Hospital USM.

Sebagai hasil cadangan Jawatankuasa ini, universiti telah melaksanakan penstrukturan semula dengan menjadikan Hospital USM dan Kampus Kesihatan Berautonomi bersekali yang menyaksikan penyatuan pentadbiran Hospital USM dan Kampus Kesihatan yang melibatkan pengurusan Sumber Manusia, Kewangan,

Pembangunan, Keselamatan, Teknologi Maklumat, Perhubungan Awam, Latihan, Pusat Islam disatukan. Di samping itu, proses kemasukan pelajar, waran perjawatan, lantikan dan kenaikan pangkat juga telah dipusatkan.

Penyatuan proses yang terlibat dilaksanakan dengan menggabungkan unit-unit di bawah Hospital USM dengan jabatan-jabatan cawangan. Penggabungan ini telah bermula pada 1 April 2015. Dalam melaksanakan penggabungan ini, proses kerja dan carta organisasi jabatan yang terlibat telah dipinda. Sebahagian daripada jabatan telah menyatukan semua staf di bawah satu bumbung dan sebahagiannya belum dapat dilaksanakan kerana kekangan ruang. Walau bagaimanapun carta organisasi baru telah dikuatkuasakan.

Kesimpulan

USM sentiasa meletakkan keutamaan untuk mencapai tadbir urus yang cemerlang dan mencapai keupayaan yang menyeluruh untuk bertindak dalam ekosistem governan terbaik. Komitmen untuk mewujudkan tadbir urus yang cemerlang merupakan sebahagian daripada fokus strategik USM supaya sentiasa kompetitif dan berdaya maju selaras dengan lonjakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia-Pendidikan Tinggi.

PEMBANGUNAN INSTITUSI



Pengenalan

Pelbagai inisiatif telah diperkenalkan pada tahun 2015 bagi memperkasakan USM sebagai sebuah universiti awam dalam pelbagai aspek terutamanya yang melibatkan teras fundamental sebagai sebuah institusi pengajian tinggi. USM terus peka akan perkembangan pendidikan dan penyelidikan bagi memastikan hasil penyelidikan boleh menyumbangkan kesejahteraan kepada masyarakat dan negara.

Inisiatif USM ini telah menarik minat beberapa agensi luar untuk menerokai kerjasama dengan penyelidik USM. Kerjasama yang terjalin menerusi hubungan strategik ini telah memberikan kesan positif dalam pengembangan bakat sama ada staf atau pelajar USM.

Program Pembangunan Sains@USM

Sejak mula diperkenalkan pada tahun 2008, Kampus Sains@USM telah mengorak langkah sebagai sebuah Taman Penyelidikan yang memberikan penekanan terhadap kerjasama Universiti-Industri, penyelidikan, inovasi dan keusahawanan.

Kampus ini didiami oleh lima buah pusat berteraskan penyelidikan di bawah USM serta lapan buah syarikat luar yang berfokus pada bidang-bidang berimpak tinggi seperti elektrik dan elektronik, pengurusan data komputer, penyelidikan vaksin, pengurusan kemudahan penyelidikan, pengurusan penyelidikan dan konsultasi pemasaran hak cipta penyelidikan. Sepanjang tahun 2015, Kampus Sains@USM berperanan sebagai pusat utama untuk tujuan koordinasi inkubasi, asimilasi penyelidikan Universiti-Industri dan pembangunan bakat untuk bidang-bidang terpilih yang semuanya dijalankan secara bersama dengan pemain industri bertaraf dunia.

Menerusi kerjasama dengan industri, Kampus Sains@USM telah berjaya membantu universiti dan negara dalam mencipta peluang bagi penyaluran dana untuk projek-projek penyelidikan berimpak tinggi dengan nilai sekitar RM150,100,000

melalui penghasilan *Industry-Led IoT Cloud Data Center and Research Center*, *GaN on GaN* serta pelbagai projek lain yang dijalankan oleh penyelidik-penyelidik lain di seluruh negara.

Kampus Sains@USM mula mengorak langkah dalam agenda pembangunan inkubator khas bagi bidang Elektrik dan elektronik melalui kerjasama antara *Collaborative Research in Engineering, Science & Technology (CREST)*, *Northern Corridor Implementation Authority (NCIA)* dan USM khasnya untuk membangunkan dan menyokong syarikat bantu mula dalam bidang berkenaan pada tahun 2015.

Bermula dengan platform kerjasama antara penyelidik, pihak industri dan pelajar, Inkubator CREST-NCIA-USM kini menempatkan enam syarikat bantu mula yang berfokus pada bidang Elektrik Elektronik dan IoT iaitu Realta Solutions Sdn Bhd, Iconix Technology Sdn Bhd, System Innotech Integration Experts, Oppstar Technology Sdn. Bhd, MyCapsule, Vakom Enterprise dan Gretronics Sdn. Bhd.

Lima projek penyelidikan telah siap dijalankan dan dua daripadanya telah dikenal pasti untuk diteruskan ke peringkat pengkomersilan iaitu projek *Thermal Management Research* dan projek *Acoustic & Vibration Engineering Services*.

Projek ini melibatkan pembangunan kemudahan *Internet of Things Cloud Data Center (ICDC)* melalui kerjasama USM, *Northern Corridor Implementation Authority (NCIA)* dan industri (Intel, IBM, Dell, CISCO, Kontron, MIMOS). USM telah menerima sumbangan daripada industri sekitar RM5 juta dari segi peralatan dan kepakaran.

ICDC akan menjadi platform kepada pelajar, staf, penyelidik dan juga industri untuk menerokai dan membangunkan penyelidikan serta aplikasi dalam bidang *Internet of Things dan Big Data Analytics*. *Pilot Program Vehicle Telematics* telah dimulakan melalui kerjasama Intel, Pusat Ipv6 Termaju Negara (Nav6) dan CREST bagi pengujian kelancaran ICDC dan juga

aplikasi IoT dalam bidang pengangkutan. Melalui Program Pembangunan Sains@USM telah menerokai kerjasama dengan Northern Corridor Implementation Authority (CREST) bagi menubuhkan kolaborasi dengan pemenang Anugerah Nobel 2014 yang merupakan pencipta Blue LED, Prof. Shuji Nakamura dari University of California Santa Barbara (UCSB) untuk membangunkan kluster Optoelektronik dan LED.

Projek kluster Optoelektronik dan LED ini menyumbang pada pembangunan yang melibatkan penyelidikan epitaxial untuk meningkatkan prestasi dalam solid state lighting. Seterusnya projek ini dapat membantu usaha untuk mengembangkan pengetahuan penyelidikan dan kemahiran teknologi tempatan serta meningkatkan kumpulan bakat dan kepakaran USM.

Projek lima tahun ini juga sejajar dengan penekanan kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara pengeluar utama di Asia yang mengetuai pembuatan segmen LED/SSL dan dijangka akan berkembang sebanyak 34% menjelang tahun 2020.

Institusi pengajian tinggi yang terlibat dalam kolaborasi ini terdiri daripada Universiti Sains Malaysia (Institut Penyelidikan dan Teknologi Nano-Optoelektronik, Pusat Pengajian Sains Fizik dan Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik), Universiti Malaya, Monash University dan University of California, Santa Barbara, Amerika Syarikat. Pihak industri pula terdiri daripada Osram, ItraMAS dan Penchem.

Nilai projek keseluruhan ialah RM119.7 juta melibatkan RM72 juta daripada dana kerajaan dan RM47.7 juta daripada sumbangan Industri/Akademia.

Antara impak projek ini adalah kerjasama penyelidikan bersama University of California Santa Barbara dalam *Epitaxy and Fabrication*, mewujudkan kemudahan *Epitaxy Reactor and Fabrication* di USM, Penghasilan cip buatan Malaysia bertaraf dunia dan pengkomersilan produk.

Ruang Penyelidikan Bersepadu Kampus Kejuruteraan

Berdasarkan laporan Audit Ruang yang telah dijalankan oleh Unit Audit Dalam 2004, dilaporkan bahawa sebahagian besar Pusat Pengajian di Kampus Kejuruteraan menghadapi masalah ruang makmal untuk melaksanakan program-program pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan. Bagi memastikan kualiti akademik dan penyelidikan berada pada tahap yang tinggi, USM telah memutuskan untuk membina Ruang Penyelidikan Bersepadu (RPS) yang telah mula dibina pada tahun 2008 dengan kos RM19.5 juta dengan keluasan ruang 6,751.89 m².

RPS telah diserahkan oleh pihak kontraktor kepada USM pada Mac 2015 dan mula digunakan oleh Pusat Pengajian/ Penyelidikan berikut:

- Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia
- Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan & Sumber Mineral
- Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam,
- Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik,
- Pusat Penyelidikan Kejuruteraan Sungai dan Saliran Bandar

Antara impak yang dikenal pasti dan diharapkan sebagai hasil pertambahan ruang penyelidikan ini adalah yang berikut:

- Menyelesaikan masalah keperluan ruang yang diperlukan bagi menjayakan projek penyelidikan yang diterima daripada geran penyelidikan dalaman dan luaran
- Menghasilkan lebih banyak "output" penyelidikan dari segi penerbitan berwasit dan penghasilan produk baru yang boleh dikomersialkan
- Melahirkan lebih ramai penyelidik hebat dalam kalangan warga Universiti Sains Malaysia terutama Kampus Kejuruteraan
- Menambahkan bilangan pelajar terutama pelajar ijazah tinggi sama ada tempatan mahupun antarabangsa
- Menggalakkan penjana kewangan kepada universiti dengan adanya kemudahan dan peralatan terkini

Transformasi Kampus Kesihatan dan Hospital USM

Transformasi di Kampus Kesihatan melibatkan penstrukturan semula dan penggabungan Jabatan-jabatan dan Unit-unit di Hospital USM dengan Jabatan-jabatan peringkat Kampus serta pemusatan beberapa jawatan di Pusat-pusat Pengajian ke Jabatan-jabatan peringkat Kampus Kesihatan. Tujuan utama transformasi ini dibuat ialah mengurangkan pertindihan dan mengoptimumkan penggunaan sumber bagi meningkatkan kecekapan kos. Penstrukturan semula beberapa Unit di Hospital juga dibuat untuk memberikan penekanan pada aktiviti pengajaran-pembelajaran sejajar dengan fungsi Hospital USM sebagai Hospital Pengajar.

Penggabungan Jabatan-jabatan dan Unit-unit di Hospital USM dengan Jabatan-jabatan peringkat Kampus adalah seperti yang berikut:

- Unit Pengurusan Sumber Manusia dengan Jabatan Pendaftar
- Unit Kewangan dengan Jabatan Bendahari
- Unit Informasi Teknologi dengan Pusat Pengetahuan Komputer & Teknologi
- Unit Kejuruteraan & Penyelenggaraan dengan Jabatan Pembangunan
- Unit Hal Ehwal Islam dengan Pusat Islam
- Unit Perhubungan Awam dengan Pusat Media dan Perhubungan Awam
- Unit Keselamatan dengan Jabatan Keselamatan

Pemusatan staf dari Pusat-pusat Pengajian adalah seperti yang berikut:

- Juruteknik Audio-Visual di pusatkan ke Unit Kemudahan Akademik & Sokongan Teknikal
- Juru Fotografi dipusatkan ke Unit Kemudahan Akademik & Sokongan Teknikal

- Pereka dipusatkan ke Pusat Seni Reka Kreatif
- Pegawai Teknologi Maklumat dipusatkan ke Pusat Pengetahuan, Komunikasi & Teknologi

Penstrukturan semula Unit Terapi Pertuturan dan Audiologi Hospital yang diasingkan menjadi dua unit iaitu Unit Terapi Pertuturan dan Unit Audiologi seperti berikut:

- Unit Terapi Pertuturan bergabung dengan Program Terapi Pertuturan, Pusat Pengajian Sains Kesihatan dan diketuai oleh Pengerusi Program Terapi Pertuturan
- Unit Audiologi bergabung dengan Program Audiologi, Pusat Pengajian Sains Kesihatan dan diketuai oleh Pengerusi Program Audiologi

Integrasi Sistem Maklumat Hospital

Hospital Universiti Sains Malaysia telah membangunkan Dashboard untuk memberikan maklumat status terkini operasi dan sumber sedia ada. Maklumat ini membolehkan pengurusan hospital menjangka masalah yang akan timbul dan mengambil tindakan proaktif. *Dashboard* yang telah dibangunkan ini mengintegrasikan data semasa dan dipaparkan sebagai Dashboard yang mengandungi maklumat seperti yang berikut:

- Kedatangan pesakit luar
- Kedatangan di Jabatan Kecemasan & Kecelakaan
- Kemasukan pesakit ke dalam wad
- Pesakit yang keluar daripada wad
- Pesakit yang meninggal dunia
- Bekalan ubat di Jabatan Farmasi
- Bekalan barang pakai habis
- Aduan kerosakan dan status pembaikan
- Staf yang mengambil cuti kecemasan

Pengoperasian Canselori II

Bagi memantapkan proses pengoperasian secara berpusat untuk meningkatkan kecekapan penyampaian, universiti telah mewujudkan Canselori II yang mula beroperasi pada Jun 2015. Bangunan ini menempatkan Pusat Tanggungjawab berikut:

- Bahagian Penyelidikan dan Inovasi
- Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat
- Pejabat Inovasi dan Pengkomersilan
- Pusat Media dan Perhubungan Awam
- Pejabat Aset dan Operasi Universiti
- Pusat Transformasi Insan
- Pejabat Perundangan
- Pusat Kualiti
- Pejabat Bendahari (Zon Canselori II)
- Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (Pejabat Pengeluaran dan Sistem Sokongan)
- Kaunter Keselamatan

Disamping itu, tiga pejabat persatuan juga ditempatkan di bangunan tersebut iaitu:

- Kesatuan Kakitangan Awam
- Persatuan Wanita
- Persatuan Staf Islam

Bangunan ini menyediakan kemudahan tiga bilik mesyuarat (dua bilik dilengkapi dengan kemudahan telesidang) dan satu Bilik Seminar dengan kapasiti 80 orang.

Pusat Pemindahan Ilmu TORAY– USM

Kerjasama strategik dengan pihak industri telah menyaksikan pembinaan Bangunan Toray-USM. Syarikat Toray Group (Malaysia) telah memberikan sumbangan RM4 juta untuk pembinaan bangunan ini yang akan memusatkan program pemindahan ilmu. Pusat ini merupakan Pusat Pemindahan Ilmu yang pertama di Malaysia yang akan mempromosikan kekuatan penyelidikan dan akademik USM dalam bidang tumpuan tertentu.

Bangunan ini mula diduduki pada Disember 2015 dan menempatkan pusat

tanggungjawab yang memfokuskan program pemindahan ilmu, antaranya adalah:

- Pusat Pendidikan dan Latihan Tenaga Diperbaharui, Kecekapan Tenaga dan Teknologi Hijau
- Sekretariat Pemindahan Ilmu Nasional
- *Asia-Pacific University-Community Engagement Network*
- *South East Asia Sustainability Network*
- *Regional Sejahtera ESD Network*
- *USM Steinbeis Transfer Centre Network*
- *University Community Transformation Centre*
- Yayasan USM
- Pusat Kebudayaan USM dan Kyoto University of Foreign Studies
- USM - Nagaoka University of Technology Techno Park
- Sekretariat Kearifan Tempatan

Bangunan ini telah dirasmikan oleh Y.B Dato' Seri Haji Idris Jusoh, Menteri Pendidikan Tinggi, pada 7 Disember, 2015.

Kompleks Sukan Azman Hashim-USM

Kompleks Sukan Azman Hashim-USM telah siap dibina pada September 2015 dengan kos keseluruhan RM14.3 juta. Y. Bhg. Tan Sri Azman Hashim telah memberikan sumbangan berjumlah RM10 juta dan bakinya telah ditampung oleh USM.

Perasmian Kompleks Sukan Azman Hashim – USM telah disempurnakan pada 25 November 2015 oleh Y.Bhg. Tan Sri Azman Hashim. Antara kemudahan yang disediakan di kompleks ini adalah:

- Gelanggang Bola Jaring
- Gelanggang Bola Keranjang
- Gelanggang Bola Tampar
- Gelanggang Badminton
- Gelanggang Sepak Takraw
- Gelanggang Futsal
- Gimnasium Eksekutif
- Studio Aerobik/Yoga
- Francais/One Stop Centre

- Bank/CDM/ATM
- Ruang Perniagaan

Dengan adanya gelanggang sukan yang memusatkan semua aktiviti sukan di dalam kompleks ini, USM berupaya menjadi penganjur bagi program sukan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa kerana pembinaannya mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dan mengekalkan objektif pembinaan untuk memberikan faedah dan kebajikan kepada komuniti USM.

Perpustakaan

Perpustakaan USM mempunyai bangunan dan kemudahan di kesemua kampus iaitu Kampus Induk, Kampus Kesihatan, Kampus Kejuruteraan dan Institut Perubatan & Pergigian Termaju. Jumlah ahli Perpustakaan USM yang direkodkan sehingga Disember 2015 ialah seramai 67,870 orang. Keahlian Perpustakaan USM terdiri daripada staf akademik/pentadbiran, pelajar dan orang awam iaitu terdiri daripada pekerja daripada sektor awam dan korporat.

Sepanjang tahun 2015, Perpustakaan USM telah meningkatkan kualiti perkhidmatan dengan mengekalkan komitmen dalam pematuhan prosedur dan arahan kerja sehingga mengekalkan Pensijilan ISO 9001:2008 tanpa sebarang ketakakuran. Hal ini menunjukkan kesungguhan Perpustakaan USM dalam menyampaikan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan kepada pelanggan dan seterusnya memastikan pelanggan akan berpuas hati dengan perkhidmatan tersebut.

Perpustakaan USM pada keseluruhannya telah menerima kunjungan fizikal iaitu sebanyak 480,885 kunjungan dan kunjungan maya (laman sesawang Perpustakaan USM) sebanyak 315,801 kunjungan. Hal ini menunjukkan kedua-dua kunjungan meningkat berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak 6% untuk kunjungan fizikal dan 1% untuk kunjungan maya manakala perkhidmatan pinjaman bahan bacaan Perpustakaan USM juga telah meningkat daripada 305,782 bahan menjadi 360,710 bahan.

Koleksi Perpustakaan USM bertambah bilangan judul dan naskhah pada 2015 dari tahun sebelumnya walaupun 2015 universiti menghadapi cabaran kewangan dengan perincian seperti yang berikut:

| Koleksi Perpustakaan Universiti Sains Malaysia | | | |
|--|------------------|------------------|------------------|
| JENIS BAHAN | JUMLAH JUDUL | | |
| | 2013 | 2014 | 2015 |
| Buku dan Jurnal Bercetak | 1,128,977 | 1,136,009 | 1,141,826 |
| (Jumlah naskhah) | (1,306,691) | (1,315,238) | (1,323,726) |
| Buku elektronik | 111,050 | 112,711 | 113,110 |
| Jurnal elektronik | 360,349 | 360,369 | 360,494 |
| Bahan Media (termasuk mikrobentuk) | 217,699 | 218,372 | 218,887 |
| JUMLAH | 1,818,075 | 1,827,461 | 1,834,317 |

Pada 2015, Perpustakaan USM telah menganjurkan satu persidangan antarabangsa iaitu *International Conference on Libraries (ICOL 2015)*. Persidangan ini telah berjaya diadakan pada 25-26 Ogos 2015 dengan penyertaan 114 peserta yang merangkumi pustakawan, ahli akademik, pegawai universiti awam & swasta, pegawai arkib dan lain-lain dari seluruh negara dan luar negara. 14 kertas kerja telah dibentangkan yang bertemakan *Openness paradigm: Emerging knowledge ecologies* berfokus pada peranan perpustakaan terhadap keterbukaan dalam menerokai persekitaran ilmu dan maklumat.

Perpustakaan USM telah memberikan khidmat konsultasi kepada Universiti Tenaga Nasional (Perpustakaan UNITEN) dalam membina Sistem Pengurusan Perpustakaan Bersepadu (ILMS) dengan menggunakan perisian KOHA. Khidmat konsultasi ini membolehkan Perpustakaan UNITEN membina ILMS dengan kos yang minimum.

Jaringan Komunikasi dan Teknologi Maklumat

Sepanjang tahun 2015, USM telah memberikan fokus bagi memperkasakan perkhidmatan, meningkatkan pembangunan/penyelenggaraan sistem aplikasi, memperkukuh infrastruktur jaringan komunikasi dan teknologi maklumat.

Selaras dengan peningkatan jalur lebar MyREN daripada 100Mbps kepada 2Gbps pada tahun 2015, infrastruktur rangkaian USMNet telah ditingkatkan dari 1GE ke 10GE dengan perolehan peralatan dan sistem tertentu bagi menyokong peningkatan jalur lebar ke internet di Kampus Induk dari 1Gbps ke 3Gbps.

Sistem persidangan video juga ditingkatkan dengan penggunaan kamera HD dengan kualiti gambar yang lebih baik dan terang/jelas. Sehingga Disember 2015, USM mempunyai 82 kemudahan untuk persidangan video yang memberikan faedah terhadap pengajaran dan pembelajaran dan juga urusan pentadbiran universiti.

Pelbagai sistem baharu telah dibangunkan dan diguna pakai pada tahun 2015 bagi memudahkan urusan pentadbiran dan mempercepat tindakan yang perlu dilaksanakan supaya pengurusan universiti menjadi lebih cekap dan efisien :

- *Smartcard photo self upload*
- Sistem Pengurusan Dokumen (SPDOC)
- Sistem Pengurusan Minit Mesyuarat
- Sistem Tempahan Berpusat Untuk Kemudahan Pusat, Jabatan Pendaftar
- Sistem Pengurusan Aset & Inventori
- LIMS : *Laboratory Information Management System*
- *MyTalent*
- *APEX Monitoring System*
- Sistem EGST
- Sistem Galeri Muzium
- Sistem Maklumat Penerbit USM
- Sistem Permohonan Penyelidikan LMO Online - Fasa 1
- MDEC ICON3 2015 : *Product Registration Support*
- Sistem Pendaftaran Survey HEIP
- Sistem Maklumat Kebajikan & Tuntutan Staf
- *AD Self Enrolment* - Staf Kontrak & Tetap
- *AD Self-Enrolment* Saluran Perdana (Pelajar)
- *Knowledge Transfer Programme Monitoring System*
- Sistem MyMoHES Pelajar

Dokumen Kerjasama Strategik


Pada tahun 2015, USM telah menandatangani 230 dokumen kerjasama strategik. USM juga memberikan tumpuan terhadap kerjasama yang telah dimeterai pada tahun sebelumnya. Perincian dokumen strategik yang telah ditandatangani pada 2015 adalah seperti yang berikut:

| | Memorandum Persefahaman | Memorandum Perjanjian | Non-Disclosure Agreement | Jumlah |
|--------------|-------------------------|-----------------------|--------------------------|--------|
| Kebangsaan | 24 | 73 | 20 | 117 |
| Antarabangsa | 36 | 74 | 3 | 113 |
| Jumlah | 60 | 147 | 23 | 230 |

Perincian dokumen strategik yang ditandatangani pada 2015 mengikut benua adalah seperti yang berikut:

| | Memorandum Persefahaman | Memorandum Perjanjian | Non-Disclosure Agreement | Jumlah |
|-----------------|-------------------------|-----------------------|--------------------------|------------|
| Asia | 53 | 111 | 22 | 186 |
| Afrika | - | - | - | - |
| Eropah | 6 | 21 | 1 | 28 |
| Amerika Utara | 1 | 14 | - | 15 |
| Amerika Selatan | - | - | - | - |
| Oceania | - | 1 | - | 1 |
| Jumlah | 60 | 147 | 23 | 230 |

Pecahan dokumen strategik yang ditandatangani pada 2015 adalah seperti yang berikut:



Kesimpulan

Pelbagai inisiatif baharu diperkenalkan bagi memastikan kelangsungan kecemerlangan USM sebagai sebuah universiti awam yang berwibawa terus kekal dan berdaya maju. Pada masa yang sama, USM turut mengambil tindakan penambahbaikan terhadap inisiatif yang telah dilaksanakan dengan memantapkan strategi pelaksanaan dari masa ke masa. Hubungan strategik dengan pelbagai pihak sama ada di dalam negara atau antarabangsa terus diperlebar. Kriteria pemilihan rakan strategik juga diperketat supaya hasil kerjasama dapat memberikan impak yang berkesan dan efektif dari segi penggunaan sumber.





**YAYASAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**



Pengenalan

Yayasan Universiti Sains Malaysia (Yayasan USM) ditubuhkan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 (Akta 258) pada 31 Mac 2014 sebagai sebuah badan korporat bagi mendukung serta bergerak seiring bersama USM bagi mencapai visi untuk mentransformasikan pengajian tinggi demi kelestarian hari esok. Terdapat sembilan tabung di bawah Yayasan USM untuk sumbangan iaitu:

- **Tabung Kursi**

Tabung ini membiayai ahli akademik ulung, dan ahli profesional dengan tujuan khas bagi perkembangan dan perkongsian ilmu

- **Tabung Penyelidikan**

Tabung ini membiayai penyelidikan yang berkaitan dengan agenda kelestarian universiti bagi menyediakan penyelesaian isu kelestarian hari esok

- **Tabung Akademik dan Pengantarabangsaan**

Tabung ini menyokong program akademik meliputi program mobiliti staf dan pelajar bagi pendedahan global

- **Tabung Libat sama (Komuniti dan Industri)**

Tabung ini menyokong program-program libat sama antara universiti dengan komuniti dan industri

- **Tabung Bakat (Basiswa dan Hadiah)**

Tabung ini memfokuskan untuk memberikan bantuan untuk sara hidup pelajar yang memerlukan melalui tabung bakat ini telah diwujudkan satu tabung Khas yang dinamakan Dermasiswa Kasih USM yang dilancarkan pada bulan Mac 2015. Fokusnya adalah terhadap usaha untuk membantu pelajar yang tergolong dalam kalangan *the bottom billion* dan akan mula mengagihkan dana bermula pengambilan pelajar pada semester hadapan iaitu semester 2015/2016 dalam bentuk sumbangan *one-off*, zakat atau bantuan khas seperti pemberian makanan kepada pelajar miskin yang dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar USM. Selain itu, tabung ini juga turut menguruskan penerimaan dana sumbangan kepada penerima-penerima biasiswa dan *fellowship* daripada Individu, badan korporat dan agensi luar.

- **Tabung APEX**

Tabung ini membiayai program-program di bawah agenda APEX

- **Tabung Bangunan dan Penyelenggaraan**

Tabung ini membiayai penyelenggaraan dan mencantikkan bangunan-bangunan yang sedia ada di dalam kampus. Dana ini juga akan digunakan untuk tujuan membeli peralatan yang diperlukan bagi bangunan yang memerlukan. Selain itu, ia juga membantu membiayai pembinaan bangunan baru bagi keperluan universiti.

- **Tabung Endowmen Islam**

Tabung ini membiayai keperluan yang melibatkan endowmen Islam seperti sumbangan Zakat, Wakaf pendidikan dan sumbangan yang berkaitan.

- **Tabung Am**

Tabung ini digunakan untuk pembiayaan secara umum selain lapar tabung yang dinyatakan.

Laporan Pencapaian

- **Sumbangan Dana**

Pada tahun 2015, sumbangan dana yang telah diterima oleh Yayasan USM ialah sebanyak RM 1,732,761.89 juta seperti berikut;

| PENYUMBANG BAGI TAHUN 2015 | JUMLAH SUMBANGAN | TABUNG | TUJUAN SUMBANGAN/ PENCAPAIAN |
|--|--|---|---|
| YBhg Tan Sri Dato' Seri Haji Arshad Ayub, Pro Canselor Universiti Teknologi MARA | RM 800,000 Bayaran awal sebanyak RM200,000 untuk tahun 2015 | Tabung Bangunan dan Penyelenggaraan | Pembinaan Kompleks MARA MALL di Kampus Induk USM dan projek diselaraskan oleh jabatan Pembangunan dan Unit |
| Prof. Dr. Mohd Omar Abd. Kadir, Pensyarah Pusat Pengajian Teknologi Industri | RM50,000.00 | Tabung Akademik & Pengantarabangsaan | Sumbangan kepada Pusat Pengajian Teknologi Industri untuk pembelian software bagi tujuan pembelajaran dan Pengajaran di Pusat Pengajian. |
| Prof. Bambang Hartadi, Alumni USM | RM27,549.98 (Rp100,000 juta) | Tabung Bangunan dan Penyelenggaraan | Sumbangan Kepada Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan bagi tujuan pembangunan dan penyelenggaraan Pusat Pengajian dan keperluan Pelajar Ijazah Tinggi |
| Wakaf Pendidikan ISDEV | RM31,055.00 | Tabung Endowmen Islam (Wakaf Pendidikan ISDEV) | Kutipan sumbangan berdasarkan Kupon Wakaf Pendidikan bagi membantu pelajar yang layak berdasarkan kriteria yang bersesuaian dengan agihan wakaf pendidikan |
| Sumbangan Staf/ Alumni/Badan Korporat/ Persatuan Pelajar/ Orang Awam | RM352,250.00 | Tabung Bakat (Basiswa & Hadiah) Tabung Biasiswa dan Dermakasih USM | Tabung Dermasiswa Kasih USM diwujudkan pada Mac 2015 yang memfokuskan kepada usaha membantu pelajar yang tergolong dalam kalangan <i>the bottom billion</i> |
| Mr. Dipak Kumar, Alumni USM | RM50,000.00 | Tabung AM | Pemberian sumbangan one off kepada pelajar miskin yang layak berdasarkan persetujuan dan kelulusan penyumbang tabung. |
| Pusat Pengajian Pengurusan | RM131.00 | Tabung Am | Sumbangan orang Awam dan Staf sempena program Campus Run USM pada |

| PENYUMBANG BAGI TAHUN 2015 | JUMLAH SUMBANGAN | TABUNG | TUJUAN SUMBANGAN/ PENCAPAIAN |
|--------------------------------|-----------------------|---------------------------------|---|
| Alumni USM | RM10,000.00 | Tabung Am | Sumbangan untuk pengurusan dan aktiviti Alumni USM |
| Lotte Chemical Foundation Fund | RM97,939.26.00 | Tabung Bakat (Basiswa & Hadiah) | Pemberian biasiswa kepada dua pelajar Tahun 1, Sidang Akademik 2015/2016 dari Pusat Pengajian kejuruteraan Kimia. |
| UMW Holding Berhad | RM40,000.00 | Tabung Bakat (Basiswa & Hadiah) | Tabung Biasiswa dan Dermakasih USM. |
| Etiga Takaful Berhad | RM170,150.00 | Tabung Endowmen Islam | <i>Tabung Biasiswa dan Dermakasih USM.</i> |
| KUOK Foundation Berhad | RM120,000.00 | Tabung Bakat (Basiswa & Hadiah) | Fellowship untuk empat pelajar ijazah tinggi Pusat Pengajian Teknologi Industri |
| JUMLAH KESELURUHAN | RM1,732,761.89 | | |

- **Penubuhan Tabung Biasiswa/Dermakasih USM**

Pada Mac 2015, usaha penubuhan Tabung Dermakasih USM telah memberikan impak tinggi serta *visibility* yang lebih baik bagi pihak USM untuk menjana dana melalui sumbangan daripada penyumbang dan pemegang taruh sama ada dari dalam atau luar Negara untuk membantu pelajar miskin USM. Sejak ditubuhkan pada bulan Mac hingga Disember 2015 Tabung ini telah berjaya menjana kutipan dana sumbangan sebanyak RM352,250.00. Berdasarkan jumlah sumbangan tersebut RM257,810 merupakan sumbangan yang telah disumbangkan oleh 62 staf USM yang terdiri dari kumpulan akademik dan bukan akademik manakala selebihnya ialah sumbangan agensi luar dan individu luar.

Kesimpulan

Perancangan yang lebih strategik serta pelaksanaan aktiviti-aktiviti Yayasan USM pada tahun-tahun berikutnya akan dilaksanakan secara lebih efisien dengan meminimumkan sumber kewangan dan memaksimumkan sumbangan yang disasarkan terutamanya sumbangan yang memfokuskan bantuan untuk kelestarian pembelajaran dan pengajaran pelajar di USM dan membantu merealisasikan objektif dan matlamat penubuhan Yayasan USM.



Laporan Keuangan

PENDAPATAN MENGURUS

Pendapatan mengurus Universiti Sains Malaysia pada tahun 2015 adalah sebanyak RM1,037,981,377 iaitu penurunan sebanyak 7.9% daripada pendapatan mengurus tahun 2014, yang berjumlah RM1,126,552,840. Pemberian daripada kerajaan berjumlah RM926,355,617 atau 89.3% daripada jumlah pendapatan keseluruhan. Manakala yuran pelajar pula berjumlah RM58,625,936 atau 5.6%. Pendapatan lain berjumlah RM52,999,824 atau 5.1%. Jadual 1 meringkaskan pendapatan mengurus untuk tempoh 2 tahun.

Jadual 1: Pendapatan Mengurus

| | Tahun 2015 | | Tahun 2014 | |
|--------------------|----------------|--------------|----------------|--------------|
| | RM Juta | % | RM Juta | % |
| Pemberian Kerajaan | 926.4 | 89.3 | 1,014.6 | 90.0 |
| Yuran Pelajar | 58.6 | 5.6 | 74.4 | 6.6 |
| Pendapatan Lain | 53.0 | 5.1 | 37.5 | 3.4 |
| Jumlah | 1,038.0 | 100.0 | 1,126.5 | 100.0 |

PERBELANJAAN MENGURUS

Perbelanjaan mengurus Universiti Sains Malaysia pada tahun 2015 adalah berjumlah RM1,052,483,507 iaitu 7.2% lebih rendah daripada perbelanjaan mengurus tahun 2014 berjumlah RM1,133,868,337. Sebahagian besar daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan iaitu sebanyak RM678,702,553 atau 64.5% adalah untuk pembayaran emolumen. Perbelanjaan emolumen telah menurun sebanyak 2.6% berbanding dengan perbelanjaan emolumen tahun 2014 iaitu sebanyak RM696,526,404. Manakala baki 35.5% atau RM373,780,954 adalah untuk perbelanjaan bukan emolumen. Perbelanjaan bukan emolumen telah menurun sebanyak 14.5% iaitu daripada RM437,341,933 pada tahun 2014 kepada RM373,780,954 pada tahun 2015. Jadual 2 meringkaskan perbelanjaan mengurus untuk tempoh 2 tahun.

Jadual 2: Pecahan Perbelanjaan Mengurus

| | Tahun 2015 | | Tahun 2014 | |
|----------------------------|----------------|--------------|----------------|--------------|
| | RM Juta | % | RM Juta | % |
| Emolumen | 678.7 | 64.5 | 696.5 | 61.4 |
| Perkhidmatan dan Bekalan | 304.5 | 28.9 | 302.8 | 26.7 |
| Pembelian Harta Modal | 3.3 | 0.3 | 22.9 | 2.0 |
| Pemberian dan Kenaan Tetap | 43.0 | 4.1 | 86.1 | 7.6 |
| Perbelanjaan Lain | 23.0 | 2.2 | 25.5 | 2.3 |
| Jumlah | 1,052.5 | 100.0 | 1,133.8 | 100.0 |

Secara keseluruhan, kurangan pendapatan atas perbelanjaan mengurus Universiti adalah berjumlah RM14,502,130 iaitu (98.2%) lebih tinggi daripada kurangan pendapatan pada tahun 2014 sebanyak RM7,315,497. Sehubungan dengan ini, jumlah baki lebih terkumpul perbelanjaan mengurus tahun 2015 berjumlah RM67,675,792 telah menurun sebanyak RM14,502,130 atau 17.6% berbanding lebih RM82,177,922 pada tahun 2014.

Jadual 3: Lebihan Perbelanjaan Mengurus

| | Tahun 2015 RM Juta | Tahun 2014 RM Juta |
|--------------------------------------|---------------------------------------|---------------------------------------|
| Pendapatan | 1,038.0 | 1,126.5 |
| Tolak : Perbelanjaan | 1,052.5 | 1,133.8 |
| Kurangan untuk tahun | (14.5) | (7.3) |
| Lebihan terkumpul awal tahun | 82.1 | 89.4 |
| Lebihan terkumpul akhir tahun | 67.6 | 82.1 |

PENDAPATAN PEMBANGUNAN

Pendapatan pembangunan Universiti Sains Malaysia pada tahun 2015 adalah berjumlah RM57,000,000 iaitu 22.1% lebih tinggi daripada pendapatan pembangunan tahun 2014 berjumlah RM46,680,000.

PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Perbelanjaan pembangunan Universiti Sains Malaysia pada tahun 2015 adalah berjumlah RM66,257,651 iaitu 167.9% lebih tinggi daripada perbelanjaan pembangunan tahun 2014 berjumlah RM24,733,665. Perbelanjaan pembangunan dapat diringkaskan kepada perbelanjaan untuk pembelian harta modal, perkhidmatan dan bekalan dan perbelanjaan lain. Perbelanjaan untuk pembelian harta modal bagi tujuan pembangunan pada tahun 2015 berjumlah RM64,827,502 iaitu 190.6% lebih tinggi daripada perbelanjaan pada tahun 2014 berjumlah RM22,311,210. Jadual 4 menunjukkan secara terperinci perbandingan pecahan perbelanjaan pembangunan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2015 dan 2014.

Jadual 4: Perbelanjaan Pembangunan

| | Tahun 2015 | | Tahun 2014 | |
|--------------------------|-------------|--------------|-------------|--------------|
| | RM Juta | % | RM Juta | % |
| Pembelian Harta Modal | 64.8 | 97.9 | 22.3 | 90.3 |
| Perkhidmatan dan Bekalan | 0.9 | 1.4 | 2.4 | 9.7 |
| Perbelanjaan Lain | 0.5 | 0.7 | 0.0 | 0.0 |
| Jumlah | 66.2 | 100.0 | 24.7 | 100.0 |

Terdapat kurangan pendapatan atas perbelanjaan pembangunan pada tahun 2015 berjumlah RM9,257,651 berbanding dengan lebih pendapatan atas perbelanjaan pada tahun 2014 berjumlah RM21,946,335 menurun sebanyak RM31,203,986 atau 142.2%. Lebih pendapatan terkumpul pada tahun 2015 berjumlah RM83,678,477 telah menurun sebanyak RM9,257,651 (10.0%) berbanding lebih terkumpul pembangunan daripada RM92,936,128 pada tahun 2014 seperti tertera di Jadual 5.

Jadual 5: Lebihan Perbelanjaan Pembangunan

| | Tahun 2015 RM Juta | Tahun 2014 RM Juta |
|---|--------------------------|--------------------------|
| Pendapatan | 57.0 | 46.7 |
| Tolak : Perbelanjaan | 66.2 | 24.7 |
| (Kurangan) / Lebihan untuk tahun | (9.2) | 22.0 |
| Lebihan terkumpul awal tahun | 92.9 | 70.9 |
| Lebihan terkumpul akhir tahun | 83.7 | 92.9 |

PENDAPATAN PENYELIDIKAN E-SCIENCE

Pendapatan penyelidikan E-Science Universiti Sains Malaysia pada tahun 2015 adalah berjumlah RM3,256,934 iaitu (28.4%) lebih tinggi berbanding pada tahun 2014 berjumlah RM2,536,375 daripada kerajaan. Pemberian wang ini merupakan peruntukan untuk membiayai projek-projek penyelidikan jangka pendek.


PERBELANJAAN PENYELIDIKAN E-SCIENCE

Perbelanjaan penyelidikan E-Science Universiti Sains Malaysia pada tahun 2015 adalah berjumlah RM2,331,801 iaitu (11.1%) lebih rendah berbanding pada tahun 2014 berjumlah RM2,622,092. Daripada jumlah ini, hanya 1.3% ialah perbelanjaan untuk alat kelengkapan dan baki sebanyak 98.7% ialah perbelanjaan untuk bekalan dan perkhidmatan yang lain. Perbelanjaan ke atas alat kelengkapan telah menurun sebanyak 87.2% dalam tahun 2015 berjumlah RM31,103 berbanding tahun 2014 yang berjumlah RM242,914. Begitu juga perbelanjaan ke atas bekalan dan perkhidmatan lain menunjukkan penurunan sebanyak 3.3% berjumlah RM2,300,698 dalam tahun 2015 berbanding tahun 2014 yang berjumlah RM2,379,178. Ini dapat dilihat dengan jelas di dalam Jadual 6.


Jadual 6: Perbelanjaan Penyelidikan E-Science

| | Tahun 2015 | | Tahun 2014 | |
|-------------------------------|------------|--------------|------------|--------------|
| | RM Juta | % | RM Juta | % |
| Alat Kelengkapan dan Buku | 0.0 | 0.0 | 0.2 | 7.7 |
| Bekalan dan Perkhidmatan Lain | 2.3 | 100.0 | 2.4 | 92.3 |
| Jumlah | 2.3 | 100.0 | 2.6 | 100.0 |


PENDAPATAN 2015




PENDAPATAN 2014




PERBELANJAAN 2015




PERBELANJAAN 2014



PENDAPATAN MENGIKUT KUMPULAN WANG 2011 – 2015



PERBELANJAAN MENGIKUT KUMPULAN WANG 2011 – 2015



PENYATA KEWANGAN

- 1. Laporan Ketua Audit Negara**
- 2. Penyata Lembaga Gabenor Universiti**
- 3. Pengakuan Oleh Pegawai Utama Yang Bertanggungjawab Ke Atas Pengurusan Kewangan Universiti Sains Malaysia**
- 4. Lembaran Imbangan**
- 5. Penyata Pendapatan**
- 6. Penyata Perubahan Ekuiti**
- 7. Penyata Aliran Tunai**
- 8. Nota Kepada Penyata Kewangan**



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2015 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

Tanggungjawab Lembaga Gabenor Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Gabenor bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30). Lembaga Gabenor juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi


bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

Pendapat

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2015 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawai pelaporan kewangan yang dituluskan di Malaysia.

Saya telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan. Saya berpuas hati bahawa penyata kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut. Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.


(LT. KOL. (K) DATUK HJ. ANWARI BIN SURI)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
14 JUN 2016



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Gabenor Universiti
(AKAUN KUMPULAN)**

Kami, **ZULKEFLI A. HASSAN** dan **OMAR OSMAN** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Gabenor **UNIVERSITI SAINS MALAYSIA** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Gabenor, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **UNIVERSITI SAINS MALAYSIA** pada 31 Disember 2015 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga,



.....
TAN SRI DATUK DR. ZULKEFLI A. HASSAN
Pengerusi Lembaga Gabenor

Tarikh : **10 FEB 2016**

Tempat : Pulau Pinang

Bagi Pihak Lembaga,



.....
PROFESOR DATO' DR. OMAR OSMAN
Ahli Lembaga Gabenor

Tarikh : **10 FEB 2016**

Tempat : Pulau Pinang

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

Saya, **ROHAYATI MOHD ISA** (No K/P : **660131-08-6356**) pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya
diakui oleh penama di atas
di *A Pinang*
pada **10 FEB 2016**



DR. ROHAYATI MOHD ISA



Di hadapan saya,

35-3, Jalan Todak 4,
Bandar Seberang Jaya,
13700 Perai, P. Pinang

PESURUHJAYA SUMPAAH

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
LEMBARAN IMBANGAN
PADA 31 DISEMBER 2015

| | NOTA | KUMPULAN | | UNIVERSITI | |
|---|------|----------------------|----------------------|----------------------|----------------------|
| | | 2015 RM | 2014 RM | 2015 RM | 2014 RM |
| ASET BUKAN SEMASA | | | | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 4 | 1,070,291,918 | 1,042,273,958 | 1,068,891,421 | 1,040,629,557 |
| Kerja dalam Kemajuan | 5 | 15,584,842 | 99,246,371 | 15,584,842 | 99,246,371 |
| Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari | 6 | - | - | 5,000,000 | 5,000,002 |
| Pelaburan dalam Hartanah Pajak | 7 | 3,693,489 | 3,781,116 | - | - |
| Pelaburan dalam Syarikat Usahasama | 8 | 511,362 | 381,415 | - | - |
| Pelaburan Jangka Panjang | 9 | 3,087,500 | 1,155,000 | 3,087,500 | 1,155,000 |
| Penghutang Pinjaman Jangka Panjang | 12 | 4,917,709 | 6,378,886 | 4,917,709 | 6,378,886 |
| | | 1,098,086,820 | 1,153,216,746 | 1,097,481,472 | 1,152,409,816 |
| ASET SEMASA | | | | | |
| Inventori | 10 | 408,144 | 330,868 | 299,830 | 330,868 |
| Penghutang Perniagaan | 11 | 70,487,178 | 77,844,333 | 64,288,328 | 75,197,522 |
| Penghutang Pelbagai, Deposit dan Prabayar | 12 | 28,527,158 | 19,708,610 | 26,544,184 | 16,725,648 |
| Hutang dari Syarikat Subsidiari | 13 | - | - | 5,645,114 | 6,502,711 |
| Hutang dari Syarikat Sub - Subsidiari | 14 | - | - | 1,275,864 | 2,846,896 |
| Pelaburan Jangka Pendek | 15 | 22,040,993 | 21,454,857 | 15,690,678 | 15,094,018 |
| Simpanan Tetap | 16 | 856,554,896 | 810,257,263 | 839,173,678 | 790,973,678 |
| Wang di Bank dan di Tangan | 17 | 57,041,779 | 73,792,951 | 47,074,394 | 59,839,338 |
| | | 1,035,060,148 | 1,003,388,882 | 999,992,070 | 967,510,679 |
| LIABILITI SEMASA | | | | | |
| Pemiutang Perniagaan | 18 | 16,243,180 | 32,815,827 | 15,245,667 | 31,816,184 |
| Pemiutang Pelbagai dan Cagaran | 19 | 129,963,029 | 106,236,058 | 111,016,437 | 86,256,703 |
| Geran Jangka Pendek | 20 | 11,536 | 51,142 | - | - |
| Percukaian | | - | 305,986 | - | - |
| | | 146,217,745 | 139,409,013 | 126,262,104 | 118,072,887 |
| ASET SEMASA BERSIH | | | | | |
| | | 888,842,403 | 863,979,869 | 873,729,966 | 849,437,792 |
| | | 1,986,929,223 | 2,017,196,615 | 1,971,211,438 | 2,001,847,608 |

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
LEMBARAN IMBANGAN
PADA 31 DISEMBER 2015**

| | NOTA | KUMPULAN | | UNIVERSITI | |
|---|------|----------------------|----------------------|----------------------|----------------------|
| | | 2015 RM | 2014 RM | 2015 RM | 2014 RM |
| DIBIYAI OLEH: | | | | | |
| Kumpulan Wang Mengurus | 21 | 136,128,124 | 161,204,105 | 136,128,124 | 161,204,105 |
| Kumpulan Wang Pembangunan Universiti | 22 | 102,710,836 | 111,758,964 | 102,710,836 | 111,758,964 |
| Kumpulan Wang Am | 23 | 393,989,612 | 331,516,743 | 393,989,612 | 331,516,743 |
| Kumpulan Wang Enterprise | 24 | 231,379,035 | 211,206,193 | 231,519,380 | 211,346,538 |
| Kumpulan Wang Universiti Penyelidikan | 25 | 78,719,307 | 113,044,733 | 78,719,307 | 113,044,733 |
| Kumpulan Wang Apex | 26 | 48,695,997 | 50,027,123 | 48,695,997 | 50,027,123 |
| Keuntungan Tertahan Syarikat Subsidiari | | 15,653,888 | 15,188,486 | - | - |
| | | 1,007,276,799 | 993,946,347 | 991,763,256 | 978,898,206 |
| LIABILITI BUKAN SEMASA | | | | | |
| Rezab Modal | 27 | 2,522,702 | 511,079 | 2,410,931 | 399,308 |
| Geran Pembangunan Kerajaan | 28 | 913,775,243 | 957,841,936 | 913,775,243 | 957,841,936 |
| Cukai Tertunda | 29 | 92,471 | 189,095 | - | - |
| Manfaat Pekerja | 30 | 63,262,008 | 64,708,158 | 63,262,008 | 64,708,158 |
| | | 1,986,929,223 | 2,017,196,615 | 1,971,211,438 | 2,001,847,608 |

Nota-Nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

| | NOTA | KUMPULAN | | UNIVERSITI | |
|---|------|----------------------|----------------------|----------------------|----------------------|
| | | 2015 RM | 2014 RM | 2015 RM | 2014 RM |
| PENDAPATAN | | | | | |
| Pemberian Kerajaan - Belanja Mengurus | | 926,355,617 | 1,014,603,950 | 926,355,617 | 1,014,603,950 |
| Pemberian Kerajaan - Universiti Penyelidikan | | 43,104,637 | 85,000,000 | 43,104,637 | 85,000,000 |
| Pemberian Kerajaan - E-Science | | 3,256,934 | 2,534,875 | 3,256,934 | 2,534,875 |
| Pelunasan Geran Pembangunan Kerajaan | | 126,923,009 | 116,599,870 | 126,923,009 | 116,599,870 |
| Yuran Pengajian | | 117,817,332 | 120,551,738 | 117,817,332 | 120,551,738 |
| Perkhidmatan Hospital | | 12,084,924 | 13,137,934 | 10,682,426 | 11,571,325 |
| Sewa | | 10,010,815 | 9,599,160 | 9,441,400 | 8,343,437 |
| Dividen | | 1,030,431 | 1,252,424 | 845,867 | 1,249,566 |
| Faedah | | 30,354,635 | 22,410,199 | 29,602,210 | 21,659,831 |
| Sumbangan | 31 | 113,051,290 | 50,019,582 | 113,051,290 | 50,019,582 |
| Pelunasan Geran Aset | | 39,606 | 59,707 | - | - |
| Keuntungan Atas Hapuskira Pelaburan Dalam | | | | | |
| Syarikat Subsidiari | | 41,571 | - | - | - |
| Keuntungan Syarikat Usahasama | | 304,947 | 288,019 | - | - |
| Pendapatan Lain | 32 | 66,404,076 | 65,879,463 | 40,866,404 | 33,710,715 |
| | | 1,450,779,824 | 1,501,936,921 | 1,421,947,126 | 1,465,844,889 |
| PERBELANJAAN | | | | | |
| Emolumen | | 718,290,859 | 733,764,465 | 709,463,653 | 726,586,501 |
| Perkhidmatan dan Bekalan | 33 | 482,849,281 | 474,932,190 | 465,646,185 | 451,495,699 |
| Pembelian Harta Modal | | 10,926,027 | 15,892,070 | 10,926,027 | 15,892,070 |
| Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | | 30,272,933 | 30,001,479 | 30,272,933 | 30,001,479 |
| Elaun Untuk Hutang Ragu | | 9,375,733 | 17,943,554 | 9,153,498 | 17,868,400 |
| Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan | | 68,145 | 48,920 | 43,332 | 48,920 |
| Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan | | 164,243,638 | 166,311,140 | 163,666,332 | 165,781,280 |
| Rosotnilai Saham | | 661,599 | 514,159 | 588,320 | 427,114 |
| Hapuskira Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari | | - | - | 2 | - |
| Hapuskira Penghutang | | - | 118 | - | - |
| Perbelanjaan Lain | | 20,626,517 | 10,877,292 | 19,318,625 | 8,798,429 |
| | | 1,437,314,732 | 1,450,285,387 | 1,409,078,907 | 1,416,899,892 |
| Lebih Pendapatan Atas Perbelanjaan Sebelum Cukai | | 13,465,092 | 51,651,534 | 12,868,219 | 48,944,997 |
| Cukai | 34 | (134,640) | (923,373) | (3,169) | (4,808) |
| Lebih Pendapatan Atas Perbelanjaan Selepas Cukai | | 13,330,452 | 50,728,161 | 12,865,050 | 48,940,189 |

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

| KUMPULAN | Kumpulan Wang Mengurus | Kumpulan Wang Pembangunan Universiti | Kumpulan Wang Am | Kumpulan Wang Enterprise | Kumpulan Wang Universiti Penyelidikan | Kumpulan Wang Apex | Keuntungan Tertahan Syarikat Subsidiari | Jumlah |
|---|------------------------|--------------------------------------|--------------------|--------------------------|---------------------------------------|--------------------|---|----------------------|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Pada 1 Januari 2014 | 164,318,463 | 120,807,091 | 295,860,750 | 194,292,233 | 87,801,631 | 66,737,504 | 13,400,514 | 943,218,186 |
| Lebihan / (Kurangan) Bersih Bagi Tahun Pindahan | (3,114,358) | (9,048,127) | 35,629,398 | 16,912,705 | 25,243,102 | (16,682,531) | 1,787,972 | 50,728,161 |
| | - | - | 26,595 | 1,255 | - | (27,850) | - | - |
| | (3,114,358) | (9,048,127) | 35,655,993 | 16,913,960 | 25,243,102 | (16,710,381) | 1,787,972 | 50,728,161 |
| Pada 31 Disember 2014 | 161,204,105 | 111,758,964 | 331,516,743 | 211,206,193 | 113,044,733 | 50,027,123 | 15,188,486 | 993,946,347 |
| Lebihan / (Kurangan) Bersih Bagi Tahun Pindahan | (25,075,981) | (9,048,128) | 62,472,869 | 20,172,842 | (34,325,426) | (1,331,126) | 465,402 | 13,330,452 |
| | - | - | - | - | - | - | - | - |
| | (25,075,981) | (9,048,128) | 62,472,869 | 20,172,842 | (34,325,426) | (1,331,126) | 465,402 | 13,330,452 |
| Pada 31 Disember 2015 | 136,128,124 | 102,710,836 | 393,989,612 | 231,379,035 | 78,719,307 | 48,695,997 | 15,653,888 | 1,007,276,799 |

PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

| UNIVERSITI | Kumpulan Wang Mengurus | Kumpulan Wang Pembangunan Universiti | Kumpulan Wang Am | Kumpulan Wang Enterprise | Kumpulan Wang Universiti Penyelidikan | Kumpulan Wang Apex | Keuntungan Tertahan Syarikat Subsidiari | Jumlah |
|---|------------------------|--------------------------------------|--------------------|--------------------------|---------------------------------------|--------------------|---|--------------------|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Pada 1 Januari 2014 | 164,318,463 | 120,807,091 | 295,860,750 | 194,432,578 | 87,801,631 | 66,737,504 | - | 929,958,017 |
| Lebihan / (Kurangan) Bersih Bagi Tahun Pindahan | (3,114,358) | (9,048,127) | 35,629,398 | 16,912,705 | 25,243,102 | (16,682,531) | - | 48,940,189 |
| | - | - | 26,595 | 1,255 | - | (27,850) | - | - |
| | (3,114,358) | (9,048,127) | 35,655,993 | 16,913,960 | 25,243,102 | (16,710,381) | - | 48,940,189 |
| Pada 31 Disember 2014 | 161,204,105 | 111,758,964 | 331,516,743 | 211,346,538 | 113,044,733 | 50,027,123 | - | 978,898,206 |
| Lebihan / (Kurangan) Bersih Bagi Tahun Pindahan | (25,075,981) | (9,048,128) | 62,472,869 | 20,172,842 | (34,325,426) | (1,331,126) | - | 12,865,050 |
| | - | - | - | - | - | - | - | - |
| | (25,075,981) | (9,048,128) | 62,472,869 | 20,172,842 | (34,325,426) | (1,331,126) | - | 12,865,050 |
| Pada 31 Disember 2015 | 136,128,124 | 102,710,836 | 393,989,612 | 231,519,380 | 78,719,307 | 48,695,997 | - | 991,763,256 |

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

| | KUMPULAN | | UNIVERSITI | |
|--|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
| | 2015 RM | 2014 RM | 2015 RM | 2014 RM |
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI | | | | |
| Lebihan pendapatan atas perbelanjaan sebelum cukai | 13,465,092 | 51,651,534 | 12,868,219 | 48,944,997 |
| Pelarasan untuk: | | | | |
| Susutnilai hartanah, loji dan peralatan | 164,243,638 | 166,311,140 | 163,666,332 | 165,781,280 |
| Pendapatan dividen | (1,030,431) | (1,252,424) | (845,867) | (1,249,566) |
| Pendapatan faedah | (30,354,635) | (22,410,199) | (29,602,210) | (21,659,831) |
| Pelunasan Geran Pembangunan Kerajaan | (126,923,009) | (116,599,870) | (126,923,009) | (116,599,870) |
| Pelunasan geran aset | (39,606) | (59,707) | - | - |
| Rosot nilai saham | 661,599 | 514,159 | 588,320 | 427,114 |
| Rosot nilai akibat kejatuhan nilai pelaburan tidak lagi diperlukan | (266,022) | - | (266,022) | - |
| Pelupusan hartanah, loji dan peralatan | 68,145 | 48,920 | 43,332 | 48,920 |
| Elaun untuk hutang ragu | 9,375,733 | 17,943,554 | 9,153,498 | 17,868,400 |
| Elaun untuk hutang ragu tidak lagi diperlukan | (8,810,236) | (2,179,452) | (8,810,236) | (2,138,275) |
| Keuntungan atas hapuskira pelaburan dalam | | | | |
| Syarikat Subsidiari | (41,571) | - | - | - |
| Hapuskira penghutang | - | 118 | - | - |
| Hapuskira pelaburan dalam Syarikat Subsidiari | - | - | 2 | - |
| Perkhidmatan dan bekalan | 2,480 | - | 2,480 | - |
| Keuntungan Syarikat Usahasama | (129,947) | 86,981 | - | - |
| Keuntungan pelupusan pelaburan jangka pendek | (145,340) | (136,216) | (145,340) | (136,216) |
| Manfaat Pekerja | 631,693 | 5,607,303 | 631,693 | 5,607,303 |
| Keuntungan operasi sebelum perubahan dalam modal kerja | 20,707,583 | 99,525,841 | 20,361,192 | 96,894,256 |
| (Pertambahan)/ Pengurangan dalam inventori | (77,276) | 59,665 | 31,038 | 53,377 |
| (Pertambahan)/ Pengurangan dalam penghutang | (6,077,042) | (34,149,363) | 4,637,202 | (36,381,971) |
| Pertambahan dalam pemiutang | 11,019,112 | 18,451,453 | 6,111,374 | 20,852,874 |
| Tunai diperolehi daripada aktiviti operasi | 25,572,377 | 83,887,596 | 31,140,806 | 81,418,536 |
| Cukai dipulangkan | 160,000 | 140,189 | - | - |
| Cukai dibayar | (880,281) | (787,813) | (3,169) | (4,808) |
| Tunai bersih daripada aktiviti operasi | 24,852,096 | 83,239,972 | 31,137,637 | 81,413,728 |

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

| | KUMPULAN | | UNIVERSITI | |
|---|---------------------|---------------------|---------------------|---------------------|
| | 2015 RM | 2014 RM | 2015 RM | 2014 RM |
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN | | | | |
| Pembelian hartanah, loji dan peralatan Nota A | (77,618,874) | (47,879,644) | (77,348,286) | (47,562,410) |
| Pertambahan kerja dalam kemajuan | (30,964,193) | (38,468,152) | (30,964,193) | (38,468,152) |
| Pertambahan dalam pelaburan jangka pendek | (915,453) | (6,748,227) | (732,698) | (734,758) |
| Penerimaan daripada pelupusan pelaburan jangka panjang | 38,203 | - | 38,203 | - |
| Perolehan hapuskira pelaburan dalam Syarikat Subsidiari, tunai bersih (Nota 6) | (2,752) | - | - | - |
| Dividen diterima | 1,030,431 | 1,252,424 | 845,867 | 1,249,566 |
| Faedah diterima | 30,354,635 | 22,410,199 | 29,602,210 | 21,659,831 |
| Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan | (78,078,003) | (69,433,400) | (78,558,897) | (63,855,923) |
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN | | | | |
| Geran Pembangunan Kerajaan | 82,856,316 | 75,643,452 | 82,856,316 | 75,643,452 |
| Tunai bersih daripada aktiviti pembiayaan | 82,856,316 | 75,643,452 | 82,856,316 | 75,643,452 |
| Kelebihan bersih dalam tunai dan setara tunai | 29,630,409 | 89,450,024 | 35,435,056 | 93,201,257 |
| Tunai dan setara tunai pada 1 Januari | 881,264,173 | 791,814,149 | 850,813,016 | 757,611,759 |
| Tunai dan setara tunai pada 31 Disember | 910,894,582 | 881,264,173 | 886,248,072 | 850,813,016 |
| Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada: | | | | |
| Simpanan Tetap dengan Institusi Kewangan | 856,554,896 | 810,257,263 | 839,173,678 | 790,973,678 |
| Wang di bank dan di tangan | 57,041,779 | 73,792,951 | 47,074,394 | 59,839,338 |
| <i>Tolak</i> : Simpanan Tabung Amanah di bank " Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj" (TARPAH) | (1,141,472) | (1,292,472) | - | - |
| <i>Tolak</i> : Simpanan Tetap dicagar | (1,560,621) | (1,493,569) | - | - |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember | 910,894,582 | 881,264,173 | 886,248,072 | 850,813,016 |
| Nota A : Pembelian hartanah, loji dan peralatan | | | | |
| | KUMPULAN | | UNIVERSITI | |
| | 2015 RM | 2014 RM | 2015 RM | 2014 RM |
| Jumlah pembelian hartanah, loji dan peralatan | 192,242,116 | 84,807,218 | 191,971,528 | 84,489,984 |
| <i>Tolak</i> : Penambahan hartanah, loji dan peralatan yang tidak melibatkan transaksi tunai: | | | | |
| Pindahan daripada kerja dalam kemajuan | (114,623,242) | (36,927,574) | (114,623,242) | (36,927,574) |
| | 77,618,874 | 47,879,644 | 77,348,286 | 47,562,410 |

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**

1 MAKLUMAT AM

a. KEGIATAN UTAMA

Universiti Sains Malaysia (Universiti) ditubuhkan pada tahun 1969 di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti. Kegiatan utama Universiti sepanjang tahun kewangan adalah untuk meningkatkan mutu pendidikan dalam usaha untuk melahirkan siswazah yang cemerlang demi memenuhi keperluan guna tenaga negara dan menjadi pusat kecemerlangan di bidang penyelidikan dengan penumpuan kepada aktiviti penyelidikan dan pembangunan.

Kegiatan utama Syarikat Subsidiari sepanjang tahun kewangan adalah menyediakan perkhidmatan makmal dan perundingan, kontrak penyelidikan dan pembangunan, perkhidmatan pengurusan, sewa kecil ruang pejabat dan peralatan serta perdagangan.

b. LOKASI KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Universiti dijalankan di lokasi - lokasi berikut:

- (i) Kampus Induk di Minden, Pulau Pinang
- (ii) Institut Perubatan dan Pergigian Termaju di Kepala Batas, Pulau Pinang
- (iii) Kampus Kesihatan di Kubang Kerian, Kelantan
- (iv) Hospital Universiti di Kubang Kerian, Kelantan
- (v) Kampus Kejuruteraan di Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang

c. TARIKH PENYATA KEWANGAN DILULUSKAN

Penyata Kewangan telah diluluskan oleh Lembaga Gabenor Universiti dalam mesyuarat Lembaga yang bersidang pada 10 Februari 2016

2 DASAR - DASAR PERAKAUNAN PENTING

Kesemua dasar-dasar perakaunan penting sepertimana yang dinyatakan di bawah adalah konsisten sepertimana yang diamalkan di dalam tahun-tahun yang lalu.

a. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan Universiti disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah, kecuali disebut sebaliknya di dalam pernyataan dasar perakaunan sepertimana dinyatakan di bawah. Penyata kewangan Universiti juga disediakan selaras dengan peruntukan yang telah ditetapkan oleh Akta Universiti dan Kolej Universiti dan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia.

b. ASAS PENYATUAN

Penyata kewangan kumpulan meliputi semua kumpulan wang Universiti dan Syarikat Subsidiarinya yang disediakan pada setiap akhir tahun kewangan. Penyata kewangan Syarikat Subsidiari diambil kira dalam penyata kewangan yang disatukan dari tarikh kawalan bermula secara efektif sehingga ke tarikh kawalan tamat. Kaedah untuk menyatukan akaun Universiti dengan akaun Syarikat Subsidiari ialah dengan menggunakan kaedah pengambilalihan.

Perbezaan antara kos pengambilalihan dan nilai saksama aset Syarikat Subsidiari pada tarikh pengambilalihan akan dilunaskan kepada akaun pendapatan dan perbelanjaan pada tahun pengambilalihan.

2 DASAR - DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

c. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI

Sebuah Syarikat Subsidiari adalah syarikat di mana Universiti mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang melebihi 50%. Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari dinyatakan pada kos dan akan diturunkan nilainya apabila terjadi kerugian akibat daripada penurunan nilai pelaburan yang bukan bersifat sementara. Penurunan nilai pelaburan tersebut dikenakan kepada penyata pendapatan.

d. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul kecuali bagi tanah milik bebas.

Tanah yang diberi oleh kerajaan diambil kira pada nilai RM1 setiap lot.

Bangunan yang diberi oleh kerajaan dipermodalkan pada nilai nominal sebanyak RM100 setiap bangunan.

Aset tetap yang berharga RM3,000 dan ke atas bagi setiap unit dipermodalkan.

Pembaikan bangunan yang kosnya melebihi RM300,000 akan dipermodalkan.

Susut nilai atas hartanah, loji dan peralatan dikira berasaskan kaedah garis lurus untuk menghapuskan kos setiap aset di sepanjang anggaran hayat kegunaannya.

Tanah milik bebas tidak dilunaskan. Tanah pegangan pajakan dilunaskan samarata di sepanjang baki tempoh pajakan.

Kadar susut nilai tahunan yang digunakan untuk hartanah, loji dan peralatan lain adalah seperti berikut:

| | |
|---------------------------------|----------------|
| Infrastruktur dan Kemudahan | 5% |
| Bangunan atas tanah milik bebas | 5% |
| Bangunan atas tanah pajakan | 5% |
| Pengubahsuaian | 10% |
| Perabot dan Kelengkapan | 12% - 33 1/3% |
| Kenderaan | 20% |
| Alatan | 20% |
| Tanah Pajakan | Tempoh Pajakan |

Susut nilai bagi hartanah, loji dan peralatan dikenakan kepada Kumpulan Wang masing - masing.

Apabila petunjuk penurunan nilai wujud, maka nilai dibawa aset ditaksir dan diturunkan dengan serta merta kepada jumlah yang boleh dikutip semula.

e. KERJA DALAM KEMAJUAN

Kerja dalam kemajuan meliputi bangunan yang sedang didirikan dan aset lain yang belum disempurnakan pada akhir tahun kewangan. Jumlah yang diambil kira adalah kos yang terlibat berdasarkan kepada sijil bayaran kemajuan. Kos pembinaan akan dipermodalkan apabila Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Susut nilai tidak dikenakan ke atas kerja dalam kemajuan.

f. PELABURAN JANGKA PANJANG

Pelaburan Jangka Panjang dinyatakan pada kos, pelaburan diturunkan nilainya apabila terjadi kerugian akibat daripada penurunan nilai pelaburan yang bukan bersifat sementara dan penurunan nilai pelaburan dikenakan kepada penyata pendapatan.

2 DASAR - DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

g. PELABURAN DALAM HARTANAH PAJAKAN

Pelaburan dalam hartanah pajakan terdiri daripada tanah dan bangunan pajakan yang dipegang bertujuan untuk potensi pelaburan semula atau penyewaan. Pelaburan hartanah dinyatakan pada kos dan dipegang untuk tujuan pelaburan jangka panjang.

h. PELABURAN JANGKA PENDEK

Pelaburan Jangka Pendek dinyatakan pada kos. Pelaburan diturunkan nilainya apabila terjadi kerugian akibat penurunan nilai pelaburan yang bukan bersifat sementara dan penurunan nilai tersebut dikenakan kepada penyata pendapatan. Saham Bonus yang diterima akan diambilkira pada RM1 seunit.

i. INVENTORI

Inventori bekalan bahan kimia dinyatakan pada kos. Kos ditentukan secara kaedah purata wajaran.

Inventori kad elektronik dinyatakan pada nilai terendah di antara kos dan nilai boleh realisasi bersih. Kos ditentukan secara kaedah masuk - dahulu - keluar - dahulu (FIFO). Kos Inventori termasuk kos pembelian asal dan kos lain yang boleh dikenal pasti untuk membawa inventori ke lokasi dan dalam keadaan semasanya.

Inventori ubat-ubatan dan bahan pakai habis dicaj ke penyata pendapatan kerana tiada nilai bersih yang boleh direalisasikan.

j. PENGHUTANG

Penghutang dibawa ke dalam akaun adalah pada jangkaan nilai yang boleh direalisasikan. Hutang yang dikenal pasti sebagai lapuk akan dilupuskan. Elaun untuk hutang ragu akan dibuat untuk hutang yang telah dikenal pasti sebagai ragu berdasarkan kepada penyemakan akhir tahun.

Bagi hutang pinjaman pelajar, elaun hutang ragu akan dibuat untuk baki pinjaman yang masih tertunggak merujuk kepada syarat-syarat pinjaman.

Bagi Syarikat Subsidiari, elaun hutang ragu spesifik dibuat untuk hutang yang telah dipertimbangkan dan dijangka tidak akan dipungut.

Jumlah yang kemudiannya dapat dipungut balik akan dikira sebagai pendapatan.

k. CUKAI TERTUNDA

Pencukaian tertunda dikira mengikut kaedah liabiliti berhubung dengan semua perbezaan masa yang penting kecuali dijangkakan dengan munasabah bahawa kesan pencukaian tertunda tersebut akan berterusan dalam masa depan yang boleh dijangkakan. Faedah pencukaian tertunda hanya diiktiraf apabila terdapat jangkaan realisasi yang munasabah pada masa depan yang terdekat.

l. PENGIKTIRAFAN PENDAPATAN

(i) Pemberian kerajaan diakaunkan atas asas akuan selaras dengan kandungan perjanjian pemberian geran kerajaan untuk Belanja Mengurus dan diambil kira dalam Penyata Pendapatan.

(ii) Pemberian untuk projek - projek penyelidikan E-Science diakaunkan di dalam Kumpulan Wang Penyelidikan E-Science.

2 DASAR - DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

- (iii) Pemberian untuk Belanja Pembangunan yang diterima untuk membiayai kos projek modal pembangunan dikreditkan kepada akaun Geran Pembangunan Kerajaan. Amaun dalam akaun ini diagihkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan secara purata lurus ke atas jangka masa projek berkenaan.
- (iv) Yuran Universiti diiktiraf berasaskan asas akruan.
- (v) Pendapatan daripada perkhidmatan diiktiraf apabila perkhidmatan selesai disempurnakan.
- (vi) Pendapatan daripada jualan barangan diiktiraf apabila barangan selesai dihantar.
- (vii) Pendapatan daripada kontrak penyelidikan dan pembangunan diiktiraf mengikut kaedah peratusan penyiapan. Sebarang kerugian yang dijangka akan diiktiraf sejauh mana yang boleh ditentukan.
- (viii) Keuntungan atas simpanan secara Islam diiktiraf berdasarkan asas tunai.
- (ix) Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima pendapatan tersebut diperolehi.

Pendapatan dividen:

- (a) Pendapatan dikreditkan ke Kumpulan Wang yang berkenaan sekiranya pelaburan dan simpanan tetap diperuntukkan khas untuk Kumpulan Wang tertentu.
- (b) Pendapatan diambil kira sebagai pendapatan Universiti bagi pelaburan dan simpanan tetap yang tidak dikhaskan untuk Kumpulan Wang tertentu.
- (x) Sewa diiktiraf berdasarkan asas akruan selaras dengan perjanjian yang telah dipersetujui di antara pihak Universiti dan penyewa.
- (xi) Sumbangan diiktiraf apabila pendapatan itu diterima.
- (xii) Tuntutan bayaran balik mungkir perjanjian diiktiraf apabila surat tuntutan dikeluarkan.

m. CUKAI PENDAPATAN

Universiti Sains Malaysia adalah dikecualikan dari cukai pendapatan atas pendapatannya di bawah Perenggan 13 Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967 kecuali bagi pendapatan dividen.

n. CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST)

Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan berkuat kuasa pada 1 April 2016. Sebagai Universiti Awam yang menyediakan perkhidmatan pendidikan, skop pembekalan Universiti Sains Malaysia (USM) adalah pembekalan dikecualikan dan boleh dirujuk dalam Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Dikecualikan) 2014 P.U.(A) 271. Implikasi di USM adalah seperti berikut:

(i) Cukai Output

Perkhidmatan pendidikan seperti yuran pengajian, yuran asrama dan perkhidmatan pentadbiran yang berkaitan dengan pembekalan pendidikan adalah dikecualikan daripada GST dan tiada cukai output dibayar. Perkhidmatan bukan pendidikan contohnya seperti penganjuran seminar atau sewa ruang niaga adalah tertakluk kepada GST berkadar standard (6%) atau berkadar sifar (0%).

2 DASAR - DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

(ii) Perintah Relief

Universiti Awam tidak membayar GST untuk perolehan bekalan pendidikan kerana pembekal tidak mengenakan GST terhadap perolehan barang terpilih yang mendapat perintah relief di bawah pendidikan

(iii) Cukai Input

GST yang dikenakan oleh pembekal bagi perolehan perkhidmatan berkaitan dengan pendidikan akan diiktiraf sebagai perbelanjaan. USM boleh menuntut GST (cukai input) bagi perolehan bekalan/perkhidmatan berkadar standard 6% sekiranya perolehan tersebut ada kaitan dengan perkhidmatan bukan pendidikan yang berkadar standard 6% (cukai output)

o. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada simpanan tetap dengan institusi kewangan, baki wang di bank dan tunai dalam tangan.

p. INSTRUMEN KEWANGAN

Instrumen kewangan yang dinyatakan di dalam Lembaran Imbangan termasuk simpanan tetap di bank - bank berlesen, baki dalam tunai dan di bank, penghutang dan pemiutang. Kaedah pengiktirafan yang digunakan telah dinyatakan di dalam penyata polisi perakaunan yang berkaitan dengan setiap item yang terlibat.

Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai liabiliti atau ekuiti berdasarkan dengan intipati pada perbelanjaan yang telah dikontrakkan. Faedah, dividen, keuntungan dan kerugian berkaitan instrumen kewangan yang telah diklasifikasikan sebagai liabiliti akan dilaporkan sebagai pendapatan atau perbelanjaan. Pembahagian kepada pemegang instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai ekuiti akan dicaj secara terus kepada ekuiti.

q. MANFAAT PEKERJA

(i) Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial diambil kira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Universiti juga telah mengaunkan bayaran ganjaran cuti rehat bagi pekerja tetap yang akan bersara pada tahun berikutnya sebagai liabiliti manfaat pekerja jangka pendek.

(ii) Pelan Caruman Tetap

Universiti membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi staf yang memilih skim KWSP dan Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) bagi staf yang memilih skim pencen. Caruman tersebut diambil kira sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan apabila perbelanjaan tersebut dilakukan.

(iii) Manfaat Pekerja Jangka Panjang

Mulai tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007, Universiti telah menerima pakai Standard Perakaunan Malaysia 29 (MASB 29 - Employee Benefits) yang memerlukan bayaran manfaat pekerja yang dibayar selepas persaraan diiktiraf secara akrual dalam penyata pendapatan tahun semasa sebagai Perbelanjaan Manfaat Pekerja dan di dalam Lembaran Imbangan sebagai liabiliti yang dikenali sebagai Manfaat Pekerja Jangka Panjang.

Jenis manfaat pekerja jangka panjang yang diiktiraf secara akrual adalah bayaran gantian cuti rehat untuk pekerja yang telah mencapai umur 40 hingga 60 tahun pada tahun kewangan. Pengiraan amaun manfaat pekerja ini adalah berdasarkan bilangan cuti terkumpul sebenar dan kadar gaji serta elaun yang layak pada tahun kewangan.

3 POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Polisi pengurusan risiko kewangan Kumpulan dan Universiti berupaya memastikan sumber kewangan adalah mencukupi untuk pembangunan aktiviti Kumpulan dan Universiti di samping mengurus risikonya.

Polisi Kumpulan dan Universiti bagi aktiviti yang berisiko kewangan adalah seperti berikut:

(i) **Risiko Kadar Faedah**

Aliran tunai dan pendapatan Kumpulan dan Universiti adalah sebahagian besarnya bebas daripada perubahan kadar faedah pasaran memandangkan Kumpulan dan Universiti tidak mempunyai sebarang pinjaman daripada institusi kewangan berlesen. Pendedahan risiko kadar faedah hanya berlaku daripada simpanan tetap Kumpulan dan Universiti dengan institusi kewangan berlesen. Pendedahan risiko ini juga adalah di paras minima kerana tempoh matang yang pendek untuk kesemua simpanan tetap berkenaan.

(ii) **Risiko Kredit**

Pendedahan risiko kredit adalah tidak ketara untuk Universiti kerana jumlah kredit yang diberi kepada pelanggannya adalah tidak signifikan dan dikawal melalui prosedur yang nyata. Untuk Syarikat Subsidiari, risiko kredit dikawal melalui permohonan kelulusan kredit, had kredit dan prosedur pemantauan kredit. Oleh itu, pihak pengurusan yakin bahawa tiada risiko kredit selain daripada jumlah yang diluluskan dan dibenarkan untuk dikutip.

(iii) **Risiko Pasaran**

Kegiatan utama Universiti adalah untuk meningkatkan mutu pendidikan Negara selaras dengan dasar - dasar Kerajaan dan tidak bertujuan keuntungan. Oleh itu, pendedahan kepada risiko pasaran adalah pada tahap yang rendah. Aktiviti Syarikat Subsidiari pula terdedah kepada risiko pasaran yang wujud daripada persaingan dengan lain - lain Syarikat yang menyediakan perkhidmatan yang sama. Walaubagaimanapun, keteguhan Syarikat Subsidiari adalah bergantung kepada hubungan yang rapat dan kerjasama dengan Unversiti melalui penyediaan sokongan dan kepakaran teknikal pada bila - bila masa yang diperlukan.

(iv) **Risiko Kecairan dan Aliran Tunai**

Kumpulan dan Universiti berupaya menyediakan jumlah tunai dan tunai setara yang mencukupi untuk memenuhi keperluan modal kerja. Sebarang kelebihan dana akan dilaburkan di dalam simpanan tetap di institusi kewangan berlesen pada kadar faedah yang paling kompetitif.

4 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

| KUMPULAN / UNIVERSITI | Tanah / Bangunan + RM | Infrastruktur Kemudahan RM | Ubahsuaian RM | Kenderaan RM | Alatan RM | Jumlah RM |
|--|-----------------------------|----------------------------------|--------------------|-------------------|----------------------|----------------------|
| KOS | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2015 | | | | | | |
| Universiti | 1,617,738,566 | 88,137,094 | 138,441,303 | 38,243,897 | 1,197,749,088 | 3,080,309,948 |
| Syarikat Subsidiari | - | - | 794,946 | 359,865 | 10,864,805 | 12,019,616 |
| | 1,617,738,566 | 88,137,094 | 139,236,249 | 38,603,762 | 1,208,613,893 | 3,092,329,564 |
| Tambahan | | | | | | |
| Universiti | 87,395,355 | 14,019,480 | 13,208,409 | 59,431 | 77,288,853 | 191,971,528 |
| Syarikat Subsidiari | - | 52,140 | 26,000 | - | 192,448 | 270,588 |
| | 87,395,355 | 14,071,620 | 13,234,409 | 59,431 | 77,481,301 | 192,242,116 |
| Pelarasan / Reklasifikasi | | | | | | |
| Universiti | - | - | - | - | - | - |
| Syarikat Subsidiari | - | - | - | - | - | - |
| | - | - | - | - | - | - |
| Pelupusan | | | | | | |
| Universiti | - | - | - | (707,620) | (6,149,356) | (6,856,976) |
| Syarikat Subsidiari | - | - | - | - | (226,975) | (226,975) |
| | - | - | - | (707,620) | (6,376,331) | (7,083,951) |
| Pada 31 Disember 2015 | | | | | | |
| Universiti | 1,705,133,921 | 102,156,574 | 151,649,712 | 37,595,708 | 1,268,888,585 | 3,265,424,500 |
| Syarikat Subsidiari | - | 52,140 | 820,946 | 359,865 | 10,830,278 | 12,063,229 |
| | 1,705,133,921 | 102,208,714 | 152,470,658 | 37,955,573 | 1,279,718,863 | 3,277,487,729 |
| SUSUTNILAI TERKUMPUL | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2015 | | | | | | |
